



LAPORAN **TAHUNAN** **2021**

JABATAN KESIHATAN

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

DAN PUTRAJAYA (JKWPKL&P)

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA





LAPORAN TAHUNAN

JABATAN KESIHATAN

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

DAN PUTRAJAYA (JKWPKL&P)

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

2021

KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI	I
PENGURUSAN TERTINGGI JKWPKL&P	II
SIDANG PENGARANG	III
PENYUMBANG PENYELARAS & PENGARANG	IV
CARTA ORGANISASI JKWPKL&P	V / VI
MISI & VISI	VII
DASAR KUALITI	VII
OBJEKTIF KUALITI	VIII
PIAGAM PELANGGAN	IX
BAB 1	BAHAGIAN PENGURUSAN
BAB 2	BAHAGIAN PERUBATAN
BAB 3	BAHAGIAN KESIHATAN AWAM
BAB 4	BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN MAKANAN
BAB 5	BAHAGIAN FARMASI
BAB 6	BAHAGIAN PERGIGIAN

PERUTUSAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI



Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan atas kejayaan penghasilan Buku Laporan Tahunan Tahun 2020 dengan jayanya. Sekalung penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus bagi menghasilkan dokumen ini. Saya pasti pelbagai dugaan telah berjaya ditempuhi dalam menghasilkan Laporan Tahunan ini tatkala negara sedang berhadapan dengan situasi sukar pandemic COVID-19.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih, tahniah dan syabas kepada para Sidang Pengarang di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya (JKWPKL&P) di atas penerbitan Buku Laporan tahunan tahun 2020.

Laporan tahunan ini adalah merupakan dokumen penting bagi mendokumentasi dan menerangkan objektif, peranan, fungsi, aktiviti dan segala pencapaian di setiap bahagian yang terdapat di bawah JKWPKL&P. Semoga laporan tahunan ini boleh diguna pakai dan dimanfaatkan bersama oleh semua pihak.

Sepanjang tahun 2020, JKWPKL&P telah berjaya menjalankan kesemua aktiviti yang telah dirancang. Setiap bahagian juga telah menunjukkan prestasi pencapaian yang memberangsangkan selari dengan Visi JKWPKL&P iaitu "Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Mengembleng Tenaga Ke Arah Kesihatan Yang Lebih Baik."

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada seluruh warga Jabatan yang telah memberikan komitmen yang tinggi bagi mencapai kecemerlangan sehingga ke peringkat ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada sidang pengarang dan editor Laporan Tahunan 2020 Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya kerana bertungkus lumus bagi menjayakan penerbitan buku laporan tahunan ini ketika sedang memerangi pandemik Covid-19.

Sekian, Terima Kasih.

DATUK DR. PARAM JEETH SINGH A/L PAKAR SINGH

Pengarah Kesihatan Negeri

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya

PENGURUSAN TERTINGGI JKWPKL&P



DATUK DR. PARAM JEETH SINGH A/L PAKAR SINGH
PENGARAH JABATAN KESIHATAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA



PUAN NAZRAHTUL AINI BT. BAHARUM
TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI
BAHAGIAN PENGURUSAN



DR. RONIYUZAM B. ABD MALEK
TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI
BAHAGIAN PERUBATAN



DR. HJ. AMIN SAH B. HJ. AHMAD
TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI
BAHAGIAN KESIHATAN AWAM



ENCIK SAZALI B. HARUN
TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI
BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN



DATIN HASNIZAN BINTI HASAN
TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI
BAHAGIAN FARMASI



DR. CHENG LAI CHOO
TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI
BAHAGIAN PERGIGIAN

SIDANG PENGARANG

DATUK DR. PARAM JEETH SINGH A/L PAKAR SINGH
(PENGGERUSI)

Pengarah Jabatan Kesihatan, Jabatan Kesihatan
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya (JKWPKL&P)

PUAN NAZRAHTUL AINI BT. BAHARUM

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
Bahagian Pengurusan

DR. RONIYUZAM B. ABD MALEK

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
Bahagian Perubatan

DR. HJ. AMIN SAH B. HJ. AHMAD

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
Bahagian Kesihatan Awam

ENCIK SAZALI B. HARUN

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan

DATIN HASNIZAN BINTI HASAN

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
Bahagian Farmasi

DR. CHENG LAI CHOO

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
Bahagian Pergigian

PENYUMBANG PENYELARAS & PENGARANG

Penasihat

DATUK DR. PARAM JEETH SINGH A/L PAKAR SINGH

Ketua Penyelaras & Pengarang

DR. RONIYUZAM B. ABD. MALEK

Penolong Ketua Penyelaras & Pengarang

DR HAJI MOHD AKMAL B. DATO' DAHLAN

1.0 Bahagian Pengurusan

PN. NUR TASYAHEERA BT. YUSOFF

2.0 Bahagian Perubatan

PN. SHUAIBAH BT. JUSOF

PN. SITI SALWA BT. MOHAMAMD

CIK SITI FADZLIANA BT. MOHD FADZIL

EN. MUHAMMAD 'AZIEM B. MASERI

3.0 Bahagian Kesihatan Awam

DR. NAZLINA BT. DURMAN

4.0 Bahagian Kualiti dan Kesihatan Makanan

PN. SHAHIDATUL ANISAH BT. MOHD SHARIF

EN. MOHD MOZALI B. MOKHTAR

5.0 Bahagian Farmasi

EN. MUHAMMAD FADHLI B. ABD RAZAK

6.0 Bahagian Pergigian

DR. HAZWANI BT. HASSAN

Bahagian Penyunting

PN. SITI SALWA BT. MOHAMAMD


CIK SITI FADZLIANA BT. MOHD FADZIL


EN. MUHAMMAD 'AZIEM B. MASERI

Bahagian Grafik dan Keseluruhan

EN. MUHAMMAD 'AZIEM B. MASERI

CARTA ORGANISASI JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA





VISI JKWPKL&P

"Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Mengembleng Tenaga Ke Arah Kesihatan Yang Lebih Baik."

MISI JKWPKL&P

Menerajui dan berusaha Bersama-sama:

- i. Untuk membolehkan dan memudahkan penduduk Kuala Lumpur**
 - Mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
 - Menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
 - Mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka
- ii. Untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi, iaitu**
 - Mengutamakan pelanggan
 - Saksama
 - Tidak membebankan
 - Cekap
 - Wajar mengikut teknologi
 - Boleh disesuaikan mengikut persekitaran
 - Inovatif
- iii. Dengan menekankan**
 - Sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
 - Sifat menghormati maruah insan
 - Penglibatan masyarakat

DASAR KUALITI

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya (JKWPKL&P) komited dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada semua lapisan masyarakat dengan penekanan kepada aspek promosi, pencegahan, rawatan, dan rehabilitasi yang memenuhi sistem pengurusan kualiti dan penambahbaikan yang berterusan.

OBJEKTIF KUALITI

BAHAGIAN PENGURUSAN

- Sebarang pembayaran bil dan tuntutan akan dijelaskan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penerimaan.
- Sebarang aduan yang diterima di rekod dan di maklumkan untuk tindakan susulan dalam tempoh 3 hari dari tarikh penerimaan.
- Sebarang penyata perubatan mengenai pendapatan seorang pegawai (kew.8) bagi anggota lantikan baru disediakan dan dikemukakan kepada kewangan dalam tempoh 14 hari bekerja.
- Laman web JKWPKLP di kemaskini setiap minggu.

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

- Laporan pelaksanaan pemantauan indikator kepada aktiviti di Bahagian Kesihatan Awam di bentangkan di dalam mesyuarat bahagian kesihatan awam setiap 6 bulan.

BAHAGIAN PERUBATAN

- Pemeriksaan dan laporan untuk pembaharuan lesen hospital (untuk permohonan yang diterima dalam tempoh yang di tetapkan iaitu enam (6) bulan sebelum tarikh tamat lesen) siap di kemukakan kepada Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Kementerian Kesihatan Malaysia tiga (3) bulan sebelum tamat lesen.
- Lawatan pemantauan dilakukan oleh pasukan penyeliaan sekurang-kurangnya dua (2) bulan sekali.
- Memastikan semua acara yang di luluskan mempunyai pasukan perlindungan perubatan.

BAHAGIAN FARMASI

1. Penguatkuasa Farmasi

Pengeluaran lesen baru jenis A/B/C dan permit NaOH dikeluarkan dalam masa 10 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima.

2. Pengurusan Farmasi

Memastikan modal insan dan perancangan latihan diuruskan secara optima mengikut keperluan selain pengurusan kewangan yang mantap mengikut peraturan yang ditetapkan.

3. Amalan Dan Perkembangan Farmasi

Memastikan perolehan dan penggunaan ubat-ubatan yang berkualiti melalui Amalan Farmasi yang berkesan bagi mempertingkatkan Perkhidmatan Farmasi di Malaysia supaya setanding dengan kemajuan Perkembangan Perkhidmatan Farmasi di Negara-negara maju.

PIAGAM PELANGGAN

BIL	PERKARA
1.	Pelanggan akan mula menerima perkhidmatan di klinik kesihatan/ farmasi dalam masa 30 minit selepas pendaftaran atau kad imbas: i) Klinik kesihatan ii) Farmasi iii) >75% pesakit luar di klinik pergigian mendapat rawatan dalam masa 30 minit
2.	Di jabatan kecemasan, pelanggan akan di kategorikan mengikut keutamaan kes kepada berikut: i) Zon merah: pesakit akan di rawat serta-merta. ii) Zon kuning: pesakit akan diperiksa dalam masa 15 minit.
3.	Sijil kesihatan di keluarkan setelah dokumen dan maklumat lengkap diperolehi daripada syarikat yang memohon dalam masa: i) 3 hari bekerja (sekiranya produk mempunyai sijil HACCP dri kementerian kesihatan). ii) 21 hari bekerja (sekiranya produk tiada sijil HACCP).
4.	Sijil jualan bebas di keluarkan kepada syarikat yang memohon dalam masa 24 jam setelah dokumen dan maklumat lengkap diperolehi.
5.	Selepas menerima permohonan baru yang lengkap daripada pelanggan; i) Lawatan ke premis pemohon bagi tujuan lesen hospital dan klinik akan dilakukan dalam masa 14 hari bekerja. ii) Pengeluaran lesen/permit baru (racun jenis A/B/E, Permit NaOH dan permit psikotropik) yang di keluarkan di bawah Akta Racun 1952 dalm tempoh 10 hari bekerja.
6.	Kawalan pencegahan wabak dalam tempoh 24 jam dari tarikh notifikasi yang diterima bagi semua penyakit berjangkit.
7.	Siasatan kes kematian akibat penyakit berjangkit adalah dalam tempoh 24 jam dari tarikh notifikasi diterima.
8.	Pengurusan aduan pelanggan di rekod dan di maklumkan penerimaannya dalam tempoh 3 hari bekerja dan di jawab kepada pengadu tentang tindakan yang telah di buat dalam tempoh masa 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan.
9.	Pengurusan pembayaran bil dan tuntutan di jelaskan dalam tempoh masa 14 hari daripada tarikh pengesahan kelulusan pembayaran.



1.0

BAHAGIAN

PENGURUSAN

JKWPKL & P



1.0 BAHAGIAN PENGURUSAN

PENGENALAN

Bahagian Pengurusan bertanggungjawab memberikan khidmat sokongan kepada Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P) dalam usaha menyediakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada masyarakat khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Bahagian ini berperanan menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan mengikut piawaian yang telah ditetapkan bagi keseluruhan Pusat Tanggungjawab (PTj) merangkumi urusan pentadbiran, pengurusan sumber manusia, kewangan, pengesanan dan penyeliaan projek-projek pembangunan, perolehan dan pembelian stok serta aset Jabatan, penyelarasan aktiviti-aktiviti latihan anjuran sektor awam dan swasta, serta keurussetiaan pelbagai aktiviti jabatan.

MATLAMAT PERKHIDMATAN DAN OBJEKTIF

Bahagian Pengurusan menyediakan perkhidmatan dengan matlamat untuk memastikan pengurusan pentadbiran, sumber manusia dan kewangan diuruskan dengan strategik dan berkualiti bagi memenuhi kehendak pelanggan selaras dengan peraturan dan prosedur yang sedang berkuat kuasa, dengan objektif utama untuk menyediakan khidmat pengurusan yang berkualiti, cekap dan berkesan serta mesra pelanggan.

1.1 UNIT PENTADBIRAN


Secara amnya, Unit Pentadbiran bertanggungjawab menguruskan urusan pentadbiran pejabat dan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada semua bahagian di JKWPKL&P. Unit Pentadbiran juga bertanggungjawab dalam menguruskan surat keluar dan masuk, fail Jabatan, penyelenggaraan dan kebersihan pejabat, keselamatan pejabat, laporan kehadiran kakitangan, pengurusan kuarters di bawah JKWPKL&P, permohonan penggunaan kenderaan Jabatan, majlis-majlis rasmi serta aduan di JKWPKL&P.

1.1.1 Laporan Aduan Mengikut Kategori Bagi Tahun 2021

Sebanyak enam (6) aduan dan satu (1) pertanyaan diterima oleh Ibu Pejabat Jabatan Kesihatan Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2021. Analisis kategori aduan adalah seperti berikut:

KATEGORI	JUMLAH ADUAN	PERATUSAN
KELEWATAN / TIADA TINDAKAN	1	14%
SALAH GUNA KUASA	2	29%
SALAH LAKU ANGGOTA AWAM	2	29%
KEGAGALAN PENGUATKUASAAN	1	14%
PELBAGAI ADUAN	1	14%
JUMLAH	7	



1.1.2 Aktiviti Unit Pentadbiran

a. Misi bantuan sukarelawan bencana banjir
Pasukan Bantuan Sukarelawan Banjir yang terdiri daripada kakitangan di Bahagian Pengurusan telah ditubuhkan bagi melaksanakan misi bantuan kepada mangsa-mangsa banjir pada 23 Disember 2021 di Taman Sri Nanding, Hulu Langat, Selangor bagi membersihkan Kawasan kediaman dan menghulurkan sumbangan wang tunai dan keperluan lain kepada kakitangan yang terjejas.



Rajah 1.1: Pasukan Sukarelawan Membantu Membersihkan Kawasan Yang Dilanda Banjir


1.2 UNIT SUMBER MANUSIA

Unit Sumber Manusia (BSM) bertanggungjawab dalam memastikan segala urusan sumber manusia di JKWPKL&P dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berkualiti selaras dengan pekeliling dan peraturan perkhidmatan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa. Unit Sumber Manusia merangkumi tiga sub unit iaitu Sub Unit Perkhidmatan, Sub Unit Perjawatan dan HRMIS, serta Sub Unit Integriti/Prestasi. Sehingga tahun 2021, jumlah

perjawatan yang telah diluluskan di JKWPKL&P adalah sebanyak 7,265 jawatan yang dibahagikan mengikut kategori kumpulan jawatan iaitu kumpulan Pengurusan dan Profesional, kumpulan Sokongan I serta kumpulan Sokongan II dengan jumlah pengisian sebanyak 6,770 jawatan (93%). Senarai peawatan dan pengisian mengikut kategori adalah seperti Jadual 1.1 manakala Rajah 1.2 pula menunjukkan perbandingan perjawatan bagi tahun 2020 dan 2021.

Jadual 1.1: Perjawatan Mengikut Kategori

BIL	KATEGORI KUMPULAN JAWATAN	BIL. PERJAWATAN	PENGISIAN		KOSONG	
			BIL	%	BIL	%
1	Pengurusan Tertinggi (JUSA)	35	26	74%	9	26%
2	Profesional & Pengurusan	1,719	1,530	89%	189	11%
3	Sokongan I	4,492	4,265	95%	227	5%
4	Sokongan II	1,019	949	93%	70	7%
JUMLAH KESELURUHAN		7,265	6,770	93%	495	7%



Rajah 1.2: Perbandingan Perjawatan dan Pengisian Bagi Tahun 2020 & 2021

Sepanjang tahun 2021, BSM KKM telah menyediakan pelbagai jawatan lantikan kontrak khususnya bagi membantu staf sedia ada dalam menangani wabak

CoVID-19. Antara jawatan yang telah diluluskan secara lantikan kontrak mengikut kategori bagi tujuan tersebut seperti berikut:

1.1.1 Pelantikan Kerana Keperluan Akta Untuk Latihan Siswazah Dan Khidmat Wajib

BIL.	NAMA JAWATAN	BILANGAN LANTIKAN	CATATAN
1.	Pegawai Perubatan Gred UD41	241	Lantikan tahun 2021
2.	Pegawai Pergigian Gred UG41	68	Lantikan tahun 2021
3.	Pegawai Farmasi Gred UF41	47	Lantikan tahun 2021

1.1.2 Pelantikan Kerana Membantu Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan

BIL.	NAMA JAWATAN	BIL. LANTIKAN	CATATAN
1.	Jururawat Gred U29	167	Kontrak berbeza mengikut lantikan. Tempoh kontrak 6 bulan, 1 tahun dan 2 tahun
2.	Penolong Pegawai Perubatan Gred U29	91	Kontrak berbeza mengikut lantikan. Tempoh kontrak 6 bulan, 1 tahun dan 2 tahun
3.	Pen. Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29	50	Kontrak 2 tahun (bermula 2021)
4.	Jurupulih Perubatan Fisioterapi dan Cara Kerja Gred U29	8	Kontrak 2 tahun (bermula 2021)
5.	Pegawai Psikologi Kaunseling Gred S41	3	Kontrak 1 tahun
6.	Pegawai Kesihatan Persekitaran U41	3	Kontrak 2 tahun
7.	Juru X-ray U29	10	Kontrak 2 tahun (bermula 2021)
8.	Juruteknologi Makmal Perubatan U29	29	Kontrak 2 tahun (bermula 2021)

1.3 UNIT KEWANGAN

Secara amnya, Unit ini bertanggungjawab dalam aspek pengurusan kewangan terutamanya dalam melaksanakan tugas-tugas seperti penyaluran waran peruntukan, penyelarasan perjanjian program bagi program pengurusan dan laporan perbelanjaan mengurus dan pembangunan, pembayaran emolumen, pungutan hasil, pembayaran bil serta hal-hal yang berkaitan kewangan. Secara keseluruhannya, Unit ini bertanggungjawab dalam memastikan segala urusan pembayaran hendaklah mematuhi arahan, peraturan dan pekeliling-pekeliling yang berkuat kuasa seperti ditetapkan oleh Perbendaharaan dan Jabatan Akauntan Negara.

1.3.1 Peruntukan Jabatan

Secara keseluruhannya, JKWPKL&P telah diperuntukkan sebanyak RM841,821,203 bagi tahun 2021 yang merangkumi Belanja Mengurus sebanyak RM634,594,490 dan RM207,226,713 bagi Belanja Pembangunan.


1.3.2 Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Peruntukan yang diluluskan di bawah Perbelanjaan Mengurus bagi Tahun 2021 adalah sebanyak RM634,594,490 iaitu pengurangan sebanyak RM48,087,085 (pengurangan sebanyak 7.04%)

berbanding tahun 2020 (RM682,681,575). Keseluruhan prestasi Perbelanjaan Mengurus JKWPKL&P sehingga 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM671,942,788 atau 106% daripada keseluruhan peruntukan. Perbelanjaan melebihi peruntukan adalah disebabkan oleh perbelanjaan emolumen yang lain. Jadual 1.2 di bawah menunjukkan jumlah peruntukan dan peratusan perbelanjaan mengikut maksud perbelanjaan.

Jadual 1.2: Jumlah peruntukan dan peratusan perbelanjaan mengikut maksud perbelanjaan

MAKSUD PERBELANJ AAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELAJ AAN (RM)	PERATUSAN PERBELANJ AAN (%)
Emolumen	452,474,342	490,928,334	108
Perkhidmatan dan Bekalan	179,167,053	178,324,105	100
Aset	1,131,450	873,731	77
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,821,645	1,816,619	100



Rajah 1.3: Menunjukkan Agihan Peruntukan Belanja Mengurus Bagi Tahun 2021

1.3.3 Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan

Secara keseluruhannya, JKWP&P telah diperuntukkan sebanyak RM207, 226, 713 untuk projek-projek pembangunan. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

JKWP&P sehingga 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM198,714,950 atau 96% daripada keseluruhan peruntukan. Jadual 1.3 menunjukkan projek yang diluluskan bagi tahun 2021

Jadual 1.3: Projek Pembangunan yang diluluskan bagi tahun 2021

NO	PROJEK	SUB SETIA	TAJUK	Peruntukan	Belanja	Tanggungan	Belanja + Tanggungan	Baki	(%) T + B
				RM	RM	RM	RM	RM	%
1	BP 00105	001051171003	Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Jangka Pendek	210,489	113,765	-	113,765	96,724	54%
2	BP 00201	002011061010	Pembaikan & Naiktaraf Bangunan, Sistem Kejuruteraan & Infra di 3 Klinik Kesihatan di Wilayah Persekutuan	400,000	394,232	-	394,232	5,768	99%
3	BP 00203	002031172020	OE Ke DE - Perkhidmatan Sokongan Klinik	8,462,334	8,420,228	-	8,420,228	42,106	100%
		002031176013	Pelan Transformasi Perkhidmatan Klinik 1Malaysia kepada Klinik Komuniti	350,000	343,135	-	343,135	6,865	98%
4	BP 00300	003001061011	Menaiktaraf Kemudahan Hemodialisis di 3 Hospital di Wilayah Persekutuan	4,000	-	2,850	2,850	1,150	71%
		003001171020	PPP/PFI - Perkhidmatan Sokongan Hospital	30,776,900	26,851,549	-	26,851,549	3,925,351	87%
		003001171022	OE Ke DE - Perkhidmatan Sokongan Hospital	14,193,363	12,736,563	-	12,736,563	1,456,800	90%
5	BP 00500	005001171003	Policy Directed Research On Non Communicable Diseases	59,310	29,255	-	29,255	30,055	49%
6	BP 00600	006001171001	Menaiktaraf, Mengubahsuai' dan Membuat Kerja - Kerja Pembaikan di Fasiliti Kesihatan	3,806,498	3,806,498	-	3,806,498	-	100%
7	BP 00800	008000420117	Peruntukan Kepada Kementerian Kesihatan Bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19	35,765,777	34,210,508	-	34,210,508	1,555,269	96%
		008000420317	Peruntukan Bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19 - Vaksin MOH	184,696	184,696	-	184,696	-	100%
8	BP 00900	009001061006	Pembaikan & Penyelenggaraan Kuarters Klinik Kementerian Kesihatan	220,000	219,765	-	219,765	235	100%
9	BP 01100	011001170010	PPP/PFI - Cadangan Perolehan & Penyelenggaraan Peralatan Perubatan di Kesemua Klinik Kerajaan di Bawah Medical Equipment Enhancement Tenure (MEET)	6,904,952	5,933,085	-	5,933,085	971,867	86%
		011001061002	Perolehan Peralatan Pasukan Pergigian Bergerak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya	900,000	897,544	-	897,544	2,456	100%
		011001071002	Naiktaraf Peralatan Perubatan & Bukan Perubatan Serta Kenderaan	15,799,798	15,776,248	-	15,776,248	23,550	100%
		011001171023	OE Ke DE - Bekalan Perubatan	53,875,296	53,572,574	-	53,572,574	302,722	99%
		011001171024	OE Ke DE - Koneksi Penswastaan Makmal Ubat & Stor	35,313,300	35,222,456	-	35,222,456	90,844	100%
	JUMLAH KESELURUHAN			207,226,713	198,712,100	2,850	198,714,950	8,511,763	96%

1.3.4 Kutipan Hasil Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P)

Jumlah hasil JKWPKL&P yang diterima bagi bulan Januari hingga Disember 2021 adalah sebanyak RM46,328,990.61

berbanding 2020 sebanyak RM41,894,092.18. Pengkelasan mengikut penjenisan kod adalah seperti Jadual 1.4 berikut:

Jadual 1.4: Jenis-Jenis Hasil

BIL	PENJENISAN KOD		JUMLAH (RM)
1	72110	Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) untuk pesakit luar-Warganegara Malaysia	869,436.01
2	72113	Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) untuk pesakit luar-Warganegara Asing	534,543.00
3	72117-72127	Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) untuk pesakit dalam - Warganegara Malaysia	6,843,173.50
4	72131-72145	Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) untuk pesakit dalam Warganegara Asing	315,887.00
5	72111	Bayaran Perkhidmatan Perubatan, Kesihatan untuk pesakit luar - Warganegara Malaysia	1,241,401.00
6	72114	Bayaran Perkhidmatan Perubatan, Kesihatan untuk pesakit luar - Warganegara Asing	1,855,259.27
7	72112	Bayaran Perkhidmatan Pergigian untuk pesakit luar- Warganegara Malaysia	1,054,721.00
8	72115	Bayaran Perkhidmatan Pergigian untuk pesakit luar- Warganegara Asing	39,092.50
9		Pelbagai Bayaran (Kompau rokok, denggi, lesen, sewa dan lain-lain)	33,575,477.33
JUMLAH KESELURUHAN			46,328,990.61

1.4 UNIT PEMBANGUNAN

Unit Pembangunan berfungsi merancang dan menyelaraskan pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT), projek-projek di bawah peruntukan pembangunan seperti Naiktaraf, Ubahsuai dan Pembaikan (BP00600), Penyelenggaraan Kuarters KKM (BP00900), Penyelenggaraan Tanah (BP00700), serta Projek-Projek Khas. Selain itu Unit Pembangunan juga turut berfungsi dalam:

- Merancang dan menguruskan peruntukan pembangunan jabatan eg. BP00203, BP00600, BP00700, BP00900, dan BP01100;
- Menguruskan permohonan kerja-kerja pembaikan dan naik taraf klinik;
- Menguruskan hal-ehwal penyewaan ruang pejabat di premis bukan milik Kerajaan Persekutuan untuk dijadikan klinik/pejabat;
- Menguruskan hal-ehwal penyewaan Tanah Persekutuan oleh Kementerian/Jabatan Pengguna
- Bagi Ruang Bangunan (Premis) di bawah pentadbiran JKWPKL&P;
- Memantau dan mengemaskini maklumat pelaksanaan projek pembangunan di dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPPII);
- Bertindak sebagai pengantara dengan agensi pelaksana pembangunan;
- Mengendalikan urusan berkaitan tanah di bawah seliaan JKWPKL&P;
- Menguruskan perolehan sebutharga kerja dan perkhidmatan taska di fasiliti di bawah pentadbiran JKWPKL&P; dan
- Menyelaras laporan kajian penilaian *outcome* projek-projek pembangunan di bawah JKWPKL&P

1.5.1 Aktiviti-aktiviti Unit Pembangunan Adalah Termasuk:

- a) Menyelaras permohonan projek-projek baru dan sambungan di bawah *Rolling Plan* Kedua Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP2 RMK-12);
- b) Memantau prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1) RMK-12 yang telah diluluskan supaya mengikut jadual yang telah ditetapkan;
- c) Memastikan sebanyak 31 lot tanah yang telah disah milik diselia dan dipantau secara berkala;
- d) Memastikan urusan penyewaan ruang pejabat dengan syarikat dan agensi berkaitan diuruskan

dengan segera iaitu sebanyak 21 buah klinik di bawah JKWPKL&P seperti Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian, Klinik Kesihatan Ibu dan Anak dan Klinik Komuniti;

- e) Memastikan urusan penyewaan Tanah Persekutuan oleh Kementerian/Jabatan Pengguna Bagi Ruang Bangunan (Premis) diuruskan dengan sempurna di mana sebanyak 15 penyewa direkodkan di bawah JKWPKL&P; dan
- f) Memastikan peruntukan pembangunan dan projek di bawah BP00203, BP00600, BP00700, dan BP01100 dilaksanakan dan diuruskan mengikut perancangan dan prosedur yang ditetapkan;

1.4.2. Program/Aktiviti Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2021

- a) Lawatan Kerja YBhg. Dato' Sri KSU KKM ke Projek Pembinaan Kompleks Endokrin Hospital Putrajaya dan Pusat Bersalin Berisiko Rendah (PBBR);



b) Mesyuarat Tapak Projek Meroboh Dan Membina Semula Klinik Kesihatan Dato' Keramat;



c) Lawatan Tapak Jabatan Kerja Raya (JKR) Ke Tapak Cadangan Ubahsuai Bangunan Taska Lama KKM Untuk Dijadikan Unit Rehabilitasi Klinik Kesihatan Tanglin;





d) Lawatan Tapak JKR Ke Tanah Kosong Bagi Cadangan Klinik Kesihatan Pantai Dalam Dan Pejabat Kesihatan Lembah Pantai;



e) Lawatan Tapak Bagi Cadangan Perpindahan Klinik Kesihatan Bandar Tun Razak Ke Pusat Komuniti Bandar Tun Razak; dan



- f) Sesi Penyerahan Kunci Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Jalan Cenderasari Kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian WP Kuala Lumpur (JKPTG WPKL).



1.5 UNIT PEROLEHAN

Unit Perolehan bertanggungjawab dalam urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan untuk JKWPKL&P, selaras dengan objektifnya untuk:

- Menerangkan tentang tatacara pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan Jabatan supaya ianya dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan; dan
- Memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan secara cekap, berhemah dan berintegriti mengikut tatacara dan arahan pekeliling perbendaharaan terkini yang berkuatkuasa.
-

1.5.1 Pelan Dan Sasaran Masa Hadapan

- Memastikan objektif dan Sasaran/KPI Unit Perolehan sentiasa dicapai selaras dengan peraturan dan arahan/pekeliling semasa.
- Menjadikan Unit Perolehan sebagai pusat rujukan isu – isu dan peraturan semasa dan khidmat nasihat bagi penyelesaian masalah berkaitan perolehan kepada jabatan dan PTJ di bawah jabatan ini.
- Memastikan perolehan tahunan dirancang dengan baik supaya semua urusan perolehan dapat dilaksanakan dengan tatacara yang betul mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

1.5.2 Aktiviti Unit

Pada tahun 2021, Unit Perolehan telah menguruskan perolehan tender dan perolehan sebutharga. Rumusan pecahan tender dan sebutharga yang dikeluarkan adalah:

BIL.	KAEDAH PEROLEHAN	NO. TENDER / SEBUTHARGA	PERIHAL TENDER / SEBUTHARGA
1.	Tender	JKWPKL&P T.1/2021	Tender Pembekalan Reagen Dan Konsumabel Bagi Ujian <i>Aldosterone, Direct Renin, Insulin-Like Growth Factor 1 (Igf-1)</i> Dan <i>17-Oh-Progesterone (17-Ohp)</i> Selama 4 Tahun Di Jabatan Patologi, Hospital Putrajaya
		JKWPKL&P T.2/2021	Tender Pembekalan Reagen Dan Konsumabel Selama 4 Tahun Untuk Ujian HPLC 24 Jam <i>Urine Metanephrine</i> Di Jabatan Patologi, Hospital Putrajaya
		JKWPKL&P T.4/2021	Tender Perkhidmatan Kawalan Keselamatan [Tanpa Senjata, Bersenjata & <i>Cash In Transit (CIT)</i>] Di Hospital Putrajaya Dan Institut Kanser Negara

		JKWPKL&P T.6/2021	Tender Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Peralatan Perubatan Neurosurgical Microscope Bagi Institut Endokrin, Hospital Putrajaya
		JKWPKL&P T.7/2021	Tender Membekal, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Alat <i>Image Guided System</i> Bagi Projek Baru Institut Endokrin
		JKWPKL&P T.8/2021	Tender Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Peralatan Perubatan Alat <i>X-Ray Mobile Motorised</i> Bagi Institut Endokrin Hospital Putrajaya
		JKWPKL&P T.9/2021	Tender Pembekalan Reagen Dan Konsumabel Secara <i>Instrument Placement</i> Bagi Ujian Blood Gases, <i>Electrolyte, Metabolite, Oximetry</i> Dan <i>Co-Oximetry</i> Selama 4 Tahun Di Jabatan Patologi Dan Unit-Unit <i>Poct</i> Hospital Putrajaya
		JKWPKL&P T.10/2021	Tender Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Katil Pesakit Bagi Kegunaan Blok Tambahan Endokrin Hospital Putrajaya
		JKWPKL&P T.12/2021	Tender Membekal Dan Menghantar Reagen Untuk Bahan Antibodi Bagi Ujian <i>Immuno Histochemistry</i> Untuk Jabatan Patologi, Hospital Putrajaya Selama Empat (4) Tahun
		JKWPKL&P T.13/2021	Tender Pembekalan Reagen Dan Konsumabel Melalui Kaedah <i>Instrument Placement</i> Bagi Ujian Patologi Kimia, Hospital Putrajaya
		JKWPKL&P T.14/2021	Tender Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Peralatan Perubatan Machine <i>Anesthetic Major With Ventilator 2C Vaporisers</i> Bagi Institut Endokrin HPJ
		JKWPKL&P T.15/2021	Tender Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Peralatan Perubatan Triple Quadrupole Mass Spectrometer (LC-MS/MS) Bagi Institut Endokrin, Hospital Putrajaya
		JKWPKL&P T.16/2021	Tender Pembekalan Reagen Dan Konsumabel Secara <i>Instrument Placement</i> Bagi Ujian <i>PT/INR, APTT, D-Dimer, Fibrinogen</i> Dan <i>Mixing Test</i> Selama 3 Tahun Di Jabatan Patologi, Hospital Putrajaya
		JKWPKL&P T.17/2021	Tender Perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Sokongan Teknikal Perkakasan, Perisian Dan Rangkaian ICT Di Hospital Rehabilitasi Cheras, Kuala Lumpur Untuk Tempoh 24 Bulan
		JKWPKL&P T.18/2021	Tender Perkhidmatan Penyewaan Mesin Penyalin Digital Untuk Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
2.	Sebutharga	JKWPKL&P 01/2021	Tawaran Sebutharga Membekal Bekalan Ubat <i>Cloxacillin Sodium 500 Mg Capsule</i> Untuk Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
		JKWPKL&P 02/2021	Tawaran Sebutharga Membekal Bekalan Ubat <i>Varenicline Tartrate 1mg Tablet</i> Untuk Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
		JKWPKL&P 03/2021	Tawaran Sebutharga Membekal Plastik Sisa Klinikal Di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
		JKWPKL&P 04/2021	Tawaran Sebutharga Perkhidmatan Pendobian Linen Bagi Klinik-Klinik Di Bawah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
		JKWPKL&P 05/2021	Tawaran Sebutharga Membekal <i>Heavy Duty Cooler (55l)</i> Di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

	JKWPKL&P 06/2021	Tawaran Sebutharga Membekal, Menghantar, Menguji <i>Mobile Truck</i> (Lori) Dan Mengubahsuai Bagi Dijadikan Kenderaan Promosi Cara Hidup Sihat Untuk Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 07/2021	Tawaran Sebutharga Membekal <i>10 Parameter Urinalysis Chemistry Strips</i> Untuk Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 09/2021	Tawaran Sebutharga Membekal <i>Toner & Ink Cartridge</i> Di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 10/2021	Tawaran Sebutharga Membekal Bekalan Pejabat Dan Alat Tulis Untuk Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 11/2021	Tawaran Sebutharga Membekal Peralatan <i>Modern Dressing</i> Di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 13/2021	Tawaran Sebutharga Membekal <i>Disposable Nitrile Glove</i> Untuk Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 14/2021	Tawaran Sebutharga Membekal <i>Disposable Face Shield</i> Untuk Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 15/2021	Tawaran Sebutharga Membekal <i>Plastic Apron Sleeveless</i> Untuk Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 17/2021	Tawaran Sebutharga Membekal, Menghantar, Memasang Dan Mentauliah Penghawa Dingin Bagi Klinik Di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 18/2021	Tawaran Sebutharga Membekal <i>Disinfectant Spray Machine</i> Di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 19/2021	Tawaran Sebutharga Perkhidmatan Mencetak Dan Membekal Borang Di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 20/2021	Tawaran Sebutharga Membekal, Menghantar, Memasang Dan Mentauliah Penghawa Dingin Di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 21/2021	Tawaran Sebutharga Membekal <i>Urine Microalbumin Test Strip</i> Untuk Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 22/2021	Tawaran Sebutharga Membekal <i>Jumpsuit With Hood, Till Ankle And Zip Up</i> Untuk Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 23/2021	Tawaran Sebutharga Membekal, Memasang, Membuat Konfigurasi, Menguji Dan Mentauliah Komputer, <i>Laptop</i> , Pencetak <i>Dot Matrix</i> , Pencetak Dan <i>Core Switch</i> Untuk Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 24/2021	Tawaran Sebutharga Perkhidmatan Mencetak Dan Membekal Buku, Fail, Poster, Risalah, Kad Dan Sticker Di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 25/2021	Tawaran Sebutharga Perkhidmatan Penyelenggaraan Bangunan Untuk Tempoh Dua (2) Tahun Di Ibu Pejabat Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
	JKWPKL&P 26/2021	Tawaran Sebutharga Membekal <i>Underpad 4PLY</i> Di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

UNIT ASET DAN STOR

Unit Aset dan Stor bertanggungjawab untuk:

- a. Mengurus Aset Alih Kerajaan Di Jabatan yang melibatkan pendaftaran, pemeriksaan, pindahan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset alih Kerajaan;
- b. Mengurus Stor Alat Tulis Jabatan yang melibatkan proses mengurus penerimaan, perekodan, penyimpanan, pengeluaran, pemeriksaan, pindahan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira stok;
- c. Mengurus Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) sebanyak 4 kali setahun; dan
- d. Memproses Kelulusan Terimaan Hadiah/Sumbangan (Aset Alih/Stok)

1.6.1 Petunjuk Prestasi Unit

BIL.	PETUNJUK PRESTASI	PENCAPAIAN SEBENAR & % PENCAPAIAN
1	Menyelaras pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) Peringkat Jabatan	100%
2	Menyelaras dan menyediakan maklumbalas Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) peringkat KKM.	100%
3	Menguruskan pendaftaran Aset Alih yang diterima melalui pembelian dengan wang kerajaan, hadiah, pindahan atau proses perundangan atau perjanjian.	100%
4	Menguruskan pemeriksaan ke atas semua Aset Alih (100 %) secara berperingkat setiap tahun.	4 kali/ 100%
5	Menguruskan permohonan pelupusan Aset Alih bagi kelulusan Ketua Jabatan.	100%
6	Menguruskan permohonan pemeriksaan Aset Alih bagi tujuan pelupusan oleh Lembaga Pemeriksa Pelupusan	100%
7	Memadamkan rekod aset yang telah diluluskan hapus kira oleh KKM dalam Sistem Pengurusan Aset dan menyediakan Laporan Hapus Kira Aset Alih KEW.PA-37 ke KKM.	100%
8	Memproses permohonan penerimaan sumbangan atau hadiah bagi Aset Alih dan Stok	100%
9	Menguruskan perekodan stok yang diterima melalui pembelian dengan wang kerajaan, hadiah, pindahan atau proses perundangan atau perjanjian.	100%
10	Menguruskan verifikasi stor ke atas semua stok (100 %) setiap tahun.	100%
11	Memastikan kadar pusingan stok tahunan bernilai sekurang-kurangnya 4.	143% 99.8%
12	Menyedia dan mengemukakan Laporan Tahunan Aset Alih Kerajaan ke KKM	100%

1.6.2 Laporan Kedudukan Semasa Aset Alih Tahun 2021 (Laporan JKPAK Sehingga 31 Disember 2021)

TAHUN SEMASA	HARTA MODAL		ASET ALIH BERNILAI RENDAH		JUMLAH KESELURUHAN ASET ALIH	
	KUANTITI	NILAI PEROLEHAN ASAL (RM)	KUANTITI	NILAI PEROLEHAN ASAL (RM)	KUANTITI	NILAI PEROLEHAN ASAL (RM)
Baki Dibawa ke hadapan (sehingga 31.12.2020)	15,096	634,693,478.14	42,336	22,354,534.24	57,432	657,048,012.38
Suku Tahun Pertama	46	881,019.00	189	168,599.66	235	1,049,618.66
Suku Tahun Kedua	152	3,030,451.00	254	129,818.40	406	3,160,269.40
Suku Tahun Ketiga	827	15,872,410.00	512	355,601.54	1,339	16,228,011.54
Suku Tahun Keempat	158	1,175,161.70	295	147,153.25	453	1,322,314.95
Jumlah Keseluruhan	16,279	655,652,519.84	43,586	23,155,707.09	59,865	678,808,226.93

1.6.3 Jumlah Permohonan Kelulusan Penerimaan Hadiah Yang Diterima Bagi Tahun 2021 (Laporan JKPAK Sehingga 31 Disember 2021)

JENIS HADIAH	PERMOHONAN				DILULUSKAN		
	KUASA MELULUS	JUMLAH PERMOHONAN	KUANTITI	NILAI HADIAH (RM)	JUMLAH PERMOHONAN	KUANTITI	NILAI HADIAH (RM)
ASET	KSU	5	14	405,950.00	3	12	316,000.00
	PKN	69	342	361,504.18	69	342	361,504.18
STOK	KSU	-	-	-	-	-	-
	PKN	26	1,335	138,345.47	18	928	32,603.24

1.7 UNIT LATIHAN DAN INOVASI

Unit ini merupakan gabungan portfolio latihan dan inovasi dengan fungsi antaranya untuk:


- Membantu melaksanakan dan memantau dasar dan strategi Latihan Dalam Perkhidmatan Jangka Pendek (Dalam Negara);
- Menyelaras dan mengendalikan kursus serta latihan kepada kakitangan Jabatan;
- Menyelaras permohonan bagi kursus swasta dan kursus bukan anjuran Jabatan termasuk Kursus Lanjutan (Pos Basik);
- Menguruskan permohonan perolehan secara pakej bagi latihan;
- Bertindak sebagai urus setia induk dalam mengendalikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Majlis Persaraan JKWP&P;

- f. Menjadi urus setia *International Organization for Standardization* (ISO), Mesyuarat (MKSP Kajian Semula Pengurusan), Mesyuarat JK Induk Latihan & CPD, Mesyuarat Penutup Audit Dalam ISO 9001: 2015, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Negeri (JMC) dan Mesyuarat JK Pemilihan Pos Basik; dan
- g. Bertindak sebagai urus setia Mini Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Mini Konvensyen Inovasi di peringkat JKWPKL&P.


Pada tahun 2021, Jabatan telah menerima peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) berjumlah RM210,489.00. Sebanyak RM115,884.34 (55%) telah dibelanjakan manakala sebanyak RM94,604.66 (45%) telah dipulangkan kepada Bahagian Pembangunan, KKM disebabkan oleh pelaksanaan kursus/bengkel yang terpaksa digugurkan berikutan penularan COVID-19.

LAPORAN PERBELANJAAN LDP (BP 00105) KESELURUHAN TAHUN 2021 (FASA 1)

RM94,604.66, 45%
BAKI PERUNTUKAN



JUMLAH KESELURUHAN PERUNTUKAN LDP = RM 210,489.00



RM115,884.34, 55%
PERBELANJAAN

Rajah 1.4: Maklumat Perbelanjaan LDP bagi tahun 2021

1.7.1 Program Transformasi Minda (PTM)

Pada tahun 2020, JKWPKL&P telah mengendalikan enam (6) siri Program Transformasi Minda (PTM) untuk Pegawai Perubatan Siswazah UD41 dan dua (2) siri PTM telah

dikendalikan untuk Pegawai Pengurusan dan Profesional & Pelaksana peringkat Jabatan. Perincian PTM adalah seperti di jadual 1.5 dan 1.6.

Jadual 1.5: Program Transformasi Minda (PTM) Pegawai Perubatan Siswazah Ud41

BIL	PTM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH UD41 (HOUSEMEN)	TARIKH	BIL. PESERTA
1	PTM Pegawai Perubatan Siswazah UD41 Siri 1	5 – 7 April 2021	97
2	PTM Pegawai Perubatan Siswazah UD41 Siri 2	28 – 30 Jun 2021	92
3	PTM Pegawai Perubatan Siswazah UD41 Siri 3	2 – 4 Ogos 2021	71
4	PTM Pegawai Perubatan Siswazah UD41 Siri 4	23 – 25 Ogos 2021	101
5	PTM Pegawai Perubatan Siswazah UD41 Siri 5	4 – 6 Oktober 2021	48
6	PTM Pegawai Perubatan Siswazah UD41 Siri 6	8 – 10 November 2021	47

Jadual 1.6: Program Transformasi Minda Pegawai Pengurusan Dan Profesional & Pelaksana

BIL	PTM KUMPULAN P&P DAN PELAKSANA	TARIKH	BIL PESERTA
1	PTM Kumpulan P&P Dan Pelaksana Siri 1	2 – 4 April 2021	97
2	PTM Kumpulan P&P Dan Pelaksana Siri 2	27 – 29 September 2021	58

1.7.2 Latihan Dalam Perkhidmatan

Unit Latihan & Inovasi telah melaksanakan beberapa kursus menggunakan peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan tahun 2021 seperti jadual 1.7.

Jadual 1.7: Latihan Dalam Perkhidmatan JKWP&P

BIL	KURSUS	TARIKH	BIL PESERTA
1	Kursus Penerapan Budaya Korporat & Softskill	24-25 Mac 2021	68
2	Kursus Juruaudit Dalam Iso 9001:2015	29-30 September 2021	46
3	Kursus LNPT	28 September 2021	30

1.7.3 Urus Setia Mesyuarat/Konvensyen/Audit.

Unit Latihan & Inovasi dipertanggungjawabkan sebagai urus setia dalam mengendalikan mesyuarat seperti di jadual 1.8.

Jadual 1.8: Mesyuarat/Konvensyen/Tahun 2021

BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH
1.	Mesyuarat JK Induk Latihan & CPD	10 Mac 2021 & 24 November 2021
2.	Mesyuarat Penutup Audit Dalam ISO 9001: 2015	18 Mac 2021
3.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)	18 Mei 2021
4.	Mini Konvensyen KIK JKWP&P	6 Julai 2021
5.	Mini Konvensyen Inovasi JKWP&P	14-15 Julai 2021
6.	Audit ISO 9001:2015	13-14 September 2021
7.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Negeri (JMC)	10 Disember 2021
8.	Mesyuarat JK Pemilihan Pos Basik	16 Disember 2021

1.7.4 Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Tiga (3) projek telah dicalonkan ke Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Kementerian pada tahun 2021 sepertimana jadual 1.9 di bawah:

Jadual 1.9: Pencalonan Projek Anugerah KIK KKM 2021

BIL	FASILITI	PROJEK	KATEGORI
1.	Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC)	St-Cup	kategori penciptaan (hybrid)
2.	Klinik Pergigian Lembah Pantai	Online Queue Management System (Q-View)	kategori penciptaan (primer)
3.	Hospital Putrajaya (HPJ)	Proses membawa Silinder Oksigen Bersama Pesakit Ke Unit Lain Lewat	kategori penambahbaikan (primer)

1.7.5 Anugerah Inovasi

Sembilan (9) projek telah dicalonkan untuk menyertai Anugerah Inovasi KKM 2021 seperti di jadual 1.10:

Jadual 1.10: Pencalonan Projek Anugerah Inovasi KKM 2021

BIL	FASILITI	PROJEK	KATEGORI
1.	Unit Psikologi Kaunseling, HRC	Wellness Adequate NAP & Sleep (Wans) Module	Perkhidmatan
2.	Unit Psikologi Kaunseling, HRC	Suicide Markers	Proses
3.	Unit Terapi Pertuturan, Jabatan Perubatan, HRC	Tr-Speech	Perkhidmatan
4.	Unit Pemulihan Carakerja, HPJ	Easy Grasp Glove (E.G.G)	Produk
5.	Jabatan Kecemasan & Trauma, HPJ	Electronic-Patient Arrival Information Nates (e-Pain)	Teknologi
6.	Bahagian Kesihatan Pergigian, JKWPKL&P	Smart Divider	Produk
7.	Bahagian Kesihatan Pergigian, JKWPKL&P	Dent 4U Connecting US	Perkhidmatan
8.	Klinik Pergigian Setapak	Gigi Sofea	Perkhidmatan
9.	Klinik Pergigian Tanglin	Dentabloc	Produk

1.8. UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT

Unit Pengurusan Maklumat yang sebelum ini dikenali sebagai Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah diwujudkan untuk mengurus, menyelenggara dan menyelaras prasarana ICT seperti infrastruktur, peralatan dan perisian supaya ianya dapat berjalan dengan lancar bagi menyokong objektif Jabatan, selaras dengan hala tuju mewujudkan budaya kerja ICT dalam suasana normal baharu. Selain itu, Unit Pengurusan Maklumat turut berfungsi untuk:

- Mengurus dan menyelenggara rangkaian, perkakasan, perisian dan perkhidmatan berkaitan ICT;
- Mengendali latihan kepada penggunaan sistem yang dibekalkan sekiranya ada;
- Menyelenggara dan mengemaskini laman web serta laman sosial Jabatan;
- Menyedia khidmat nasihat serta bantuan teknikal ICT dari semasa ke semasa;
- Mengurus dan memantau pelaksanaan projek-projek ICT termasuk pelaksanaan Aplikasi Kerajaan Elektronik dan Aplikasi KKM;

- Menjaga keselamatan sistem maklumat kerajaan; dan
- Bertindak sebagai urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT).

1.8.1. Aktiviti Unit

- Status pengguna emel MyGovUC di JKWPKL&P


MyGovUC adalah perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi bersepadu yang diuruskan secara berpusat di MAMPU. Perkhidmatan ini menggabungkan saluran-saluran komunikasi e-mel, persidangan video dan audio, *instant messaging* serta Sistem Pengurusan Identiti. MyGovUC dilaksanakan sebagai langkah penjimatan kos melalui komunikasi yang diintegrasikan secara kolaboratif yang mana semua sektor awam di Malaysia boleh berhubung dan menjayakan sesuatu projek melalui sistem komunikasi yang ditawarkan oleh MyGovUC. Jumlah pengguna di JKWPKL&P adalah seperti Jadual 1.11 berikut:

Jadual 1.11: Jumlah Pengguna Emel MyGovUC di JKWP&P

BIL	LOKASI PENGGUNA	JUMLAH PENGGUNA
1.	IBU PEJABAT JKWP&P	654
2.	BAHAGIAN PERGIGIAN	335
3.	HOSPITAL REHABILITASI CHERAS	315
4.	PEJABAT KESIHATAN PUTRAJAYA	628
5.	PEJABAT KESIHATAN TITIWANGSA	652
6.	PEJABAT KESIHATAN LEMBAH PANTAI	460
7.	PEJABAT KESIHATAN CHERAS	360
8.	PEJABAT KESIHATAN KEPONG	567
JUMLAH KESELURUHAN		3971

b. Aduan ICT

Sepanjang Tahun 2021, masalah yang dilaporkan oleh pengguna berkaitan perisian/sistem aplikasi dan perkakasan adalah seperti yang digambarkan pada Rajah 1.5 di bawah:



Rajah 1.5: Laporan Aduan Kerosakan ICT

c. Pengurusan persembahan multimedia dan bantuan teknikal

Unit Pengurusan Maklumat juga diberi tanggungjawab untuk menghasilkan persembahan multimedia dan memberi bantuan teknikal untuk Majlis Rasmi JKWPKL&P seperti berikut:

Jadual 1.12: Persembahan Multimedia dan Bantuan Teknikal ICT

BIL	PROGRAM	TARIKH	LOKASI
1.	Khidmat bantuan teknikal bagi Majlis Amanat Bersama YB Menteri Kesihatan	12 Januari 2021	Bilik Mesyuarat Farmasi, JKWPKL&P (Video Conference)
2	Penyediaan montaj perasmian sempena '23 rd Family Medicine Scientific Conference 2021	23-25 September 2021	Secara Maya (Live FB)- Host Persatuan FMS
3	Khidmat bantuan teknikal sempena Program Hari Integriti Kementerian Kesihatan Malaysia Tahun 2021	17 November 2021	Bilik Mesyuarat Pengurusan, JKWPKL&P (Video Conference)
4	Khidmat bantuan teknikal sempena Sambutan Hari AIDS Sedunia 2021 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (Bicara Santai)	2 Disember 2021	Secara Maya (Live FB)- Host KK Dato Keramat
5	Program Hari Terbuka Sumber Manusia (Bahagian Pergigian) 2021	20-22 Disember 2021	Foyer, JKWPKL&P
6	Khidmat bantuan teknikal semasa Mesyuarat Pengurusan Tertinggi JKWPKL&P dan Ibu Pejabat KKM	Sepanjang tahun	Bilik Mesyuarat JKWPKL&P

1.9 UNIT KAUNSELING

Unit Psikologi Kaunseling (UPsK) telah ditubuhkan bagi melaksanakan perkhidmatan kaunseling, kaunselor/Pegawai Psikologi menggunakan ilmu-ilmu dan prinsip-prinsip psikologi bagi membantu klien menangani konflik dan isu-isu berkaitan. Gabungan dua disiplin iaitu psikologi dan kaunseling perlu bagi menghasilkan perkhidmatan kaunseling yang efektif dan profesional.

1.9.1 Matlamat Perkhidmatan Dan Objektif

- Melaksanakan program-program pembangunan modal insan anjuran Unit Psikologi Kaunseling serta secara usaha sama dengan bahagian dan unit-unit lain dalam Jabatan bagi keperluan latihan dan memperkasa modal insan dalam kalangan penjawat awam.

- Menjalankan sesi Klinik Psikologi Kaunseling / Intervensi ke atas klien/pesakit yang dirujuk / sukarela (walk in-bagi staff JKWPKL& P) bagi membantu penyelesaian isu dan konflik yang dihadapi.

1.9.2 Pelan Dan Sasaran Masa Depan Perkhidmatan Psikologi Kaunseling

- Perkhidmatan kaunseling menjadi salah satu fungsi pengurusan personel yang penting. Justeru, Unit Psikologi Kaunseling akan menjadi pusat rujukan dari aspek Psikologi Kaunseling kepada semua Jabatan/Unit di JKWPKL&P.;
- Perkhidmatan Psikologi Kaunseling berfokus kepada anggota perkhidmatan awam khususnya di JKWPKL&P bagi meningkatkan pembangunan diri pegawai untuk mencapai tahap kefungsian psikologi

yang tinggi serta penghasilan kerja yang produktif dan berkualiti.

1.9.3 Aktiviti Unit

a. Aplikasi psikologi dalam intervensi

Jadual 1.13: Bilangan Temujanji Kes Kaunseling Individu Yang Dirujuk Dalam Kalangan Staff Ke Unit Psikologi Kaunseling Sepanjang 2021

BIL	KATEGORI TEMUJANJI KES KAUNSELING	TEMUJANJI	PERATUS
1	Temujanji Baharu	57	31.6
2	Temujanji Susulan	123	68.4
JUMLAH		180	100%

Jadual 1.14: Bilangan Sesi Kaunseling Individu Yang Dirujuk Dalam Kalangan Staff Ke Unit Psikologi Kaunseling Sepanjang 2021

BIL	KATEGORI SESI KAUNSELING	JUMLAH TEMUJANJI	PERATUS
1	Sesi Baru	225	31.6
2	Sesi Susulan	487	68.4
JUMLAH		712	100%

Jadual 1.15: Bilangan Kes Perkhidmatan Talian Psikologi *Tele-Psychosupport* Dalam Kalangan *Person Under Surveilan (Pus)* Dan Petugas Bukan Kementerian Kesihatan Malaysia Dan Petugas Kementerian Kesihatan Malaysia Ke Unit Psikologi Kaunseling Sepanjang 2021

BIL	TALIAN PSIKOLOGI	PUS DAN PETUGAS AGENSI	PETUGAS KKM	JUMLAH	PERATUS
1	Telefon	481	39	520	80%
2	WhatsApp	68	36	104	16%
3	Lain-lain seperti Zoom, Google Meet & Facebook Messenger	19	7	26	4%
JUMLAH		568	82	650	100%

Jadual 1.16: Bilangan Intervensi Kelompok Yang Dirujuk Dalam Kalangan Staff Ke Unit Psikologi Kaunseling Sepanjang 2021

BIL	KATEGORI KES KELOMPOK	BILANGAN KELOMPOK STAFF	PERATUS
1	Pendidikan Kewangan	15 Kelompok	68%
2	Pengurusan Tekanan	2 Kelompok	9%
3	Pengurusan <i>Self Harm/ Mutilation</i>	2 kelompok	9%
4	Modifikasi Tingkah Laku	1 kelompok	5%
5	Interpersonal	2 kelompok	9%
JUMLAH		22 Kelompok	100%

Jadual 1.17: Perkhidmatan Intervensi Psikososial Dan Bantuan Awal Psikologi (PFA) Kepada Petugas KKM 2021

BIL	PERKHIDMATAN INTERVENSI PSIKOSOSIAL DAN BANTUAN AWAL (PFA)	BILANGAN PETUGAS KKM	PERATUS
1	<i>Pre & Post Deployment</i>	229	100%
JUMLAH		229	100%

Jadual 1.18: Intervensi Program AKRAB 2021

BIL	TAHUN 2021	JUMLAH
1	Ahli AKRAB	10
2	Sesi Bimbingan	20

Jadual 1.19: Intervensi Pementoran

BIL	AKTIVITI PEMENTORAN	JUMLAH
1	Bilangan Pasangan	10
2	Bilangan Peserta	20

Jadual 1.20: Saringan Dan Pemerhatian Dasar Pemisah /Pemerhatian 2021

BIL	AKTIVITI DASAR PEMISAH BAGI PEGAWAI YANG DINILAI (PYD) 2021	JUMLAH
1	Saringan dasar pemisah	2
2	Dimasukkan bawah pemerhatian Dasar Pemisah (setelah disaring)	1
3	Tidak dimasukkan bawah pemerhatian Dasar Pemisah (setelah disaring)	1
Intervensi Dasar Pemisah	Kaunseling	1
	Kewangan	
	Kesihatan mental/fizikal	
	Pembangunan dan latihan	

Jadua 1.21: Kajian Kepuasan Pelanggan Tahun 2021

BIL	KATEGORI KES	SKOR KEPUASAN PELANGGAN				
		5:Sangat Memuaskan (4.20-5.00)	4: Memuaskan (3.40-4.20)	3: Sederhana (2.60-3.40)	2:Kurang Memuaskan (1.80-2.60)	1:Tidak Memuskan (1.00-1.80)
1	BARU	22	1	0	0	0
2	SUSULAN	0	3	0	0	0
JUMLAH PELANGGAN YANG TAMAT TEMUJANJI KAUNSELING		22	4	0	0	0

b. Pencapaian Penglibatan dan Sumbangan Tahun 2021

- Pegawai Psikologi (Kaunseling) terlibat sebagai Petugas MHPSS (*Mental Health & Psychosocial Support Services*) di peringkat Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P);
 - 1) Menghantar Pegawai Psikologi (Kaunseling) Jabatan untuk bertugas di MAEPS 1.0 membantu mengurus kes Covid-19 dengan memberi pekhidmatan bantuan awal psikologi.
 - 2) Terlibat memberi perkhidmatan bantuan awal psikologi (PFA) bersama Cawangan NCD ke atas mangsa banjir di Kampung Pasir, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur.
 - 3) Terlibat memberi perkhidmatan bantuan awal psikologi (PFA) bersama Cawangan NCD ke atas mangsa kebakaran di PPS (Pusat Pemindahan Sementara) rumah flat Sri Johor di Cheras, Kuala Lumpur.
 - 4) Pegawai Psikologi (Kaunseling) di Unit Psikologi Kaunseling JKWPKL&P terlibat dengan pasukan bertindak khas "Greater Klang Valley" (*Frontliner & Social Support System*) 12 Julai hingga 21 September 2021

c. Aplikasi psikologi dalam pembangunan personel

Jadual 1.22: Kursus yang dianjurkan oleh Unit Psikologi Kaunseling 2021

BIL	PROGRAM	TARIKH	JUMLAH PESERTA	
			P&P	SOKONGAN
1	Program Bicara Psiko-Sihat Secara Maya- <i>Virtual</i> Sepanjang 2021: Let 'S talk Minda Sihat di tempat kerja: Program <i>Virtual</i> . Tajuk: "Marah Tanda Sayang".	18 Februari 2021	11	78
2	Program Bicara Psiko-Sihat Secara Maya- <i>Virtual</i> Sepanjang 2021: Let 'S talk Minda Sihat di tempat kerja: Program <i>Virtual</i> . Tajuk: "Face Your Fear".	18 Mac 2021	14	69
tahun 2021 terdapat 10 kes yang telah selesai diadakan pada dua sesi. Sesi pertama adalah pada 14 Jun 2021 yang dipengerusikan oleh Datuk Pengarah JKWPKL&P yang melibatkan 4 kes O&G secara hybrid dan tiada kakitangan yang diambil tindakan tatatertib. Sesi kedua adalah pada 9 November 2021 secara bersemuka di Bilik Mesyuarat Pengurusan yang melibatkan 6 kes medicolegal. Kes-kes ini melibatkan jabatan O&G, Pediatrik, Kecemasan dan Trauma, Pembedahan dan Ortopedik dan tiada staf yang diambil tindakan tatatertib.


2.2.5 Medico legal Case Audit And Surveillance Meeting

Mesyuarat ini telah dilaksanakan pada 24 Mac 2021 di Bilik Mesyuarat 1, Aras 3, Blok Parlimen dan Pentadbiran, Parlimen, Malaysia dan dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) dan dihadiri oleh Bahagian Amalan Perubatan, KKM serta fasiliti yang terlibat bagi membentangkan hasil penemuan audit dan pemantauan penambahbaikan kes-kes aduan medicolegal fasiliti di bawah seliaan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya. Mesyuarat ini melibatkan Klinik Kesihatan Kuala Lumpur, Klinik Kesihatan Cheras, Hospital Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras

dan dihadiri oleh wakil Cawangan Medico legal KKM. Terdapat 2 kes dari klinik kesihatan masing-masing, 8 kes dari Hospital Putrajaya dan 1 kes dari Hospital Rehabilitasi Cheras. Objektif mesyuarat ini adalah seperti berikut iaitu menjalankan aktiviti surveilans ke atas kes-kes medicolegal, memantau tindakan penambahbaikan dan saranan dari panel Jawatankuasa Penyiasatan Bebas, mengenalpasti isu-isu berkaitan dalam pengendalian kes-kes medicolegal di JKWPKL&P dari tahun 2018-2020, mengenal pasti langkah-langkah proaktif pencegahan dan penambahbaikan yang perlu diambil dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang optimum dan efisien kepada pesakit serta perkongsian langkah penambahbaikan yang telah diambil.


2.2.6 Statistik Kes-Kes Medico Legal







STATISTIK KES JKWPKL 2015 - 2019



STATISTIK KES JKWPKL FASILITI / DISIPLIN (2018-2020)

KEMUDAHAN KESIHATAN	DISIPLIN								JUMLAH
	O&G	ETD	ORTHO	SURG	PAED	FAM MED	PHYSIO	REHAB	
HOSPITAL PUTRAJAYA	11 +(1)	4	2	2+(3)	1+(1)		1		26
HOSPITAL REHABILITASI CHERAS								1	1
KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR						1			1
KLINIK KESIHATAN PRESINT 11						1			1
KLINIK KESIHATAN CHERAS						1			1

*() - KES SAMAN



STATUS KES ADUAN MEDICO LEGAL JKWPKL 2018-2020

STATUS KES	MUKTAMAD	EX GRATIA	SAMAN
JUMLAH	13	12	5

n = 30

3. Casemix Negeri

Casemix Negeri bertanggungjawab menyelia, memantau dan menilai pelaksanaan casemix di hospital, memantau ketepatan data-data yang dimasukkan ke dalam aplikasi MalaysianDRG, mengenalpasti dan menyelesaikan isu-isu pelaksanaan Sistem Casemix mengkaji maklumat-maklumat terbitan daripada Modul *Executive Information System*, mengkaji dan mencadangkan perbelanjaan hospital menurut pengiraan casemix, menjalankan latihan secara berterusan, mengatur dan melaksana aktiviti audit di peringkat negeri serta menyediakan laporan casemix dan lain-lain laporan yang diperlukan.

Pada tahun 2021 **Hospital Rehabilitasi Cheras** telah terlibat dengan peraksanaan sistem casemix. Seminar perluasan casemix telah dijalankan atas

talian oleh IPKKM yang dihadiri oleh penyelaras casemix HRC pada 24/9/2021.

Bagi **Hospital Putrajaya**, Audit Asas Ketepatan dan Kesempurnaan Dokumentasi Klinikal Dan Ketepatan Penetapan Kod ICD-10 HPJ pada 22-25 Februari 2021 dan Audit Ketepatan dan Kesempurnaan Dokumentasi Klinikal Dan Ketepatan Penetapan Kod ICD-10 HPJ pada 25-28 Oktober 2021. Pencapaian audit asas vs audit tahun pertama menunjukkan bahawa Ketepatan Dokumentasi klinikal Diagnosis Utama meningkat sebanyak 5.1%. Manakala Kesempurnaan Dokumentasi Klinikal Diagnosis-Diagnosis Lain meningkat sebanyak 15%. Ketepatan Penetapan Kod ICD-10 bagi Diagnosis Utama meningkat sebanyak 23.8%. Ketepatan Penetapan Kod ICD-10 bagi Diagnosis-Diagnosis Lain meningkat sebanyak 16%



4. Pengambilalihan sementara Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM

Peningkatan kes covid-19 bermula pada bulan April 2021 terutama bagi kes-kes covid-19 kategori 4 dan 5, KKM telah memutuskan untuk pengambilalihan sementara Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM (HPKK,UKM) pada 4 Jun 2021. Bahagian Perubatan JKWP&P dan pengurusan HPKK, UKM telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pengoperasian HPKK, UKM sebagai hospital covid-19 untuk kategori 4 dan 5.

Pengoperasian HPKK UKM sebagai sebuah hospital COVID-19 adalah susulan penguatkuasaan Seksyen 3 dan Seksyen 4 Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 yang ditandatangani pada 4 Jun 2021

melalui kedua-dua seksyen itu, Kementerian Kesihatan boleh mengambil milikan sementara HPKK UKM dan lain-lain sumber termasuk sumber manusia bagi tujuan menangani pandemik COVID-19.

Kerjasama antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Ordinan Darurat adalah untuk menentukan supaya sistem kesihatan tidak runtuh sewaktu situasi pandemik COVID-19. Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) beroperasi merawat pesakit Covid-18 Jun 2021 dan berakhir pada 8 Oktober 2021. Penamatan pengambilalihan HPKK UKM sebagai hospital covid-19 berkuatkuasa pada 15 Oktober 2021.

**JUMLAH JURURAWAT MENGIKUT JAWATAN LAPOR DIRI
MENGIKUT BULAN DI HPKK UKM**

JAWATAN	JUN		JULAI		OGOS		SEPT		JUMLAH
	KKM	UNI	KKM	UNI	KKM	UNI	KKM	UNI	
PJ U44	1		1						2
PJ U42	1								1
PJ U36			1						1
KJ U32	3		0		4				7
JT U32 (KUP)			3		3				6
JT U29/U32 (TBK)	12		27	20	4	24	1	14	102
JTU29 (KONTRAK)	20		20		17		1		58
PENGAJAR U41	2		3						5
KLINIKAL INSTRUKTOR (U32)			1						1
JUMLAH	39	0	56	20	28	24	2	14	183



5. Mobilisasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS), Pegawai Perubatan, dan Pakar Perubatan semasa situasi Covid dalam dan luar JKWPKL.

UPH juga terlibat dalam mobilisasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS), Pegawai Perubatan, dan Pakar Perubatan semasa situasi Covid dalam dan luar JKWPKL. Terdapat beberapa penempatan pegawai di bawah JKWPKL&P iaitu di Hospital Pakar Kanak-Kanak HUKM (HPKK), Pusat Kuarantin dan Klinik Kesihatan Putrajaya. JKWPKL&P telah menempatkan seramai 37 orang Pakar Perubatan yang melibatkan pakar perubatan dalaman, pakar kecemasan dan anesthesia, Pegawai Perubatan seramai 61 orang dan PPS seramai 178 orang di

HPKK. Pusat Kuarantin seramai 11 orang pegawai perubatan dan Klinik Kesihatan Putrajaya seramai 2 org PPS. Manakala mobilisasi di luar JKWPKL&P pula melibatkan Hospital Sungai Buloh, MAEPS, JKN Sabah, JKN Sarawak, JKN Pulau Pinang dan JKN Kedah. UPH perlu menguruskan ujian PCR atau RTK bagi pegawai yang dimobilisasikan serta menguruskan taklimat psychososial sebelum dimobilisasikan. Disamping itu juga UPH perlu mengaturkan perjalanan pergi dan balik bagi pegawai yang dimobilisasikan terutamanya Sabah dan Sarawak. Menguruskan penempatan bagi pegawai yang dimobilisasikan jika perlu dan perlu memastikan kebajikan bagi setiap pegawai yang semasa dimobilisasi terjaga.



UNIT KUALITI PENJAGAAN PERUBATAN JKWPKL&P

PENCAPAIAN KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) PENGARAH KESIHATAN NEGERI (PKN)

Pencapaian KPI PKN 2021 adalah berbeza dari tahun sebelumnya, dimana Pencapaian PKN sewaktu pandemic Covid-19 di perkenalkan. Pencapaian ini adalah *one-off* sahaja dipantau bagi tahun 2021 oleh CPSU KKM. Namun di tahap JKWPKL, kami di arahkan oleh Pengarah JKWPKL untuk di terusan pemantauan pencapaian penuh seperti yang di rencanakan sebelumnya. Hanya 11 indikator dipantau untuk pencapaian ini. Rumusannya adalah seperti di bawah.


RUMUSAN PENCAPAIAN KPI PKN JANUARI-DISEMBER 2021

PROGRAM	JUMLAH INDIKATOR YANG DIPANTAU	JUMLAH INDIKATOR YANG TERCAPAI	JUMLAH INDIKATOR YANG TIDAK TERCAPAI (SIQ)	JUMLAH YANG DIPANTAU DAN DILAPORKAN ke CPSU (KPI COVID-19)	JUMLAH INDIKATOR YANG TERCAPAI	JUMLAH INDIKATOR YANG TIDAK TERCAPAI (SIQ)
PERUBATAN	8	8	0	5	5	0
KESIHATAN AWAM	13	11	2	0	0	0
P&ST	4	4	0	1	1	0
FARMASI	4	4	0	1	1	0
BKKM	6	6	0	2	2	0
PERGIGIAN	6	6	0	2	2	0
JUMLAH	35	33	2	11	11	0


Semua kegiatan Audit untuk data tahun pemantauan 2021 di tangguhkan, dengan rujukan surat KKM.600-28/2/7Jld.5 (14), KKM.600-28/2/6Jld.6 (19) dan KKM.600-28/2/6Jld.6 (29) adalah berkaitan.

PELAPORAN INCIDENT REPORTING


Perbandingan Jumlah Pelaporan *Actual Case Incident Reporting* bagi Hospital Rehabilitasi Cheras dan Hospital Putrajaya bagi tahun 2019- 2021




Pelaporan Jumlah Pelaporan *Near Miss Case Incident Reporting* bagi Hospital Rehabilitasi Cheras dan Hospital Putrajaya bagi tahun 2019- 2021




Peratus *Incident Reporting* mengikut jenis bagi setiap Insiden di Hospital Rehabilitasi Cheras
2021




Peratus Pelaporan *Incident Reporting* Mengikut *Outcome* Di Hospital Rehabilitasi Cheras 2021



Pelaporan Incident Reporting Mengikut Jenis Kejadian Beserta Status Kejadian Di Hospital Putrajaya 2021



Pelaporan Incident Reporting Mengikut Outcome Bagi Setiap Kategori Insiden Kejadian Di Hospital Putrajaya 2021



Status Akreditasi MSQH/ISO bagi Hospital Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras


	Akreditasi MSQH		ISO certification
Hospital Putrajaya	2 nd cycle	Pensijilan Tamat April 2022	NA
Hospital Rehabilitasi Cheras	1 st cycle	Pensijilan Tamat Julai 2023	Pensijilan Taman Desember 2020

UNIT KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN PERUBATAN


Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan bahagian perubatan Jabatan Kesihatan Negeri telah mengadakan mesyuarat teknikal keselamatan & kesihatan pekerjaan bil 1/2021 pada tarikh 24/11/2021. Mesyuarat ini sepatutnya telah ditetapkan pada April & Oktober dengan sasaran 2 kali mesyuarat dalam tahun 2021. Tetapi mesyuarat hanya dilakukan 1 kali pada tahun 2021 kerana

Negara telah dilanda pandemic covid-19 & semua mesyuarat telah ditunda sehingga pandemic covid-19 berkurangan. Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah membincangkan perkara-perkara yang telah dilakukan dan yang akan dilakukan sepanjang tahun 2021. Sambutan dan kursus keselamatan & kesihatan pekerjaan tidak dilakukan pada tahun 2021 kerana kes-kes covid-19 masih tinggi dan bagi mengurangkan risiko penularan virus covid-19 dikalangan kakitangan.


JUMLAH KES KEKERASAN DI HOSPITAL



KES KEMALANGAN & PENYAKIT PEKERJAAN DI HOSPITAL



SARINGAN KESIHATAN KOSPEN PLUS





3.0

BAHAGIAN

KESIHATAN

AWAM

JKWPKL & P



3.0 BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

PENGENALAN

Bahagian Kesihatan Awam merupakan bahagian yang terbesar di bawah pentadbiran Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P). Terdapat 12 cawangan, 44 unit dan 5 Pejabat Kesihatan Daerah di bawah struktur organisasi Bahagian Kesihatan Awam, JKWPKL&P. Bahagian Kesihatan Awam bertanggungjawab untuk membantu individu dan komuniti mencapai tahap kesihatan yang optima dengan menyediakan penjagaan kesihatan asas. Bagi mencapai misi ini, pelbagai perkhidmatan disediakan seperti kawalan, pencegahan dan rawatan penyakit, perkhidmatan rehabilitasi serta promosi kesihatan supaya ianya menjadi suatu amalan di kalangan individu dan masyarakat.

PIAGAM BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

Bersatu tenaga dalam perkongsian pintar ke arah mewujudkan penduduk yang sihat sejahtera melalui

- Promosi kesihatan yang berterusan.
- Pencegahan dan kawalan penyakit yang efektif.
- Penyediaan perkhidmatan rawatan dan pemulihan yang saksama, inovatif, perhatin, berkualiti dan mampu dimiliki.


FUNGSI BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

- Membantu individu dan komuniti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk mencapai dan mengekalkan tahap kesihatan yang optimum melalui penyediaan penjagaan kesihatan asas.
- Menggalakkan amalan kesihatan di kalangan setiap individu dan masyarakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
- Menyediakan perkhidmatan pencegahan, promotif, kuratif dan rehabilitatif secara integrasi di semua peringkat perkhidmatan kesihatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

3.1 CAWANGAN PERKEMBANGAN KESIHATAN AWAM

Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam bertanggungjawab dalam pengurusan keperluan sumber di Bahagian Kesihatan Awam termasuk sumber manusia, peralatan dan infrastruktur bagi meningkatkan taraf kemudahan perkhidmatan kesihatan. Ia juga berperanan dalam pengurusan perkembangan profesion dan halatuju anggota serta menyelaras dan memantau aktiviti berkaitan kualiti di Bahagian Kesihatan Awam.

3.1.1 Sumber Manusia Bahagian Kesihatan Awam JKWPKL&P Tahun 2021



** Kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 41 - 56) dan Kumpulan Pelaksana 1 (Gred 19-40) adalah termasuk pegawai apung dan lantikan kontrak

Rajah 3.1: Sumber Manusia Mengikut Gred Perjawatan Bahagian Kesihatan Awam JKWPKL&P 2021

3.1.2 Program Kualiti Bahagian Kesihatan Awam

Petunjuk Prestasi Utama Pengarah Kesihatan Negeri (PKN) & Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (TPKN)

Program Kesihatan Awam Tahun 2021. Bagi tahun 2021, terdapat 12 indikator bagi KPI PKN, dan 14 indikator bagi KPI TPKN(KA).


37.1% (PKN / TPKN)	82.28% (PKN / TPKN)	97.3% (PKN / TPKN)
Peratus pesakit Diabetes Jenis 2 mencapai tahap kawalan diabetes optima Sasaran: $\geq 28\%$	Peratus rawatan Tibi di kalangan pesakit Warganegara yang berjaya Sasaran: $\geq 90\%$	Peratus pemberian imunisasi MMR Dos 1 di kalangan kanak-kanak berumur 9 bulan (Dos 1) Sasaran: $\geq 95\%$
3 kes (0.78) (PKN / TPKN)	92% (PKN / TPKN)	Penurunan 76.8% (PKN / TPKN)
Kadar kes non-polio Acute Flaccid Paralysis Sasaran WPKL&P: 8 kes (kadar: 2.09) bagi setiap 100,000 penduduk <15 tahun	Liputan rawatan antiretroviral (ART) pada tahun semasa Sasaran: $\geq 60\%$	Penurunan insiden kes Measles Sasaran: Penurunan $\geq 60\%$ berbanding 2020
Sifar kes (PKN / TPKN)	76.8% (PKN / TPKN)	0% (PKN / TPKN)
Sifar kes malaria manusia jangkitan tempatan (indigenous) Sasaran: Sifar kes	Peratus berjaya berhenti merokok Sasaran: $\geq 35\%$	Peratus premis di sekolah bawah KPM dengan episod keracunan makanan berulang dalam tempoh 3 tahun Sasaran: $< 10\%$
WPKL 2.8% / WPPj 5.28% (PKN / TPKN)	78.9% (PKN / TPKN)	93.55% (PKN)
Peratus anaemia (Hb <11g/dl) ibu hamil pada 36 minggu kehamilan Sasaran: WPKL<5.0% / WPPj <5.0%	Peratus kanak-kanak kurang berat badan dalam Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan yang meningkat berat badan berdasarkan standard pertumbuhan WHO 2006 Sasaran: $\geq 66\%$	Peratus pematuan premis berlesen terhadap Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (304) Sasaran: $\geq 85\%$
82.5% (TPKN)	22.3% (TPKN)	0.55% (TPKN)
Peratus pekerja di tempat kerja (setting) yang menjalankan Program KOSPEN Plus disaring faktor risiko NCD pada tahun semasa Sasaran: $\geq 60\%$	Pelaksanaan aktiviti pendidikan dan pencegahan demam denggi oleh Pasukan COMBI Sasaran: $\geq 30\%$	Peratus liputan keciciran rawatan kesihatan mental di klinik kesihatan Sasaran: $< 5\%$ pesakit tercicir

Rajah 3.2 Senarai Indikator dan Pencapaian KPI PKN dan TPKN (KA) Bahagian Kesihatan Awam JKWP&P 2021

3.1.3 LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang dikhususkan dalam Program Kesihatan Awam JKWP&P bagi tahun 2021 telah digunakan

sepenuhnya untuk penganjuran kursus dan latihan seperti di Rajah 3.3.



Rajah 3.3: Status Pelaksanaan Dasar Latihan (Dasar 7 Hari Setahun) Program Kesihatan Awam, JKWP&P

3.2 UNIT INSPEKTORAT DAN PERUNDANGAN NEGERI

3.2.1. Pencapaian Aktiviti Penguatkuasaan

Jadual 3.1: Bilangan Operasi Penguatkuasaan Setiap Perundangan Kesihatan Awam Bagi Tahun 2017-2021

OPERASI PENGUATKUASAAN	2017	2018	2019	2020	2021
Bil. Operasi Akta Makanan	78	198	186	194	110
Bil. Operasi PPKHT 2004	371	424	476	476	181
Bil. Operasi APSPP 1975	147	176	113	67	149
Bil. Operasi APPPB 1988	1	8	10	522	647
Bil. Operasi Bersepadu	9	26	46	11	14

Penumpuan operasi penguatkuasaan lebih banyak melibatkan penguatkuasaan Akta 342 pada tahun 2021 dan 2022 berbanding tahun sebelumnya. Ini kerana sejajar dengan aktiviti pencegahan dan pengawalan penyakit bagi membendung penularan wabak COVID-19.

3.2.2. Aktiviti Penguatkuasaan Akta Makanan 1985 dan Peraturan-peraturan Di Bawahnya

Jadual 3.2: Pencapaian Aktiviti Penguatkuasaan Di Bawah Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 Bagi Tahun 2017-2021.

PENGUATKUASAAN (AKTA MAKANAN 1983, PERATURAN-PERATURAN MAKANAN 1985)	2017	2018	2019	2020	2021
Bil Sampel Menyalahi AM/PPM	9	23	19	37	37
Bil Notis Sek 32B Dikeluarkan	341	605	804	863	213
Bil Kompaun Dikeluarkan	206	325	559	330	281
Bil Kompaun Dibayar	265	329	436	332	276
Nilai Bayaran (RM)	112,925	259,300	334,767	229,500	162,175
Bil Kes Di Daftar Mahkamah	19	41	31	4	78
Bil Di Denda	14	21	20	4	55
Nilai Denda (RM)	129,000	199,000	28,800	14,000	161,800
Bil Kes DNAA	0	1	5	0	6
Bil Kes DNA	0	0	2	0	0

3.2.3 Aktiviti Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975

Jadual 3.3 Aktiviti Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 Bagi Tahun 2017-2021

PENGUATKUASAAN (APSPP 1975)	2017	2018	2019	2020	2021
Bil Notis Sek 6 Dikeluarkan	739	741	398	1000	381
Bil Kompaun Dikeluarkan	384	350	247	136	178
Bil Kompaun Dibayar	204	244	121	60	89
Nilai Bayaran (RM)	60,300	73,705	39,685	20,600	23,605
Bil Kes Di Daftar Mahkamah	19	41	31	13	7
Bil Di Denda	14	21	20	2	10
Nilai Denda (RM)	129,000	199,000	28,800	5000	48,500
Bil Kes DNAA	0	1	5	0	0

3.2.4 Aktiviti Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004

Jadual 3.4: Pencapaian Penguatkuasaan PPKHT 2004 Bagi Tahun 2017-2021

PENGUATKUASAAN PPKHT 2004	2017	2018	2019	2020	2021
Bil Notis Sek 32B Dikeluarkan	1218	1843	47	738	904
Bil Kompaun Dikeluarkan	1001	1424	62	496	464
Bil Kompaun Dibayar	973	1489	62	475	458
Nilai Bayaran (RM)	128,175	220,695	11,950	82,505	76,925
Bil Kes Di Daftar Mahkamah	364	307	90	127	0
Bil Di Denda	285	246	17	0	0
Nilai Denda (RM)	27,750	17,650	10,740	0	0

3.2.5 Aktiviti Penguatkuasaan Pematuhan SOP Arahan Ketua Pengarah (PKP/PKPB/PKPP)

Jadual 3.5: Aktiviti Penguatkuasaan Pematuhan SOP Arahan Ketua Pengarah (PKP/PKPB/PKPP) Bagi Tahun 2020-2021

PENGUATKUASAAN SOP PKP/ PKP & PKPP	2020	2021
Bil Kompaun Dikeluarkan PDRM	11,804	18,496
Bil Kompaun Dikeluarkan KKM	164	476
Bil Kompaun Dikeluarkan oleh AGENSI LAIN	89	343
Jumlah Kompaun dikeluarkan	12,057	19,315
Bil Kompaun Dibayar	5031	6453
Nilai Bayaran (RM)	5,031,000	4,934,034
Bil Kes Di Daftar Mahkamah	26	39
Bil Di Denda	2	20
Nilai Denda (RM)	2000	12,000

3.2.6 Aktiviti Penguatkuasaan Akta Pencegahan & Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)

Jadual 3.6: Pencapaian Aktiviti Penguatkuasaan Di Bawah Akta 342 Bagi Tahun 2020-2021

PEGUATKUASAAN – APPPB 1988	2020	2021
Bil Pemeriksaan Premis Pematuhan SOP	17,291	49,745
Bil HSO Di Bawah Sek 15 (1) Dikeluarkan	68,551	286,198
Bil Pemantauan HSO Sek 15 (1)	1646	11,556
Bil HSO Di Bawah Sek 11 (3) Dikeluarkan	-	79,311
Bil Pemantauan HSO Sek 11 (3)	-	5109
Bil Aduan Diterima	85	101
Bil Penutupan Premis Di Bawah Sek 18(1)(f)	18	212
Bil Penutupan Premis Di Bawah Sek 18(1)(d)	7	1

3.2.7 Latihan Dan Kursus

Jadual 3.7: Kusus Yang Berjaya Diadakan Pada Tahun 2021

Bil	Kursus	Tempat	Tarikh	Penyertaan
1	PHEIS	JKN	3 Mei	30 Orang


3.3 CAWANGAN KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (CDC)

3.3.1. Penyakit Cegahan Vaksin

A. Campak (Measles)

Sebanyak 198 kes Measles telah dilaporkan di WPKL & Putrajaya yang mana sebanyak 8 kes telah didaftarkan

sebagai kes *lab-confirmed* Measles, 4 kes sebagai kes *vaccine-associated* Measles, manakala 186 kes diabaikan kerana keputusan ujian makmal adalah negatif atau tidak menepati kriteria klinikal.




B. Poliomyelitis/ Acute Flaccid Paralysis (AFP)

Tiada kes jangkitan Polio dilaporkan pada tahun 2021. Manakala terdapat 3 kes AFP telah dilaporkan dengan kesemuanya diklasifikasi sebagai *discard* 1. Aktiviti promosi kesihatan berkenaan kepentingan melaporkan

kes AFP dan pengambilan sampel najis dalam masa 14 hari selepas onsets paralisis telah dilaksanakan di semua fasiliti kesihatan di WPKL & Putrajaya bagi meningkatkan kualiti surveilans AFP.

3.3.2 Penyakit Bawaan Makanan Dan Air (FWBD)

A. Keracunan Makanan



Bilangan kes keracunan makanan yang dilaporkan adalah sebanyak 744 kes iaitu kenaikan kes sebanyak 43% berbanding tahun 2020 (424 kes). Sebanyak 43 wabak keracunan makanan dilaporkan dengan 4 episod melibatkan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Kejadian wabak di sekolah menunjukkan peningkatan iaitu melibatkan 4 buah sekolah berbanding 1 buah sekolah pada tahun 2020. Tiada sekolah melaporkan episod keracunan makanan berulang pada tahun 2021.

Rajah 3.5: Bilangan Kes Keracunan Makanan di WPKL & Putrajaya, 2012-2021

B. Lain-lain Penyakit Bawaan Makanan dan Air

Sebanyak 242 kes Tifoid dinotifikasi sepanjang tahun 2021, namun hanya 2 kes disahkan oleh ujian makmal. Selain itu, turut dilaporkan ialah 35 kes Disentri dan 1 kes Paratifoid.

3.3.3 Penyakit Zoonosis

A. Leptospirosis

Pada tahun 2021, terdapat 57 kes Leptospirosis didaftarkan. Daripada kes yang didaftar, sebanyak 9 kes adalah *lab-confirmed* (15.8%). Berbanding tahun sebelumnya, terdapat penurunan kes sebanyak 29.7% (81 kes pada 2020). Satu kejadian wabak Leptospirosis telah berlaku di bawah kawasan operasi Pejabat Kesihatan Lembah Pantai. Wabak ini melibatkan 2 kes, dimana kedua-dua kes adalah *lab-confirmed* (positif PCR). Jangkitan disyaki berpunca daripada infestasi


roden yang ada di kawasan rumah yang mana sampel tanah bercampur najis adalah positif untuk *Leptospira spp.* Langkah kawalan dan pencegahan wabak telah diambil dan tiada kematian dilaporkan.

B. Penyakit Hand Foot & Mouth Disease (HFMD)

Kumulatif kes HFMD di WPKL dan Putrajaya pada 2021 adalah sebanyak 653 kes, lebih rendah berbanding 1,610 kes pada tahun 2020, pengurangan sebanyak 40.6 %.

Sebanyak 48 wabak HFMD dilaporkan dengan jumlah wabak tertinggi berlaku di kawasan operasi Pejabat Kesihatan Putrajaya iaitu sebanyak 29 wabak, diikuti oleh Pejabat Kesihatan Kepong dan Pejabat Kesihatan Cheras masing-masing dengan 9 wabak, 3 wabak di Pejabat Kesihatan Lembah Pantai dan 2 wabak di PK Titiwangsa. Sebanyak 64.6% wabak berlaku di taska seperti di Rajah 3.6.


JUMLAH WABAK HFMD MENGIKUT PREMIS KEJADIAN WABAK BERLAKU



Rajah 3.6: Taburan Wabak Kes HFMD Mengikut Premis Pada Tahun 2021


3.4 UNIT TIBI & KUSTA

3.4.1 Kes Tibi Yang Didaftarkan Tahun 2007-2021




Rajah 3.7: Kes Tibi Yang Didaftarkan Tahun 2007-2021

3.4.2 Kes Tibi Mengikut Warganegara




Rajah 3.8: Pecahan Kes Tibi Mengikut Warganegara

3.4.3 Kes Tibi Mengikut Kumpulan Umur



Rajah 3.9: Pecahan Kes Tibi Mengikut Kumpulan Umur


3.4.4 Kes Tibi Mengikut Subdiagnosa



Rajah 3.10: Pecahan Kes Tibi Mengikut Subdiagnosa

3.4.5 KPI KPK: Kadar Sukses Rawatan Tibi Warganegara


Sasaran kadar sukses rawatan bagi warganegara $\geq 90\%$



Rajah 3.11: Kadar Sukses Rawatan Bagi Warganegara


3.4.6 KPI KPK: Kadar Sukses Rawatan Tibi Warganegara

Peratus sasaran pemeriksaan saringan pertama kontak iaitu satu indeks kes dengan sasaran 10 kontak adalah 75%



Rajah 3.12: Kadar Sukses Rawatan Tibi Warganegara

3.4.7 Kes Didaftarkan Kusta



Rajah 3.13: Kes Kusta Mengikut Tahun

3.4.8 Aktiviti Unit Tibi



(Promosi Melalui Media Sosial)



(Pengesanan Kes Secara Aktif)




(Majlis Penghargaan Program TB Watch)

3.5 UNIT HIV, STI & HEPATITIS C

3.5.1 Epidemiologi HIV

Pada tahun 2021, sebanyak 324 kes baru HIV didaftarkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Ia menunjukkan penurunan kes sebanyak

22.7% berbanding tahun 2020. Bilangan kes AIDS yang dilaporkan pada 2021 adalah 72 kes iaitu penurunan sebanyak 67.6% berbanding tahun sebelumnya. Bagi kematian HIV pula mencatatkan jumlah 23 orang pada 2021 (Rajah 3.14).




Rajah 3.14: Bilangan Kes Baru HIV & AIDS dan Kematian HIV 2010 – 2021

3.5.2 Program Saringan HIV

Secara keseluruhannya, sebanyak 230,732 saringan HIV dilakukan pada tahun 2021 meliputi saringan ibu mengandung, pra-perkahwinan, sukarela, tanpa nama,

TB, bank darah dan *modified syndromic approach* (MSA) (Rajah 3.15). Jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya, terdapat penurunan jumlah saringan sebanyak 4.1% pada tahun 2020.



Rajah 3.15: Jumlah Saringan HIV yang Dijalankan 2015 - 2021

3.5.3 Program Pencegahan Jangkitan Hiv & Sifilis Daripada Ibu Ke Anak (PMTCT)

Seramai 18 kes HIV positif dicatatkan dalam kalangan ibu mengandung pada tahun 2021. Tiada bayi yang

dijangkiti HIV melalui transmisi vertikal (Jadual 3.8). Seramai 14 kes ibu yang dijangkiti sifilis dikesan melalui saringan ibu mengandung dan sebanyak 3 kes *probable congenital syphilis* telah dilaporkan pada tahun 2021 (Jadual 3.9).

Jadual 3.8: Pencapaian Program PMTCT HIV, JKWPKL&P 2015-2021


Tahun	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
IBU POSITIF HIV	14	16	18	12	17	16	18
WARGANEGARA	8	5	12	7	11	7	12
BWN	6	11	6	5	6	9	6
BAYI POSITIF HIV	0	0	0	0	0	0	0
VERTICAL RATE (%)	0	0	0	0	0	0	0
VERTICAL RATE/100,000LB	3.49	0	0	0	0	0	0

Jadual 3.9: Pencapaian Program PMTCT Sifilis, JKWPKL&P 2015-2021

Tahun	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
IBU TPHA POSITIF	10	8	11	12	7	17	14
WARGANEGARA	5	7	8	11	7	15	9
BWN	5	1	3	1	0	2	3
CONGENITAL SYPHILIS	0	2	0	0	2	3	3
KELAHIRAN HIDUP	30164	25472	41882	41818	40557	39260	42596
CONGENITAL SYPHILIS/ 100,000LB	0	7.85	0	0	4.93	7.64	4.69

3.5.4 Sexually Transmitted Infections (STI)

Rajah 3.16 menunjukkan bilangan kes STI yang dinotifikasi. Majoriti kes adalah jangkitan sifilis dengan bilangan sebanyak 355 kes.




Rajah 3.16: Bilangan kes STI dari tahun 2015 – 2021

3.5.5 Hepatitis C

Bilangan notifikasi kes Hepatitis C menunjukkan peningkatan sebanyak 58% pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 (Rajah 4) berkemungkinan

disebabkan oleh kesedaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat di samping aktiviti saringan yang kembali aktif setelah sekatan pergerakan COVID-19 dilonggarkan.




Rajah 3.17: Kadar Notifikasi Kes Hepatitis C dari Tahun 2015 – 2021

3.5.6 Key Performance Index (KPI)

Indikator KPI bagi Unit HIV, STI & Hepatitis C adalah Liputan Rawatan Anti-retroviral Therapy (ART) kepada klien-klien HIV dengan sasaran >60%. Pencapaian pada

tahun 2021 adalah 90%, di mana sejumlah 292 daripada 324 klien yang berdaftar pada tahun semasa telah menerima rawatan ART.



Rajah 3.18: Pencapaian Kadar Liputan ART Mengikut Pejabat Kesihatan Daerah bagi Tahun 2021

3.5.7 Penerbitan & Pembentangan

- Pembentangan poster bertajuk "An Analysis Of Hepatitis C Screening And Treatment In Primary Health Care In Kuala Lumpur And Putrajaya" oleh Dr. Raudah Binti Abd Rahman di *22nd NIH Scientific Conference*.


- Pembentangan lisan bertajuk "Characteristics Of PLHIV Who Are ON ARV Therapy Infected With COVID-19 In Kuala Lumpur & Putrajaya" oleh Dr. Mohd Erfan Bin Edros di *22nd NIH Scientific Conference*.

3.6 CAWANGAN PENYAKIT BAWAAN VEKTOR

Cawangan Penyakit Bawaan Vektor (CPBV) bertanggungjawab untuk memastikan kadar kes dan wabak denggi dapat dikurangkan termasuk kematian denggi. Penyakit bawaan vektor lain yang perlu dilaksanakan pencegahan merangkumi Malaria, Chikungunya, Tifus, *Plague*, *Yellow Fever* dan *Japanese Encephalitis* agar tidak menjadi suatu masalah kesihatan awam di WPKL dan Putrajaya.

3.6.1 Denggi

Denggi merupakan salah satu masalah Kesihatan Awam yang utama di WPKL&P. Kes denggi yang dilaporkan pada tahun 2021 menunjukkan penurunan berbanding pada tahun sebelumnya. Sejumlah 3,067 kes telah dilaporkan, berbanding 10,631 kes pada tahun sebelumnya iaitu penurunan sebanyak 7,564 kes (71.2%).



Rajah 3.19: Tren Kes Denggi Yang dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2006 – 2021

Jadual 3.10: Perbandingan Kes dan Kematian Mengikut Pejabat Kesihatan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2020 dan 2021

Bil	Pejabat Kesihatan	Jumlah terkumpul kes denggi pada tahun		Perbandingan kenaikan/ Penurunan kes pada tahun 2020 dan 2021
		2020	2021	
1	Cheras	1,997 (3)	552	-72.4
2	Kepong	1,780 (2)	719 (1)	-59.6
3	Lembah Pantai	2,624	780 (1)	-70.3
4	Titivangsa	3,578 (2)	900	-74.8
5	Putrajaya	652	116	-82.2
JKWPKL&P		10,631 (7)	3,067(2)	-71.2

Nota: () Bilangan Kematian

Sumber: CPBV, JKWPKL&P

Jadual 3.11: Taburan Wabak Denggi Mengikut Pejabat Kesihatan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2021


Bil.	Pejabat Kesihatan	Wabak		Kumulatif Wabak
		Wabak Terkawal	Wabak Tidak Terkawal (WTK)	
1	Cheras	44	11(9)	55(9)
2	Lembah Pantai	95	8(7)	103(7)
3	Kepong	78	3(1)	81(1)
4	Titivangsa	117	6(4)	123(4)
5	Putrajaya	11	2(1)	13(1)
JUMLAH		345	30(22)	375(22)

Nota: () Bilangan lokaliti hotspot

Sumber: CPBV, JKWPKL&P

3.6.2 Malaria

Pada tahun 2021, sebanyak 1 kes malaria telah dilaporkan di WPKL&P, penurunan sebanyak 4 kes (80 %) berbanding tahun 2020 (5 kes). Kes 2021 merupakan kes jangkitan import. Kes malaria dilaporkan adalah di PK Lembah Pantai. Tiada kematian malaria dilaporkan di WPKL&P untuk tahun 2021 (Rajah 3.20). Kes melibatkan warga asing iaitu warganegara Bangladesh. Jangkitan species adalah species parasit Plasmodium Vivax.



Rajah 3.21: Kes Malaria di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya, 2010 – 2021

3.6.3 Chikungunya

Terdapat 490 kes Chikungunya dilaporkan di WPKL&P pada tahun 2021 (Paparan 3.6). Terdapat peningkatan sebanyak 485 kes (98.9%) berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak 5 kes. Bilangan kes tertinggi adalah di PK Titiwangsa (190 kes) diikuti oleh PK Kepong (184 kes) dan PK Lembah Pantai (65 kes) serta PK Cheras (51 kes). Sepanjang tahun 2021, terdapat 59 wabak Chikungunya yang telah berlaku. Bilangan wabak tertinggi adalah di PK Titiwangsa (27 wabak), PK Kepong (17 wabak), PK Lembah Pantai (10 wabak) dan PK Cheras (5 wabak). PK Putrajaya tiada kes dan wabak Chikungunya yang berlaku sepanjang tahun 2021. Tiada kematian kes chikungunya dilaporkan di WPKL&P untuk tahun 2021.



Sumber: CPBV, JKWPKL&P

Rajah 3.22: Kes Chikungunya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya, 2015 – 2021

3.6.4 Filariasis Limfatik / Program Kawalan Tifus / Japanese Encephalitis (JE) / Zika

Tiada kes dilaporkan di WPKL&P pada tahun 2021.

3.6.5 Kawalan Vektor Denggi

Pada tahun 2021, pencapaian bilangan premis diperiksa adalah sebanyak 325,619 premis, meningkat 10.3% berbanding 292,080 premis yang diperiksa pada tahun 2020. Ini berikutan penurunan kes sebanyak 7,654 (71.1%) kes. Penurunan ini turut disumbangkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan aktiviti PTP dan SRT dalam premis tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Sejumlah 980,313 premis disemur kabus, menurun 16.1% berbanding 1,168,320 premis telah disemur pada tahun 2020. Selain itu, sejumlah 610,210 premis telah dibunuh Abate, meningkat 4.4% berbanding 584,160 premis telah dibunuh Abate pada tahun 2020.

Jadual 3.22: Pencapaian Aktiviti Kawalan Cawangan Penyakit Bawaan Vektor, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya, 2020 dan 2021

Aktiviti Kawalan Denggi	2020	2021
	Bilangan kes 10,631	Bilangan kes 3,067
Bil. Premis Diperiksa (PTP)	292,080	325,619
Bil. Premis Disemur Kabus (SRT)	1,168,320	980,313
Bil. Premis Dilarvasiding	584,160	610,210

3.7 CAWANGAN ENTOMOLOGI DAN PEST

3.7.1 Aktiviti Cawangan Entomologi dan Pest

A. Aktiviti Entomologi

Sepanjang tahun 2021, sejumlah 211 aktiviti dijalankan dengan aktiviti Penyiasatan Entomologi [*Entomology Investigation (EI)*]; dan 142 aktiviti Penilaian Risiko Entomologi [*Entomology Risk Assessment (ERA)*] telah dijalankan bagi menentukan kehadiran dan intensiti vektor dan pest. Sebanyak 118 (56%) aktiviti EI yang dijalankan menunjukkan indeks entomologi melebihi paras ambang (*threshold*) iaitu $A.I \leq 1.0\%$, $B.I \leq 5$, $C.I \leq 10.0\%$, $P.I \leq 1.0\%$ dan hurungan Aedes dewasa ≤ 2 ekor/minit. Manakala bagi aktiviti ERA sebanyak 66 (46%) aktiviti melebihi paras ambang (*threshold*).

Objektif aktiviti adalah untuk mengenalpasti tahap risiko entomologi dan pest di lokaliti yang dijalankan siasatan dan penilaian risiko. Penemuan aktiviti dan cadangan penambahbaikan aktiviti yang sepatutnya dijalankan akan dimaklumkan kepada pihak yang terlibat. Aktiviti kajian entomologi juga dijalankan meliputi pemasangan ovitrap sentinel, ovitrap 48 jam, MyMat dan ovitrap pemantauan frekuensi *Aedes aegypti* ber*Wolbachia* serta aktiviti pengesanan virus denggi dalam nyamuk (VDIM).

B. Operasi Pelepasan *Aedes aegypti* Ber*Wolbachia*

Nyamuk *Aedes* ber*Wolbachia* merupakan nyamuk yang mempunyai *Wolbachia* yang merencatkan

perkembangan virus denggi di dalam nyamuk *Aedes* dan seterusnya berupaya untuk mencegah dan mengawal transmisi jangkitan demam denggi. Sehingga kini sebanyak tujuh lokaliti dengan operasi perlepasan *Aedes* ber*Wolbachia* di lapangan yang melibatkan Pangsapuri Penara (Cheras), PPR Desa Tun Razak (Cheras), Apartment Seri Rakyat (Lembah Pantai), Desa Setia Wira (Titiwangsa), PA Desa Rejang (Titiwangsa), Presint 14 Sub 7 dan Sub 12 (Putrajaya).

Penilaian kejayaan operasi pelepasan diukur berdasarkan kepada peratus penetasan telur (>90%), peratus kejayaan menjadi *Aedes* dewasa (>80%) dan peratus frekuensi Nyamuk ber*Wolbachia* (>80%) dua kali secara berturutan. Secara keseluruhannya, kesemua lokaliti telah menunjukkan trend penurunan kes demam denggi bagi tempoh perlepasan *Aedes* ber*Wolbachia* berbanding dengan tempoh masa sebelum perlepasan dijalankan di semua lokaliti Fasa 1, 2 dan 3.

Sumber: CPBV, JKWP&P

C. Aktiviti Kajian Nyamuk

Aktiviti kajian nyamuk dijalankan dengan menggunakan kaedah *Bare Leg Catch* (BLC). Objektif aktiviti adalah untuk mengetahui taburan nyamuk sebagai vektor bagi penyakit denggi, malaria dan filariasis. Di samping itu aktiviti *larva source management* (LSM) bagi mengurangkan risiko kehadiran vektor turut dijalankan. Sebanyak empat (4) aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2021 dengan penemuan spesies nyamuk seperti dalam Rajah 1.0

Jadual 3.23: Aktiviti *Bare Leg Catch* (BLC) dan *Larva Source Management* (LSM) yang dijalankan sepanjang tahun 2021

Daerah	Lokaliti	Tarikh	Aktiviti	<i>Anopheles</i> spp.
Lembah Pantai	PPR Pinggiran Bukit Jalil	7 - 9 April 2021	BLC	Tiada
Putrajaya	Taman Wetland, Putrajaya	16 -17 November 2021	LSM	<i>An. barbirostris</i>
			BLC	<i>An. maculatus</i> <i>An. hyrcanus</i> <i>An. barbirostris</i> <i>An. annularis</i> <i>An. karwari</i>
Kepong	Serene Mont Kiara	13 - 14 Oktober 2021	BLC	Tiada
	Taman Persekutuan Bukit Kiara	27- 28 Oktober 2021	BLC	Tiada

3.7.3 Program/latihan/kursus

A. Program

Satu lawatan kerja ke Makmal Insektarium, Johor dan Unit Entomologi & Pest, JKN Melaka pada 23 dan 24 Disember 2021 untuk mendapatkan maklumat serta proses pertukaran pengetahuan dan kemahiran dalam pengendalian insektarium, disamping berkongsi

pengalaman teknikal dalam operasi pengendalian nyamuk steril dan nyamuk ber*Wolbachia*.

B. Latihan/ Kursus

- Latihan teknikal penggunaan racun abate 1.1G pada 4 Januari 2021
- Kursus penggunaan racun pest – 30 September 2021


3.8 CAWANGAN SURVELAN

3.8.1 Wabak Penyakit Berjangkit


Sepanjang tahun 2021, selain daripada wabak Denggi, sebanyak 108 wabak penyakit berjangkit dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. PKD Putrajaya mencatat bilangan wabak yang terbanyak (43 wabak) diikuti oleh PKD Lembah Pantai (21 wabak), PKD Cheras (20 wabak), PKD Kepong (17 wabak) dan PKD Titiwangsa (7 wabak). Secara keseluruhannya, jumlah wabak yang dilaporkan telah menurun sebanyak 37 wabak (25.5% penurunan) berbanding tahun 2020 (Jadual 3.23, Rajah 3.23, dan Rajah 3.24).

Jadual 3.24: Perbandingan Kumulatif Wabak Penyakit Berjangkit (Selain Denggi), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, 2019-2021

PENYAKIT	KUMULATIF WABAK 2020	KUMULATIF WABAK 2021
HFMD	75	51
KRM	21	45
ILI/influenza/URTI	37	0
Chicken Pox	4	8
Mumps	5	0
Measles	1	1
Pertusis	0	0
Neonatal Tetanus	0	0
Conjunctivitis	0	0
Rotavirus	0	0
Leptospirosis	0	1
Meningococcal	0	0
AGE	1	1
Hepatitis A	0	0
Scabies	1	1
JUMLAH	145	108




Rajah 3.23: Kejadian Wabak Penyakit Berjangkit (Selain Denggi) Mengikut Pejabat Kesihatan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, 2012-2021



Rajah 3.24: Kejadian Wabak Penyakit Berjangkit (Selain Denggi) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2014-2021


3.8.2 Influenza-like Illness (ILI) dan Severe Acute Respiratory Infection (SARI)



Rajah 3.25: Kadar Konsultasi ILI, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, 2012-2021

Kadar konsultasi ILI di klinik-klinik kesihatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada tahun 2021 adalah antara 0.004 hingga 6.630. Tren pada tahun 2021 dilihat lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini turut disumbangkan oleh strategi surveilan epidemiologi baru sejak Disember 2021. (Rajah 3.25).


3.8.3 Gastroenteritis Akut (AGE)




Rajah 3.26: Bilangan Kes Gastroenteritis Akut (AGE) Yang Dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2012-2021

Keseluruhannya, tren bilangan kes AGE adalah dilihat menurun dan mencatatkan jumlah kumulatif kes paling rendah dilaporkan sejak tahun 2012. (Rajah 3.26). Pada tahun 2021, jumlah kumulatif kes AGE yang dilaporkan adalah sebanyak 3, 958 kes berbanding tahun 2020 dengan jumlah 7, 076 kes iaitu penurunan sebanyak 44%.


Namun, kejadian wabak keracunan makanan didapati meningkat hampir 53.3% daripada 21 kejadian wabak pada 2020 kepada 45 kejadian wabak pada tahun 2021 dimana 49 % kejadian wabak keracunan makanan pada tahun 2021 adalah melibatkan premis rumah persendirian. (Rajah 3.27)



Rajah 3.27: Taburan Wabak Keracunan Makanan Mengikut Kategori Tempat Kejadian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Pada Tahun 2021



Rajah 3.28: Sebab-sebab 'Tidak Sesuai Bekerja di Malaysia' di Kalangan Pekerja Asing, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2020-2021



Rajah 3.29: Jumlah Klinik yang Gagal Menotifikasi Penyakit Hepatitis B, Sifilis, dan Malaria

3.8.4 Saringan Kesihatan Pekerja Asing (FOMEMA)

Tuberkulosis (penemuan X-ray dada yang tidak normal) adalah penyakit berjangkit yang paling banyak dikesan (362 kes, 58.8%) diikuti Hepatitis B (159 kes, 25.8%), Sifilis (63 kes, 10.2%), HIV (32 kes, 5.2%) dan Malaria (0 kes, 0%). Untuk penyakit tidak berjangkit, kategori lain-lain adalah penemuan terbanyak dikesan (1881 kes,

99.9%) terdiri daripada penyakit Jantung, penyakit Kencing Manis, Darah Tinggi dan Buah Pinggang. Kemudian, diikuti dengan kanser (0 kes, 0%), penyakit Psikiatri (1 kes, 0.1%) dan Epilepsi (0 kes, 0%) yang dilaporkan pada tahun 2021 (**Rajah 3.28**). Manakala, pada tahun 2021, sebanyak 133 klinik telah didapati gagal dalam membuat notifikasi penyakit Hep B, Sifilis dan Malaria (**Rajah 3.29**).

3.9 CAWANGAN KAWALAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT

3.9.1 Kawalan dan Pencegahan Penyakit Kardiovaskular dan Diabetes


Jadual 3.25: Profil Demografik Pesakit Diabetes Yang Didaftar Dalam *National Diabetes Registry*

	PESAKIT AKTIF			PESAKIT BARU DAFTAR 2021		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
WP Kuala Lumpur	11822	16555	28377	1499	1939	3438
WP Putrajaya	2830	2681	5511	496	493	989
WP KL&P	14652	19236	33888	1995	2432	4427

3.9.2 KPI Pengarah Kesihatan JKWPKL&P

Indikator yang dipilih adalah peratus pesakit Diabetes Mellitus Jenis 2 yang mencapai tahap kawalan diabetes yang optima iaitu HbA1c $\leq 6.5\%$. Pada tahun ini,

pencapaian KPI ini telah meningkat sebanyak 14% berbanding pada tahun 2020.




Rajah 3.30: Peratus Pencapaian KPI Diabetes (HbA1c ≤ 6.5) Mengikut Pejabat Kesihatan, JKWPKL&P, 2018 – 2021

3.9.3 Aktiviti Yang Dijalankan oleh Unit Kawalan dan Pencegahan Penyakit Kardiovaskular dan Diabetes

Sepanjang tahun 2021, kebanyakan aktiviti anjuran Unit Kawalan dan Pencegahan Penyakit Kardiovaskular

dan Diabetes dijalankan secara maya bagi mematuhi SOP pencegahan penularan wabak COVID-19.




Rajah 3.31: Aktiviti anjuran Unit Kawalan dan Pencegahan Penyakit Kardiovaskular dan Diabetes pada tahun 2021


3.9.4 Kawalan dan Pencegahan Kesihatan Mental

Tahun 2021, seramai 7,525 (30 saringan / KK / Bulan = 6,120) pelanggan telah menjalani saringan kesihatan mental. Intervensi diberikan kepada semua klien yang berisiko daripada saringan Whooley's. Jumlah kumulatif

kes kesihatan mental sepanjang 2021 adalah seramai 3514 kes dan kes baru pada tahun 2021 seramai 1126 kes. Manakala, kes cicir kesihatan mental dari Jan-Dis 2021 bagi JKWPCLP adalah seperti Rajah 3.32.



Rajah 3.32: Peratus Kes Cicir Kesihatan Mental (%) Januari- Disember 2021 di JKWPCLP




Rajah 3.33: Bilangan Kes Baru Kesihatan Mental 2021 mengikut Klinik Kesihatan di JKWPCLP

3.9.5 Kawalan dan Pencegahan Alkohol

Sepanjang tahun 2021, seramai 510 klien telah menjalani saringan audit 10 (sasaran tahunan: 1080). Daripada jumlah tersebut hanya 101 klien yang lengkap

menjalani saringan audit 10 kedua, di mana 51 klien menunjukkan penurunan skor audit 10 manakala 50 lagi tiada perubahan skor saringan audit 10.




Rajah 3.34: Bilangan Saringan Alkohol yang Mempunyai Skor mengikut Klinik Kesihatan JKWPCLP, 2021

3.9.6 Verifikasi Kematian yang tidak disahkan oleh pegawai perubatan

Pada tahun 2021, siasatan yang dijalankan adalah kes kematian Januari – Disember 2020 dan Januari sehingga Mei 2021. Pada bulan Ogos 2021, pihak Pusat Informatik Kesihatan (PIK) telah menutup penghantaran data bagi kes kematian Januari – Disember 2020. Laporan tahunan ini, difokuskan kepada kes kematian 2020. Jumlah kes kematian Januari – Disember 2020 adalah sebanyak 2896. Pejabat Kesihatan (PK) yang mencapai

peratus kematian yang disahkan tertinggi adalah PK Putrajaya, 51% (19/37), diikuti oleh PK Titiwangsa 49% (324/661), PK Cheras 40% (227/563), PK Kepong 38% (340/906) dan akhir sekali PK Lembah Pantai 31% (226/729). Verifikasi kematian yang dapat disahkan pada tahun 2020 adalah 39.2%. Penyebab kematian yang utama adalah *ischemic heart disease*.



Rajah 3.35: Peratus Kes Selesai

3.9.7 Kanser Registri

Unit Registri Kanser mengumpul notifikasi kanser yang didiagnos pada tahun 2017 – 2021. Kes- kes ini diterima

secara pasif daripada hospital-hospital dan fasiliti kesihatan. Selain itu pencarian notifikasi secara aktif juga dijalankan. Notifikasi yang diterima dimasukkan ke dalam aplikasi registry data pesakit My Health Data

Warehouse (My HDW) sebanyak 1735 dan Can Reg5 sebanyak 347. Bagi tahun 2021, sebanyak 249 kes kanser yang didiagnos pada tahun ini yang telah dinotifikasi ke dalam system My HDW. Kanser payu dara adalah tertinggi (n=83), diikuti oleh kanser paru dan bronchus (n=50) dan yang ketiga adalah kanser kolorektal (n=28).

3.9.8 Saringan Kanser Kolorektal

Laporan Registri Kanser Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya 2012-2016 menunjukkan kadar insiden bagi kanser kolon, rektum dan anus adalah 12.7% dan berada di tempat kedua tertinggi hanya selepas kanser payudara. Dari laporan yang sama, 70.1% telah didiagnos di peringkat lewat iaitu tahap 3 dan 4. Kanser kolon, rektum dan anus juga merupakan antara 10 sebab kematian utama bagi Malaysia pada tahun 2020 menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Sasaran demografik bagi program saringan kanser kolorektal adalah klien asimptomatik berumur 50-75. Bagi tahun 2021 terdapat 365,000 orang penduduk di dalam julat usia tersebut di WP Kuala Lumpur dan 13,700 orang bagi WP Putrajaya.

Pada tahun 2021, sejumlah 17 klinik kesihatan telah menjalankan saringan kanser kolorektal. Bilangan ini berkurangan dari 21 fasiliti saringan pada tahun lepas atas sebab penutupan Klinik Komuniti dan rotasi staf ke lapangan contohnya COVID-19 Assessment Center (CAC), Stesen Kuarantin COVID-19, pasukan sampling COVID-19 dan Pusat Pemberian Vaksin (PPV). Sejumlah 3301 saringan kanser kolorektal telah dijalankan, di mana 349 didapati mempunyai keputusan iFOBT positif. Dari bilangan ini, 316 telah setuju untuk dirujuk ke klinik pakar dan 78 klien telah menjalani kolonoskopi. 9 klien didiagnos kanser kolorektal, 36 polips usus, 17 normal dan 16 lain-lain seperti buasir, anal fissure, dan sebagainya.

3.9.9 Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN)

A. Norma Baharu Pasca Pandemik

Program KOSPEN pada tahun 2021 memfokuskan kepada amalan norma baharu pasca pandemik bagi sukarelawan KOSPEN di lapangan. Sesi Cegah & Didik, Amal, Patuh dan Pantau (CAPP) juga dijalankan tiga (3) kali menerusi Facebook @KOSPENKLPutrajaya yang menyentuh topik relevan bagi orang awam seperti cara cucian tangan yang betul, cara pemakaian pelitup muka, cara kuarantin sendiri dan kesihatan mental semasa COVID-19. Latihan Pemerkasaan Komuniti Dalam Norma Baharu - MyCHAMPION dijalankan menerusi lima (5) siri dari Julai sehingga Ogos 2021, dan sebuah kursus Garis Panduan Norma Baharu Pelaksanaan

Aktiviti KOSPEN Oleh Sukarelawan di Lapangan dijalankan pada November 2021.

B. Skop KOSPEN

Saringan kesihatan di lokaliti KOSPEN terpaksa dihentikan di atas sebab pematuhan SOP semasa. Skop aktiviti fizikal, pemakanan sihat, dan pengurusan berat badan dijalankan melalui program Pengurusan Berat Badan (PBB) KOSPEN Tahun 2021 yang dijalankan secara atas talian. Seramai 129 orang peserta yang menyertai PBB KOSPEN 2021, 127 peserta yang kekal sehingga 6 bulan (98.5), 74% menurunkan berat badan dan 32.3% penurunan berat badan melebihi 5-10 kg. Bagi skop bebas rokok pula, sebanyak 215 rumah di lokaliti KOSPEN telah berdaftar sebagai Rumah Bebas Asap Rokok (RBAR) KOSPEN. Skop kesihatan mental diteruskan dengan tiga (3) siri Safe Cube di Facebook KOSPEN yang dikendalikan oleh Pegawai Psikologi dan Kaunseling Cawangan NCD bersempena dengan bulan kaunseling kebangsaan dan hari kesihatan mental sedunia pada bulan Oktober 2021.

3.9.10 Kawalan Tembakau

A. KPI Pengarah Kesihatan JKWP&P

Indikator yang dipilih adalah peratus klien berjaya berhenti merokok iaitu sasaran sebanyak $\geq 35\%$. Pada tahun ini, peratus klien berhenti merokok adalah sebanyak 76.8% (271 klien) berbanding 62.6% (244 klien) pada tahun 2020. Pencapaian KPI telah meningkat sebanyak 14.2% berbanding pada tahun 2020

B. Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok (KLBAR)

Pada tahun 2021, KLBAR telah mengadakan satu aktiviti tahunan iaitu *KL Smoke Free City Run*. Aktiviti ini dianjurkan oleh KLBAR LA21 DBKL dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya dan BookDoc. Aktiviti ini berlangsung selama enam (6) bulan iaitu bermula 1 April dan berakhir pada 30 September 2021. Tujuan aktiviti ini dijalankan untuk mempromosikan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai bandar bebas asap rokok. Seramai 21,000 peserta telah menyertai *KL Smoke Free City Run*.




Rajah 3.36:
Poster KL Smoke
Free City Run

3.10 Unit Kesihatan Pekerjaan Dan Alam Sekitar (KPAS)

3.10.1 Imunisasi Hepatitis B Untuk Anggota

Bagi tahun 2021, jumlah anggota yang layak adalah seramai 1,361 orang. Seramai 484 anggota telah

menjalani ujian saringan (Anti-HBs) dan 370 anggota telah mencapai tahap seroconversion (Rajah 3.37). Seramai 1119 anggota belum selesai imunisasi dan akan disambung pada tahun 2022



*Kumpulan 1: Anggota yang tidak pernah menerima atau menerima imunisasi Hepatitis B tetapi tidak lengkap


Rajah 3.37: Pencapaian Keseluruhan Imunisasi Hepatitis B, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya, 2021

3.10.2 Saringan Tibi Di Kalangan Anggota Kesihatan Berisiko

Bagi tahun 2021, seramai 255 orang anggota telah melakukan ujian *mantoux*. Seramai 12 orang (4.70%) anggota berisiko didapati positif ujian *mantoux*

(>15mm) dan tiada penyakit tibi dikesan daripada saringan berkenaan. (Rajah 3.38).


3.10.3 Survelan Perubatan Anggota Vektor



Rajah 3.38: Saringan Tibi Di kalangan Anggota Berisiko, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya, 2021

Bagi tahun 2021, 153 orang anggota Vektor di JKWP&P telah menjalani surveilan perubatan. Terdapat 2 anggota mengalami keracunan organofosfat kerana paras serum *Cholinesterase* yang abnormal. 32


anggota yang abnormal bagi keputusan audiometri dan tiada anggota yang abnormal bagi spirometri dirujuk kepada pakar bagi pemeriksaan lebih lanjut. (Rajah 3.39)



Rajah 3.39: Liputan Survelan Perubatan Anggota Vektor, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya, 2021

3.10.4 Survelan Kecederaan Tertusuk Jarum


Pada tahun 2021, 34 kes kecederaan tertusuk alatan tajam (NSI) telah dilaporkan di kemudahan-kemudahan JKWP&P, menurun berbanding tahun 2020 (38 kes). Rajah 3.40 menunjukkan kadar insiden



Rajah 3.40: Kadar Insidens NSI di Kalangan Anggota Kesihatan KKM, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya, 2017 - 2021

3.10.5 Program KOSPEN Plus di Tempat Kerja Agensi Awam/Swasta Peringkat JKWP&P 2021

Pencapaian program ini bagi tahun 2021 adalah sebanyak 22 agensi telah menjalankan program ini yang melibatkan 12 agensi baru, dan 10 agensi sedia ada pada tahun semasa. (Rajah 3.41).



Sensitized - Agensi yang bersetuju dan telah menerima program KOSPEN Plus

Rajah 3.41: Pencapaian Program KOSPEN Plus, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya, 2021

3.10.5 Pemantauan Penyakit Berkaitan Jerebu

Pemantauan penyakit-penyakit berkaitan jerebu dilaksanakan melalui 4 buah klinik sentinel iaitu KK Bandar Tun Razak, KK Batu, KK Putrajaya Presint 9 dan KK Putrajaya Presint 18. Rajah 3.42 menunjukkan jumlah penyakit akibat jerebu di WP&P pada tahun 2021 secara keseluruhan.


Pemantauan Penyakit Berkaitan Jerebu	Klinik Sentinel	KK Bandar Tun Razak	KK Batu	KK Putrajaya Presint 9	KK Putrajaya Presint 18	JUMLAH
	• <i>Conjunctivitis</i> • <i>URTI</i> • <i>Asthma</i>	• 50 • 3,855 • 100	• 128 • 5,256 • 1,400	• 168 • 6,460 • 1,151	• 411 • 4,804 • 1,177	• 757 • 20,375 • 3,828

Rajah 3.42: Bilangan Kes URTI, Asma dan Konjunktivitis di Klinik-Klinik Sentinel, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya, 2021

3.11 CAWANGAN KESIHATAN PRIMER

3.11.1 Beban Kedatangan Pesakit Di Rawatan Pesakit Luar

Pada tahun 2021, perkhidmatan pesakit luar kesihatan primer Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya terdiri daripada 21 Klinik Komuniti dan 22 Klinik Kesihatan/Klinik Kesihatan UTC. Tahun 2021 telah mencatatkan sebanyak 1,351,609 kedatangan pesakit luar dan jumlah ini menurun berbanding tahun sebelumnya ekoran wabak pandemik COVID-19.



Rajah 3.43: Jumlah Kedatangan Pesakit Luar (Tidak Termasuk KK Ibu Dan Anak) Mengikut Klinik Kesihatan Di JKWP&P

3.11.2 Perkhidmatan Sistem Temujanji Atas Talian (STAT) dan Perkhidmatan Klinik Virtual

Sebagai pendekatan norma baharu perkhidmatan klinik kesihatan bagi tahun 2021 ditingkatkan melalui sistem temujanji atas talian dan perkhidmatan klinik Virtual. Ini memudahkan klien yang boleh memilih slot waktu yang bersesuaian dengan keperluan mereka dan tidak perlu menunggu lama sewaktu waktu puncak di klinik kesihatan. Terdapat lima (5) fasiliti kesihatan primer JKWP&P yang terlibat dalam perkhidmatan klinik virtual iaitu KK Putrajaya Presint 18, KK Tanglin, KK Jinjang, KK Kuala Lumpur dan KK Cheras. Klinik Kesihatan Presint 18 telah memenangi *Most VC Bookings* KK dan KK Kuala Lumpur pula *Most Improved* KK di peringkat kebangsaan pada sesi 1 Jun 2021 hingga 31 Ogos 2021.

3.11.3 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi Perkhidmatan *Expanded Scope*

Pemberian vaksin di Pusat-pusat Warga Emas di bawah JKWP&P dilaksanakan selari dengan agenda Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). PPV *Mobile Team* PKD telah dibentuk untuk pelaksanaan pemberian vaksin. PPV *Mobile Team* terdiri daripada 5 pasukan dari setiap daerah. Pemberian dos pertama telah bermula pada 21 Mei 2021 di meliputi 84 pusat wargaemas, 13 pusat OKU dan 900 orang pesakit terlanjar. PPV *Mobile Team* juga melibatkan diri dalam pemberian vaksin di pusat gelandangan, *Malaysian association of Blind* (MAB), Depo Tahanan dan Lokap PDRM, remaja OKU dan terlanjar. Kerjasama dari pihak NGO seperti *National Cancer Society Malaysia* (NCSM), *Malaysian Medical Relief Society* (MERCY) dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) juga terlibat dalam pemberian vaksin pesakit terlanjar dan pelarian (*refugees*).



Rajah 3.44: Pemberian vaksin di Pusat Jagaan Warga Emas



Rajah 3.45: Pemberian vaksin di lokap

3.11.4 Program Khidmat Berhenti Merokok (KBM)

Program Khidmat Berhenti Merokok telah dijalankan di 17 klinik kesihatan di bawah seliaan JKWPKL&P dan dijadikan KPI Pengarah Kesihatan Negeri di mana sasarannya adalah sebanyak 35 peratus pesakit yang mempunyai *Quit Date* berhenti dalam tempoh 6 bulan. Untuk itu JKWPKL & P mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 76.55%.

Jadual 3.26: Perbandingan Kadar Berhenti Merokok di Kalangan Pelanggan Khidmat Berhenti Merokok di Klinik Kesihatan WPKL & Putrajaya bagi tempoh 2019 – 2021

Pejabat Kesihatan	Jan - Dis 2019			Jan - Dis 2020			Jan - Dis 2021		
	Jumlah Klien Ada Quit Date	Jumlah Klien Berjaya Berhenti Merokok	Kadar Berhenti Merokok (%)	Jumlah Klien Ada Quit Date	Jumlah Klien Berjaya Berhenti Merokok	Kadar Berhenti Merokok (%)	Jumlah Klien Ada Quit Date	Jumlah Klien Berjaya Berhenti Merokok	Kadar Berhenti Merokok (%)
Cheras	82	57	69.51	59	52	88.14	71	65	91.55
Kepong	69	39	56.52	42	26	61.90	40	28	70.00
Lembah Pantai	117	87	74.36	90	61	67.78	89	75	84.27
Titivangsa	135	67	49.63	88	41	46.59	80	46	57.50
Putrajaya	115	62	53.91	63	37	58.73	74	57	77.03
Jumlah JKWPKL&P	518	312	60.23	342	217	63.45	354	271	76.55

3.11.5 Perkhidmatan Penjagaan Luka Di Fasiliti Kesihatan Primer JKWPKL&P

Perkhidmatan Penjagaan Luka (*Modern Wound Dressing*) di fasiliti kesihatan primer JKWPKL&P telah bermula secara menyeluruh bermula tahun 2019. Kebaikan penggunaan *Modern Wound Dressing* akan mempercepatkan penyembuhan luka dan seterusnya dapat mengurangkan morbiditi dan mortaliti.

Jadual 3.27: Perbandingan kes penjagaan Luka dengan *Modern Wound Dressing* dan *Conventional Wound Dressing* di Fasiliti Kesihatan JKWPKL & P

Pejabat Kesihatan	2019		2020		2021	
	<i>Conventional Dressing</i>	<i>Modern Dressing</i>	<i>Conventional Dressing</i>	<i>Modern Dressing</i>	<i>Conventional Dressing</i>	<i>Modern Dressing</i>
PK Cheras	3,828	10,573	2,924	12,118	2,179	8,473
PK Putrajaya	4,729	6,624	2,707	6,638	635	5,713
PK Kepong	6,299	10,166	5,424	7,595	2,455	7,419
PK Lembah Pantai	8,486	11,946	3,810	13,005	1,892	8,950
PK Titivangsa	9,783	15,242	3,456	15,365	1,241	10,477
JKWPKL&P	33,125	54,551	18,321	54,721	8,402	41,032

3.11.6 Perkhidmatan Kesihatan Lelaki

Cawangan Kesihatan Primer, JKWPKL & P telah mengadakan Seminar Hari Kesihatan Lelaki secara maya pada 25 November 2021 (Khamis) menggunakan Facebook secara langsung di Studio Kolumposihat JKWPKL&P. Sebanyak 5 Klinik Kesihatan yang menjadi perintis bagi Perkhidmatan Kesihatan Lelaki iaitu KK Kuala Lumpur, KK Presint 9, KK Jinjang, KK Tanglin & KK Sungai Besi.

3.11.7 Perkhidmatan Makmal Patologi


Perkhidmatan Makmal Patologi Klinik Kesihatan di bawah seliaan JKWPKL & P telah mengalami banyak perubahan dari segi skop perkhidmatan, sumber manusia dan peralatan yang mana telah menyumbangkan kepada Perkhidmatan Patologi yang lebih baik. Pada tahun 2021, sebanyak 5 buah makmal patologi iaitu KK Tanglin, KK Kuala Lumpur, KK Cheras, KK Jinjang dan KK Putrajaya Presint 18 telah mendaftar untuk persijilan Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) MS ISO 15189:2014. Semakan dokumen telah diadakan pada 30 September 2021 dan audit makmal akan dijalankan pada tahun 2022.

3.11.8 Panel Penasihat Klinik Kesihatan (PPKK) 2021

Satu Mesyuarat Panel Penasihat Klinik Kesihatan peringkat JKWPKL & P bilangan satu (1) bagi tahun 2021 telah diadakan secara hibrid iaitu kehadiran secara fizikal dan maya melalui pautan *Google Meet* pada 7 Disember 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama JKWPKL & P. Kesemua 17 Klinik Kesihatan mempunyai panel penasihat klinik kesihatan yang terdiri dari ahli lantikan politik, ahli lantikan klinik dan juga Ahli Komuniti lantikan Klinik Kesihatan. Satu undian atas talian telah sebulat suara memilih Haji Zainal Abidin bin Yahya sebagai Pengerusi PPKK dan Puan Zauyah binti Zainuddin sebagai Setiausaha Bersama PPKK.

3.11.9 Credentialing & Privileging (C&P) Bagi Anggota Kesihatan Di Fasiliti Kesihatan Primer

Program *Credentialing & Privileging* bertujuan memperakui kompetensi anggota kesihatan dalam pelaksanaan prosedur di fasiliti masing-masing. Namun berikutan pandemik COVID-19 yang melanda, terdapat kekangan bagi anggota untuk mengikuti latihan sangkut ini.




Rajah 3.46: Jumlah Pegawai Perubatan yang lulus C&P Ultrasound Obstetrik Asas di Kesihatan Primer, JKWPKL & P

3.12 CAWANGAN KESIHATAN KELUARGA


Cawangan Kesihatan Keluarga bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelaras dan memantau program mengikut "peringkat umur pusingan hidup" serta menjalankan aktiviti surveilan. Program kesihatan keluarga meliputi kesihatan ibu, perinatal, kanak-kanak, remaja, pelajar sekolah dan wanita dewasa. Program ini menyediakan perkhidmatan penjagaan yang komprehensif dan berintegrasi serta *personalised care* dengan penekanan kepada pencegahan dan kawalan, pengesanan penyakit, promosi, pendidikan kesihatan, khidmat nasihat, rawatan awal, dan rehabilitasi. Perkhidmatan ini disalurkan melalui klinik kesihatan, lawatan ke rumah, komuniti, pasukan kesihatan sekolah, institusi dan tempat kerja.

3.12.1 Kematian Ibu

Bilangan kes kematian ibu (semua penyebab) meningkat pada tahun 2021 berbanding tahun-tahun sebelumnya seperti dalam Rajah 3.47 dan Rajah 3.48. Pada tahun 2021, sejumlah 20 kes kematian ibu (semua penyebab) bagi WP Kuala Lumpur dan 1 kes bagi WP Putrajaya telah dilaporkan. Daripada jumlah 20 kes kematian ibu di WP Kuala Lumpur, didapati 10 kes dengan jangkitan COVID-19 (iaitu 8 warganegara dan 2 bukan warganegara). Analisa daripada jumlah 18 kes kematian ibu tahun 2021 bagi WP Kuala Lumpur dan Putrajaya yang telah dibincangkan didapati 12 Warganegara (11 Melayu dan 1 Cina), 6 Bukan Warganegara (3 PADI dan 3 PATI); 9 Direct, 8 Indirect dan 1 Fortuitous; dan 15 *Preventable death* dan 3 *Not preventable death*.




Rajah 3.47: Maternal Mortality Ratio WPKL 2017- 2021




Rajah 3.48: Maternal Mortality Ratio Putrajaya 2017- 2021

3.12.2 Program Imunisasi Kebangsaan Bayi Dan Kanak-Kanak


Pencapaian liputan imunisasi bayi dan kanak-kanak Jan-Sept 2021 bagi WP Kuala Lumpur dan Putrajaya, didapati liputan imunisasi jenis vaksin: a) Hexaxim (DTaP-IPV-HepB-Hib) dos primer Dos 3 tidak capai sasaran dan dos pengalok capai sasaran; b) MMR Dos 1 dan 2 capai sasaran; c) PCV dos primer Dos 2 capai sasaran dan dos pengalok belum capai tempoh pelaksanaan disebabkan imunisasi ini baru bermula pada Januari 2021. (Rajah 3.49 hingga Rajah 3.54)




Rajah 3.49: Liputan Imunisasi Hexaxim dos primer Dos 3 WPKL&P 2018 – Sept 2021




Rajah 3.50: Liputan Imunisasi Hexaxim Dos Pengalok WPKL&P 2018 – Sept 2021




Rajah 3.51: Liputan Imunisasi MMR Dos 1 WPKL&P 2018 – Sept 2021



Rajah 3.52: Liputan Imunisasi MMR Dos 2 WPKL&P 2018 – Sept 2021




Rajah 3.53: Liputan Imunisasi PCV dos primer Dos 2 WPKL&P Jan – Sept 2021




Rajah 3.54: Liputan Imunisasi PCV Dos Penggalak WPKL&P Jan – Sept 2021

3.12.3 Kematian *Stillbirths* Dan Kanak-Kanak Berumur Bawah 5 Tahun

Bagi kematian stillbirths pada tahun 2017 hingga September 2021, WP Kuala Lumpur menunjukkan tren penurunan bilangan kes dengan peningkatan kadar kematian, manakala bagi WP Putrajaya menunjukkan peningkatan bilangan kes dan kadar kematian (Rajah 3.55). Bagi kanak-kanak berumur bawah 5 tahun pada tahun 2017 hingga September 2021, WP Kuala Lumpur menunjukkan penurunan bilangan kes dan kadar kematian, manakala bagi WP Putrajaya menunjukkan peningkatan bilangan kes dan kadar kematian (Rajah 3.56).



Rajah 3.55: Kadar Kematian *Stillbirths* WPKL&P 2017 – Sept 2021



Rajah 3.56: Kadar Kematian Kanak-Kanak Berumur Bawah 5 Tahun WPKL&P 2017 – Sept 2021


3.13 CAWANGAN PEMAKANAN

3.13.1 Petunjuk Prestasi Utama

Jadual 3.28: Petunjuk Prestasi Utama Cawangan Pemakanan

Bil.	Penunjuk Prestasi Utama	Sasaran 2021	Pencapaian 2021
1	Peratus kanak-kanak kurang berat badan dalam PPKZM yang meningkat berat badan berdasarkan standard pertumbuhan WHO 2016	$\geq 66.0\%$	78.9%
2	Peratus anemia di kalangan ibu hamil pada ± 36 minggu kehamilan	WPKL: $<5.0\%$ WPPj : $<5.0\%$	WPKL: 3.22% WPPj : 5.28%
3	Peratus bayi yang berumur enam bulan yang menyusu susu ibu secara eksklusif	70.0%	81.1%
4	Peratus hospital yang mengekalkan status hospital rakan bayi	$\geq 90.0\%$	NA
5	Peratus kanak-kanak bawah lima tahun yang kurang berat badan	$\leq 2.2\%$	0.8%

3.13.2 Perkhidmatan Runding Cara Pemakanan



Rajah 3.57: Perkhidmatan Runding Cara Pemakanan

3.13.3 Program Trim N Fit Di Jkwpl&P

Program ini telah dijalankan bermula pada bulan Mac hingga September 2021 melibatkan seramai 29 orang anggota kesihatan yang bertugas di JKWP&P.



Gambar 2: Sekitar aktiviti sempena Sambutan Bulan Pemakanan 2021

3.13.4 Sambutan Bulan Pemakanan

Sambutan Bulan Pemakanan diadakan pada 25-26 Mac 2021 bertempat di Lobi Jabatan Kesihatan WPKL&P. Majlis telah dirasmikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri, YBhg. Datuk Dr Param Jeeth Singh A/L Pakar Singh. Antara aktiviti yang diadakan adalah pelancaran Piramid Makanan Malaysia 2021, *booth-booth* pameran pemakanan dan pengukuran antropometri dan peratus lemak badan.



3.13.5 Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu

Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia Peringkat Jabatan Kesihatan WPKL&P telah dijalankan bermula pada 23 Ogos hingga 30 Ogos 2021. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Sesi FB Live bersama pakar-pakar bagi membincangkan topik berkaitan penyusuan susu ibu, pameran di klinik-klinik kesihatan, kuiz penyusuan dan KL&P *Breastfeeding Virtual Run* melalui platform BookDoc.




Gambar 3: Promosi Sesi FB Live sempena Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu 2021

3.14 CAWANGAN PENDIDIKAN KESIHATAN

3.14.1 Kospen@Activ

KOSPEN@Activ yang menggunakan aplikasi *BookDoc* dalam kalangan anggota kesihatan merupakan kerjasama pintar antara KKM dengan syarikat BookDoc. Objektif kerjasama ini adalah untuk meningkatkan

tahap aktiviti fizikal warga KKM khususnya dan menambah nilai pada program dan promosi aktiviti fizikal sedia ada. Peratusan pengaktifan aplikasi BookDoc KOSPEN@Activ bagi tahun 2021 adalah sebanyak 20.4%.



Rajah 3.58: Peratusan Kategori BookDoc KOSPEN@Activ Tahun 2021

3.14.2 Program I Fit And Eat Right (IFITER)

Melaksanakan intervensi pengurusan berat badan di *Wellness Hub* menggunakan modul *Ifiter*.

- 75/88 (85%) peserta kekal hingga ke akhir intervensi
- 34/34 (100%) peserta kekal hingga ke akhir intervensi dapat meningkatkan tahap kecergasan.
- 53/75 peserta (70.66%) peserta berjaya menurunkan berat badan di akhir intervensi
- 5/75 peserta (6.67%) peserta berjaya menurunkan berat badan daripada badan 10% daripada berat badan asal.

3.14.3 Perluaskan Amalan Cara Hidup Sihat Melalui Setting Hospital.

Selaras dengan penguatkuasaan larangan merokok ditempat awam bermula 1 Januari 2019 (di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018), diharap usaha ini akan meningkatkan orang ramai untuk berhenti merokok dan mendapatkan perkhidmatan berhenti merokok di fasiliti kesihatan seperti di klinik kesihatan dan hospital kerajaan.

Hospital Putrajaya

Kohort Jan-Jun 2021

Jumlah daftar kes baru = 16 orang (9 orang pesakit dalam, 7 orang pesakit luar/orang awam)

Jumlah kes susulan = 4 orang (2 pesakit dalam, 2 pesakit luar/ orang awam)

Jumlah klien yang menetapkan Quit Date = 9 orang

Jumlah klien yang berhenti merokok >6 bulan dari Quit date = 7 orang

Kadar % berjaya berhenti merokok = $7/9 = 77.78\%$

Kohort Jul-Dec 2021

Jumlah daftar kes baru- 12 orang (7 pesakit dalam, 5 pesakit luar/orang awam)

Jumlah kes susulan - 8 orang (6 pesakit dalam, 2 pesakit luar/ orang awam)

Jumlah klien yang menetapkan Quit Date - 5 orang

Jumlah klien yang berhenti merokok >6 bulan dari quit date= 3 orang

Kadar % berjaya berhenti merokok= $3/5 = 60\%$

Hospital Rehabilitasi Cheras

Kohort Jan-Jun 2021

Jumlah daftar kes baru= 15 orang (8 pesakit dalam, 5 pesakit luar, 0 orang awam)

Jumlah kes susulan= 23 orang (10 pesakit dalam, 8 pesakit luar, 5 orang awam)

Jumlah klien yang menetapkan Quit date= 5 orang

Jumlah klien yang berhenti merokok >6 bulan dari quit date= 4 orang

Kadar % berjaya berhenti merokok= $4/5 = 80.0\%$

Kohort Jul-Dis 2021

Jumlah daftar kes baru= 13 orang (8 pesakit dalam, 4 pesakit luar, 1 orang awam)

Jumlah kes susulan= 10 orang (9 pesakit dalam, 9 pesakit luar, 3 orang awam)

Jumlah klien yang menetapkan Quit date= 9 orang

Jumlah klien yang berhenti merokok >6 bulan dari quit date= 9 orang

Kadar % berjaya berhenti merokok= $9/9 = 100.0\%$


3.14.4 Challenge Dan Fb Live Hepili Peringkat Negeri 2021

Jadual 3.29: Challenge Dan FB LIVE HePiLi Peringkat Negeri 2021

LAPORAN PELAKSANAAN FB LIVE HePiLi PERINGKAT NEGERI					
Negeri	Tajuk FB Live	Tarikh FB Live	Bil. View	Bil. Reach	Bil. Engagements/ Comment
JKWPKL&P	Fb Live Hari TB bersama Kelab Doktor Muda	21 April 2021	622		1.4k
LAPORAN PELAKSANAAN CHALLENGE/PERTANDINGAN HePiLi PERINGKAT NEGERI					
Negeri	Tajuk Challenge	Tarikh pelaksanaan	Kumpulan sasaran	Jumlah penyertaan	
JKWPKL&P	Pertandingan Melukis Poster Sempena Hari Tibi 2021 Anjuran Bersama Unit TIBI WPKL&P	1 Mac – 30 Mac 2021	Ahli KDM	83	
	Pertandingan Video Pendek Pergigian (Anjuran Bersama Dengan Bhg Kesihatan Pergigian WPKL&P)	22 Sept – 30 Okt 2021	Ahli KDM	78	

3.14.5 Latihan Pemerkasaan Komuniti Dalam Norma Baharu

Lima (5) siri Latihan Pemerkasaan Komuniti dalam Norma Baharu bagi membentuk MyChampion dalam komuniti telah dianjurkan oleh Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan kerjasama semua bahagian. Kumpulan sasaran adalah sukarelawan komuniti yang wujud di bawah Jabatan Kesihatan Negeri, terdiri daripada ahli COMBI, KOSPEN, Duta Ubat, Ikon Gigi, Guru HePiLi serta Panel Penasihat Klinik Kesihatan. Fasilitator terdiri daripada para Fasilitator yang telah dilatih di peringkat kebangsaan pada bulan April 2021 yang lepas. Berikut merupakan pecahan penyertaan MyChampion:



Rajah 3.59: Pecahan Penyertaan MyChampion

3.15 CAWANGAN KEJURUTERAAN

3.15.1 Unit Kawalan Mutu Air Minum (KMAM)

Pada tahun 2021, 3 buah loji rawatan air dengan 218 stesen pensampelan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya telah dipantau dengan pengambilan sejumlah 3,386 sampel air atau 75.00%

daripada jumlah sasaran tahunan. Sampel-sampel air ini meliputi sampel untuk semua kategori sebagaimana Jadual 3.30. Aktiviti persampelan gagal mencapai sasaran 95.00% pengambilan sampel disebabkan oleh faktor Pandemik COVID-19, hujan lebat, kebocoran paip air dan tiada air semasa pengambilan sampel dijalankan.

Jadual 3.30: Prestasi Persampelan Kualiti Air Minum Mengikut Kumpulan Ujian, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, 2021

Kumpulan	Cadangan	Pencapaian	% Pencapaian
Kumpulan I (Fizikal & Bakteria)	3,346	2,537	75.82%
Kumpulan II (Kimia)	692	523	75.58%
Kumpulan III (Logam Berat)	310	186	60.00%
Kumpulan IV (Pesticides)	167	140	83.83%

Analisis oleh Jabatan Kimia Malaysia menunjukkan terdapat pelanggaran Aluminium 0.96% manakala pelanggaran baki klorin 0.04%. Bagi kekeruhan, E.Coli

dan parameter kombinasi baki klorin dan E.Coli tiada pelanggaran. Pelanggaran parameter sepanjang tahun 2021 ditunjukkan dalam **Jadual 3.31**.

Jadual 3.31: Pelanggaran Parameter Bagi Percontohan Air Bekalan Air Awam, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, 2021

Kumpulan	Jumlah Sampel	Sampel Melanggar	Parameter
Kumpulan I	2,537	23	Total Coliform
		0	E.Coli
		1	Baki klorin
		1	pH
		0	Kekeruhan
Kumpulan II	523	2	Fluoride
		8	Aluminium
		6	Ferum
		2	Manganese
Kumpulan III	186	Tiada	Tiada
Kumpulan IV	140	Tiada	Tiada

Jadual 3.32: Pencapaian Program Jaminan Kualiti (QAP) Kawalan Mutu Air Minum Kebangsaan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, 2021

PKD	E.Coli & Baki Klorin (QAP<0.1%)	E.Coli (QAP<0.35%)	Kekeruhan (QAP< 2.0%)	Baki Klorin (QAP<1.85%)	Aluminium (QAP<10.2%)
PK Kepong	0.00%	0.00%	0.00%	0.24%	1.82%
PK Titiwangsa	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%
PKD Putrajaya	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%
DBKL	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	1.80%

3.15.2 Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK)

Pelaksanaan PSK memasuki tahun ke 2 dan ke 3 kontrak. Senarai klinik yang termasuk dalam pelaksanaan PSK adalah sepertimana berikut;

1. Klinik Kesihatan Tanglin
2. Klinik Kesihatan Cheras
3. Klinik Kesihatan Jinjang
4. Klinik Kesihatan Presint 9
5. Klinik Kesihatan Presint 18

6. Klinik Pergigian Sentul
7. Klinik Kesihatan Kuala Lumpur
8. Klinik Kesihatan Kampung Pandan
9. Klinik Kesihatan Petaling Bahagia

Bagi klinik kesihatan/klinik pergigian selain di senarai, perkhidmatan penyelenggaraan adalah sama ada di bawah tanggungjawab Pejabat Kesihatan Daerah/Pejabat Pergigian Daerah atau termasuk di dalam kontrak *Off-Site Facility* Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH).

3.16 CAWANGAN KESIHATAN RADIASI PERUBATAN

3.16.1 Pengenalan Dan Latarbelakang

Pengwujudan Pegawai Sains (Fizik) C41 di Kesihatan Awam JKWP&P adalah pada tahun 2004 sebanyak satu jawatan dibawah punca kuasa **Akta 304 bagi maksud perubatan**. Kini mempunyai empat (4) jawatan Pegawai Sains (Fizik) dan satu (1) jawatan Juru Xray (U36). Cawangan ini melaksanakan empat aktiviti utama bagi menguatkuasakan akta tersebut iaitu:

1. Pemantauan Aktiviti Program Penjaminan Mutu (QAP) Bagi Perkhidmatan Radiologi Kesihatan.
2. Permonitoran/Penguatkuasaan
3. Siasatan dan Pendakwaan
4. Nasihat, sokongan dan teknikal dan Latihan

3.16.2 Pelan dan Sasaran Masa Depan

Melaksanakan 100% pematuhan kepada keperluan Akta 304 bagi maksud perubatan dengan penggunaan Teknologi Terkini Kecerdasan Buatan (AI: Artificial Intelligence). Ini bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja dan kualiti Pegawai Sains (Fizik) di peringkat Antarabangsa.

3.16.3 Pemantauan Aktiviti Program Penjaminan Mutu (QAP) Bagi Perkhidmatan Radiologi Kesihatan

A. Bilangan pemeriksaan X-ray yang dijalankan

Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan terhadap bilangan pemeriksaan X-ray yang dijalankan di Pejabat Kesihatan Daerah (**Jadual 3.33**).

Jadual 3.33: Bilangan Pemeriksaan X-Ray Di Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, 2017 – 2021

Daerah	Bilangan Pemeriksaan X-ray				
	2017	2018**	2019	2020	2021
Lembah Pantai	0*	0*	0*	0*	3230
Kepong	6,977	6447	7927	4015	4665
Cheras	6,840	7589	6961	6696	5223
Putrajaya	16,882	11094	14956	13491	5924
Titiwangsa	16,269	28010	25273	17894	6628
Jumlah	46,968	53140	55117	42096	25670

*Mesin X-ray telah rosak dan semua pesakit dirujuk ke dan KKKL (2017)

** KKKL mula beroperasi pada April 2017

B. Analisa Kadar Penolakan Filem X-ray di Klinik Kesihatan

Analisa kadar penolakan filem adalah salah satu aktiviti di bawah QAP yang telah dikeluarkan oleh Cawangan Kesihatan Primer, JKWP&P dan *standard* yang perlu dicapai tidak melebihi 2.5%. Pada tahun 2021, kriteria penilaian bagi semua KK adalah seperti di **Jadual 3.34**.

Terdapat beberapa kriteria penilaian dan penambahbaikan yang mesti diikuti berdasarkan Audit Imej Kualiti bagi mematuhi perkhidmatan Radiologi di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (AKTA 304) bagi maksud Perubatan. Kriteria penilaian tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 3.34: Kriteria Penilaian Kadar Penolakan Filem X-Ray Di Klinik Kesihatan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, 2017 – 2021

Bil	Kriteria Penilaian	Ulasan
1.	Identifikasi Pesakit	Id Tidak Jelas
2.	Penanda Anatomi	Lokasi Penanda Tidak sesuai
3.	Teknik Pemposian	Tiada Kolimasi
4.	Faktor dedahan	Lebih dedahan (DAP)
5.	Bilik Gelap dan Prosedur Pemprosesan	Lain-lain artifek

*kesemua kriteria hendaklah dielakkan supaya tiada kesilapan yang dilakukan khasnya untuk *kes medico-legal*

3.16.4 Premis Berlesen/Berdaftar

Statistik premis yang berlesen/berdaftar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya berdasarkan Rekod Sistem RADIA KKM bagi tahun 2017 – 2021 ditunjukkan dalam **Jadual 3.35**.

Jadual 3.35: Bilangan Premis Berlesen/ Berdaftar Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, 2017 – 2021


Bil	Jenis Premis	Tahun				
		2017	2018	2019	2020	2021
1	Hospital/ Hospital Universiti/ ATM/Makmal BP Diagnostik/Veterinar	32	49	53	54	53
2	Klinik Kesihatan/ Pengamal Perubatan Am (GP's)/ Radiologi/Klinik Pakar/Klinik bergerak/Kelas H	194	194	187	187	210
3	Klinik Pergigian	346	349	464	464	482
4	Jabatan/ Pusat Radioterapi	7	9	9	9	9
5	Jabatan/ Pusat Perubatan Nuklear	9	12	12	12	12
6	Klinik Haiwan	17	17	17	17	17
Jumlah		605	783	630	742	743

Terdapat peningkatan bilangan jenis radas penyinaran dan jenis bahan Radioaktif yang berlesen (premis swasta) dan berdaftar (premis kerajaan) antara tahun 2020 dan 2021 seperti di dalam **Jadual 3.36**.

Jadual 3.36: Bilangan Jenis Radas Penyinaran dan Bahan Radioaktif Yang Berlesen dan Berdaftar Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, 2020 dan 2021

JENIS RADAS PENYINARAN	2020	2021
X-ray Am/ Mudah Alih/ Veterinar	332	433
Pergigian (Intra Oral/OPG/Digital OPG)	804	842
Fluoroscopy/ C-Arm	160	144
Angio/ Cath Lab	46	49
CT Scanner/ CT Simulator/ CBCT/ PET CT/ SPECT	109	140
Mammography	40	44
Lithotripter/ Bone Densitometer	36	36
Linear Accelerator/ OBI/ Tomoterapi	18	18
Simulator	4	4
Cyclotron	2	2
Bahan Radioaktif (Co-60/I-131/Tc-99/F-18)	416	430
Jumlah	1971	2142

Bilangan Jenis Radas Penyinaran dan Bahan Radioaktif Yang Berlesen dan Berdaftar Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, 2020 dan 2021



Rajah 3.60: Bilangan Jenis Radas Penyinaran dan Bahan Radioaktif Yang Berlesen dan Berdaftar Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, 2020 dan 2021

3.16.5 KPI Pengarah Kesihatan Negeri Jan – Dis 2021 di Bawah Khidmat Sokongan Dan Teknikal

INDIKATOR	NATIONAL STANDARD REFERENCE	APPLIED STANDARD FOR STATE	NUMERATOR /NUMBER	DENOMINATOR	CURRENT PERFORMANCE	ULASAN
Peratus pematuhan keperluan regulatori hasil lawatan pemeriksaan ke atas premis swasta berlesen di bawah Akta 304	85%	85%	203	217	93.55%	tercapai



4.0


BAHAGIAN

KESELAMATAN

DAN KESIHATAN

MAKANAN

JKWPKL & P



BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG BAHAGIAN

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), di bawah Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah Bahagian yang bertanggungjawab ke atas keselamatan makanan di negara ini. Setiap aktiviti yang dilaksanakan adalah berdasarkan peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya serta Akta Juruanalisis Makanan 2011 dan Peraturan-Peraturan Juruanalisis Makanan 2013.

Matlamat Perkhidmatan dan Objektif

- i. Bahagian ini bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan makanan di sepanjang rantai bekalan makanan dalam melindungi orang awam terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan; dan
- ii. Objektif penubuhan Bahagian ini juga adalah untuk memastikan agar penyediaan, penjualan dan penyimpanan semua bahan makanan adalah selamat dan bersih.

Pelan dan Sasaran Masa Depan

Penubuhan Bahagian ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk memperkukuhkan keselamatan makanan di sepanjang rantai bekalan makanan di negara ini.

Visi

Sebagai peneraju kawalan keselamatan dan kualiti makanan negara.

Misi

Memperkasakan kawalan keselamatan dan kualiti makanan di sepanjang rantai bekalan makanan melalui akauntabiliti bersama pemegang taruh bagi memastikan rakyat mendapat makanan yang selamat dan berkualiti.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Sebanyak dua (2) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di bawah PKKM telah diletakkan sebagai KPI Pengarah Kesihatan Negeri dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya seperti berikut:

- 2.1 Peratus premis makanan yang diperiksa diambil tindakan penguakuasaan; dan
- 2.2 Peratus mesin jual air (MJA) yang berlesen.

AKTIVITI DI BAWAH SEKSYEN-SEKSYEN BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN (BKMM)

Terdapat empat (4) Seksyen dan satu (1) Unit di bawah BKMM iaitu:

- i. Seksyen Pematuhan Domestik;
- ii. Seksyen Pelesenan, Surveilan dan BeSS;
- iii. Seksyen Kawalan Eksport dan Industri Domestik;
- iv. Seksyen Perancangan Strategik, Pensijilan dan Institusi; dan
- v. Unit Pengurusan.

SENARAI PENCAPAIAN KPI PENGARAH KESIHATAN NEGERI DAN TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN (KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN) 2021
JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA

3.1 SENARAI KPI DAN PENCAPAIAN

BIL	INDIKATOR	NATIONAL STANDARD REFERENCE	APPLIED STANDARD FOR STATE	NUMERATOR / NUMBER	DENOMINATOR	CURRENT PERFORMANCE	ULASAN
i.	Peratus premis makanan yang diperiksa diambil tindakan penguakuasaan	≥70%	≥70%	103	124	83%	TERCAPAI
ii.	Peratus mesin jual air (MJA) yang berlesen	≥30%	≥30%	266	685	38.8%	TERCAPAI

*Pencapaian KPI diambil kira sehingga 31 Disember 2021

4.1 SEKSYEN PEMATUHAN DOMESTIK


4.1.1 Pemeriksaan Premis Makanan

Pada tahun 2021 sebanyak 1,690 jumlah premis makanan telah diperiksa. Premis makanan yang diperiksa melibatkan pemeriksaan di restoran, kedai makan, gerai, kantin sekolah, dapur asrama sekolah, kantin dan dapur hospital, kafeteria di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) dan di bangunan premis kerajaan, medan selera di hentian rehat dan rawat (R&R), penjaja, kilang dan lain-lain premis.

Jadual 4.1 : Pencapaian Aktiviti Pemeriksaan Premis Makanan 2019 Hingga 2021

PERKARA	TAHUN		
	2019	2020	2021
Jumlah pemeriksaan premis makanan	3562	2052	1690
Jumlah penutupan premis makanan	229	224	86


TREND PEMERIKSAAN & PENUTUPAN
PREMIS
TAHUN 2019 HINGGA 2021



Rajah 4.1 : Pencapaian Aktiviti Pemeriksaan Premis Makanan Tahun 2019 Hingga 2021


4.1.2 Pensampelan Makanan

Bagi aktiviti pensampelan makanan, sebanyak 1,629 sampel makanan telah diambil pada tahun 2021. Sampel makanan mengikut parameter serta kadar pelanggaran adalah ditunjukkan dalam Rajah 4.2. Jumlah sampel makanan yang melanggar mengikut parameter bagi tahun 2021 dalam Rajah 4.3.



Rajah 4.2 : Trend Pensampelan Tahun 2019 Hingga 2021

PARAMETER PELANGGARAN



Rajah 4.3 : Jenis-Jenis Parameter Bagi Sampel Makanan yang Melanggar Tahun 2021

Jadual 4.2 : Jenis-Jenis Sub Analisis Bagi Parameter Kimia yang Melanggar Pada Tahun 2021

Sub Analisis (Kimia)	Bilangan Sampel Melanggar
Residu Racun Perosak	31
Logam Berat	12
Standard	10
Aditif Makanan	4
Alergen	2
Racun Berjadual	2
JUMLAH	61*

* Mewakili bilangan sampel kimia yang melanggar pada tahun 2021


4.1.3 Aduan Makanan

Sebanyak 159 aduan diterima pada tahun 2021. Jenis aduan yang paling banyak diterima ialah berkenaan premis iaitu sebanyak 153 aduan. Manakala selebihnya iaitu enam (6) aduan telah diterima berkenaan aduan produk.


Jadual 4.3 : Trend Aduan Tahun 2019 Hingga 2021

JENIS ADUAN	TAHUN		
	2019	2020	2021
Aduan Premis	178	114	153
Aduan Produk	120	154	6

TREND ADUAN TAHUN 2019 HINGGA 2021



	2019	2020	2021
Premis	178	114	153
Produk	120	154	6



Rajah 4.4 : Trend aduan tahun 2019 hingga 2021

Rajah 4.5 : Jenis-Jenis Aduan yang Telah Selesai Mengikut Kategori

4.2 SEKSYEN PELESENAN, SURVEILAN DAN BeSS

4.2.1 Aktiviti Surveiln Makanan

Pada tahun 2021, terdapat beberapa aktiviti surveiln makanan dijalankan berdasarkan isu-isu semasa. Hal ini adalah penting bagi memastikan makanan yang dijual di pasaran domestik adalah selamat untuk dimakan. Secara keseluruhan, sebanyak lima (5) aktiviti surveiln seperti di Jadual 4.4 dan satu (1) kajian status keselamatan makanan di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah dijalankan seperti di Jadual 4.5.

Jadual 4.4 : Aktiviti-Aktiviti Surveiln Makanan Pada Tahun 2021


JENIS SURVEILAN	PARAMETER ANALISIS	BILANGAN SAMPEL
1. Surveiln Terancang ST 01/2021: Pengawasan Tahap Pencemaran <i>Salmonella</i> dan <i>Escherichia coli</i> (<i>E. coli</i>) serta <i>Antimicrobial Resistance</i> (AMR) di dalam Ikan dan Daging Segar di Pasaran Tempatan	<i>E. coli</i> <i>Salmonella spp.</i>	76
2. Surveiln Terancang ST 02/2021: Pengawasan Tahap Logam Berat dalam Makanan Berkaling	Plumbum dan Kadmium	21
3. Surveiln Terancang ST 03/2021: Pengawasan Penggunaan Asid Borik dalam Makanan Berasaskan Ikan (<i>fish ball and fish cake</i>) dan <i>Bak Chang</i>	Asid Borik	20
4. Surveiln Aktif SA 01/2021: Pengawasan Tahap Logam Berat dalam Organ Dalaman (Ayam, Lembu dan khinzir)	Plumbum dan Kadmium	27
5. Surveiln Aktif SA 02/2021: Pengawasan Tahap Pencemaran Logam Berat dan Bakteria <i>Salmonella</i> Pada Telur Ayam dan Itik di Pasaran Tempatan	<i>Salmonella spp.</i> Plumbum dan Kadmium	30

Jadual 4.5 : Kajian Status Keselamatan Makanan Di Peringkat Negeri Untuk Tahun 2021

TAJUK KAJIAN	PARAMETER ANALISIS	BILANGAN SAMPEL
Kajian Tahap Kualiti Air Bagi Sumber Air Mesin Jual Air Tidak Berlesen dan Sumber Air Terawat bagi Parameter Indikator Logam Berat (Aluminium, Arsenik, Plumbum, Ferum) di Sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya	Aluminium Ferum Plumbum Arsenik	100

4.2.2 Pengiktirafan BeSS 2021

Pada tahun 2021, sebanyak 18 buah premis telah mendapat pengiktirafan Bersih, Selamat dan Sihat (BeSS) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Prestasi pencapaian pengiktirafan BeSS adalah seperti dalam Rajah 4.6 di bawah:




Rajah 4.6 : Bilangan Premis Lulus Bess Bagi Tahun 2013 Hingga 2021

Pada tahun 2021, BKKM, JKWPKL&P telah mengadakan Webinar Usahawan BeSS : Kembali Bangkit kepada pengusaha premis makanan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya secara dalam talian selama dua (2) hari. Objektif taklimat ini diadakan untuk membantu usahawan makanan di bawah bimbingan

BKKM, JKWPKL&P bagi memberi semangat dan motivasi kepada pengusaha makanan ketika berhadapan dengan situasi pandemik. Seramai lebih 50 peserta telah mengikuti webinar tersebut dan lima (5) penceramah jemputan telah diundang.

Rajah 4.7 : Poster Hebahan Webinar Usahawan BeSS : Kembali Bangkit Hari Pertama



Rajah 4.8 : Sekitar Webinar Usahawan BeSS : Kembali Bangkit Hari Kedua



4.2.3 Pelesenan Air Minuman Berbungkus (AMB), Ais dan Mesin Jual Air (MJA)


Sebanyak dua (2) syarikat telah mendapat kelulusan bagi pelesenan penyediaan ais iaitu Atlas Edible Ice Sdn Bhd, Cheras dan LT Tube Trading Sdn Bhd, Putrajaya.

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 443 permohonan baru dan 24 permohonan pembaharuan lesen MJA diterima. Rekod permohonan lesen MJA tersebut adalah seperti dalam Jadual 4.6 seperti berikut :

Jadual 4.6 : Rekod Permohonan Baru dan Pembaharuan Lesen MJA Tahun 2021

BIL.	PEJABAT KESIHATAN	PERMOHONAN BARU	PERMOHONAN PEMBAHARUAN	JUMLAH PERMOHONAN YANG DITERIMA
1	Cheras	118	15	133
2	Kepong	67	0	67
3	Lembah Pantai	174	3	177
4	Titiwangsa	79	6	85
5	Putrajaya	5	0	5
	JUMLAH	443	24	467

Jumlah permohonan lesen MJA yang diluluskan pula adalah sebanyak 226 buah mesin. Rajah 4.9 menunjukkan pencapaian kelulusan lesen MJA dari tahun 2015 hingga 2021.



Rajah 4.9 : Jumlah MJA yang Diluluskan Bagi Tahun 2015 Hingga 2021

Pada tahun 2021, BKKM, JKWP&P telah mengadakan empat (4) aktiviti berkaitan Pelesenan MJA dan satu (1) taklimat pemantauan pelesenan AMB. Antara aktiviti-aktiviti pelesenan MJA seperti di Jadual 4.7 di bawah :

Jadual 4.7 : Aktiviti-Aktiviti Pelesenan MJA dan AMB Pada Tahun 2021


BIL	TARIKH	BUTIRAN
1	15 April 2021	Taklimat Permohonan Lesen MJA
2	23 April 2021	Mesyuarat Membentuk Kerjasama Dalam Penyelarasan Penguatkuasaan Pelesenan MJA di Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
3	1 Julai 2021	Taklimat Berkaitan Cadangan Penambahbaikan Pelesenan MJA dan Semakan Permohonan dan Pensampelan bagi Pelesenan MJA dalam Mesyuarat Mingguan Pegawai Teknologi Makanan Bil 1/2021
4	29 September 2021	Webinar Taklimat Pemantauan Pelesenan AMB dan MJA




Rajah 4.10 : Poster Hebahan Taklimat Permohonan Lesen MJA



Rajah 4.11 : Sekitar Mesyuarat Membentuk Kerjasama Dalam Penyelarasan Penguatkuasaan Pelesenan MJA di Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya



Rajah 4.12 : Taklimat Berkaitan Cadangan Penambahbaikan Pelesenan MJA dan Semakan Permohonan dan Pensampelan Bagi Pelesenan MJA



Rajah 4.13 : Poster Hebahan dan Gambar Sekitar Webinar Taklimat Pemantauan Pelesenan AMB dan MJA


4.3 SEKSYEN KAWALAN EKSPORT DAN INDUSTRI DOMESTIK

BKKM, JKWP&P turut berperanan dalam memastikan pengeksportan makanan ke luar negara mematuhi keperluan negara pengimport dengan pelaksanaan pemantauan kawalan rasmi pengeksportan makanan, pemantauan melalui aktiviti pensampelan, penyiasatan terhadap notifikasi penolakan makanan dan pengeluaran Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas.

Terdapat dua (2) jenis sijil yang dikeluarkan iaitu Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas. Proses pengeluaran sijil-sijil ini adalah tertakluk kepada prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak KKM. Tujuan sijil ini dikeluarkan adalah untuk membantu pihak industri makanan yang hendak mengeksport produk mereka ke luar negara bagi mengelakkan produk tersebut ditahan di pelabuhan atau di pintu masuk negara pengimport dan juga memenuhi keperluan atau kehendak negara pengimport.

Jadual 4.8 : Jumlah Pengeluaran Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas bagi Tahun 2017 hingga 2021

JENIS SIJIL	TAHUN				
	2017	2018	2019	2020	2021
Sijil Kesihatan	608	809	1088	849	509
Sijil Penjualan Bebas	205	388	327	390	254



Rajah 4.14 : Pengeluaran Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas bagi Tahun 2017 Hingga 2021

4.3.1 Pendaftaran *MyFood Tag*

Pendaftaran ini adalah sebagai satu mekanisma kawalan keselamatan makanan di sepanjang rantai. Selain itu, pendaftaran ini juga adalah sebagai satu bentuk pengiktirafan kepada premis makanan yang memenuhi kriteria keselamatan makanan di sepanjang peringkat rantai makanan berdasarkan aktiviti pengendalian makanan secara spesifik. Premis makanan yang memenuhi kriteria ditetapkan berdasarkan garis panduan ini akan diberikan nombor Pendaftaran *MyFood Tag*.

Jadual 4.9 : Jumlah Yang Lulus Pendaftaran *Myfood Tag* Mengikut Kategori Bagi Tahun 2018 Hingga 2021

KATEGORI	TAHUN			
	2018	2019	2020	2021
Premis Pemprosesan Makanan	4	17	25	38
Kenderaan Pengangkutan	64	5	7	18

4.3.2 Pensijilan *Trust MyCatering*

Pensijilan ini diwujudkan bagi mengiktiraf pengusaha catering makanan yang menyumbang kepada perkembangan industri makanan negara serta mewujudkan persaingan sihat untuk industri catering makanan dalam menghasilkan makanan yang selamat. Permohonan untuk mendapatkan pensijilan ini adalah terbuka kepada semua jenis pengusaha catering makanan skala kecil, sederhana serta *mass catering*.

Jadual 4.10 : Jumlah Pengusaha yang Telah Mendapat Pensijilan *Trust Mycatering* Bagi Tahun 2018 Hingga 2021

KATEGORI KATERING	TAHUN			
	2018	2019	2020	2021
Kecil & Sederhana	2	0	3	6
<i>Mass Catering</i>	2	2	0	1

4.3.3 Pengiktirafan Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-Based*)

Pengiktirafan ini diperkenalkan bagi menggalakkan pengusaha makanan di rumah mengamalkan amalan penyediaan makanan yang selamat, meningkatkan kesedaran pengusaha makanan di rumah akan kepentingan penyediaan yang selamat dan mendedahkan pengusaha makanan di rumah dengan keperluan perundangan semasa. Pada tahun 2020, pengiktirafan ini dimulakan dengan Projek Rintis Pengiktirafan Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-Based*). Sehingga kini sebanyak sembilan (9) Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-Based*) telah menerima penyenaraian ini sehingga Disember 2021.

Jadual 4.11 : Senarai pengusaha yang telah menerima Penyenaraian Makanan Sediaan di Rumah (*Home-Based*)

BIL	NAMA PENGUSAHA / WAKIL PENGUSAHA	DAERAH	SENARAI PRODUK
1	Nalani Nadya Muthiah	Kepong	Kek, Cookies
2	Devi Mariappen	Putrajaya	Masakan India, Melayu, Cina, Dessert
3	Al-Hazizy Bin Azmy	Lembah Pantai	Kek, Cookies
4	Hartini Binti Md Ngajib	Titiwangsa	Fancy Cookies
5	Nurulhidayah Binti Abdul Rahim	Putrajaya	Brownies, Cookies
6	Noor Azlan Bin Mohd Noordin	Cheras	Minuman Botanik, Sambal Ikan Bilis
7	Nadya Shaffinaz Bajuri	Putrajaya	Biskut dan Kek
8	Siti Mariam Binti Zainon	Titiwangsa	Katering
9	Santhakumari A/P M Ramasamy	Lembah Pantai	Acar Mangga, Acar Limau, Acar Sayur Campuran

4.3.4 Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)

Pada tahun 2021, BKKM, JKWPPL&P telah menerima peruntukan LDP sebanyak RM5,320.00. Sebanyak RM5,260.00 (98.8%) telah dibelanjakan untuk kursus-kursus yang dirancang sepanjang tahun 2021. Sebanyak lima (5) kursus di bawah peruntukan LDP telah dijalankan pada tahun 2021 dan keseluruhannya adalah bersifat generik. Penganjuran kursus di bawah BKKM, JKWPPL&P ini telah melibatkan seramai 118 orang anggota berlainan gred dan jawatan.

Jadual 4.12 : Senarai Kursus yang Telah Dianjurkan oleh BKKM, JKWPPL&P Pada Tahun 2021


BIL	NAMA KURSUS	TARIKH PELAKSANAAN	TEMPAT
1	Kursus Hands-On <i>Food Safety Information System of Malaysia</i> (FoSIM) Pematuhan Domestik, Pelesenan & Kawalan Eksport	8 hingga 9 Mac 2021	Menerusi aplikasi <i>Zoom</i>
2	Kursus Hands-On <i>Food Safety Information System of Malaysia</i> (FoSIM) Pensijilan, Modal Insan, BeSS, SLPM & Surveilan	10 hingga 11 Mac 2021	Menerusi aplikasi <i>Zoom</i>
3	Pembudayaan Inovasi (Sesi Perkongsian Pembangunan Projek Inovasi)	23 Jun 2021	Menerusi aplikasi <i>Zoom</i>
4	<i>Food Safety Tehnical Updates Siri 1/2021</i> : Sesi Case Study Episod Keracunan Makanan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya	23 September 2021	Menerusi aplikasi <i>Zoom</i>
5	Kursus Prosedur Pensampelan Residu Racun Perosak Secara Dalam Talian " <i>Online</i> "	1 Oktober 2021	Menerusi aplikasi <i>Zoom</i>



Rajah 4.15 : Kursus *Hands-On Food Safety Information System of Malaysia (FoSIM)*



Rajah 4.16: Sesi *Case Study* Episod Keracunan Makanan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya



Rajah 4.17 : Sesi Perkongsian Pembangunan Projek Inovasi

4.4 SEKSYEN PERANCANGAN STRATEGIK, PENSIJILAN DAN INSTITUSI

4.4.1 Program Sekolah dan Pra-Sekolah

BKKM JKWPCL&P turut bertanggungjawab menjalankan siasatan yang menyeluruh sekiranya berlaku wabak keracunan makanan sama ada di pra-sekolah, sekolah atau institusi pengajian. Untuk tahun 2021, peratus

pencapaian bagi sekolah di bawah KPM, MARA dan Sekolah Agama negeri yang berlaku episod keracunan makanan mencatatkan 1.02%. Peratusan ini adalah tercapai dari sasaran yang ditetapkan iaitu <1.5%.

Justeru, untuk meningkatkan lagi kesedaran di kalangan orang awam, program pendidikan kesihatan sentiasa dijalankan sebagai langkah pencegahan dari berlakunya kejadian keracunan makanan.




Rajah 4.18 : Pameran Keselamatan Makanan bertempat di
Tadika Islam Darul Huda di Seksyen 10, Wangsa Maju, Kuala Lumpur



Rajah 4.19 : Pameran Keselamatan Makanan di Tadika Islam Sirajul Huda, Taman Melati, Kuala Lumpur

4.4.2 Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM)

Semua premis yang terlibat dalam pengilangan makanan wajib mempunyai PJKM sebagaimana dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan mengeluarkan tiga (3) jenis pensijilan PJKM iaitu Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI), Amalan Pengilangan yang Baik (GMP) dan *Hazard Analysis Critical Control Point* (HACCP).



Rajah 4.20 : Jenis Pensijilan dan Bilangan Syarikat yang Terlibat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Jadual 4.13 : Data Bilangan Premis yang Telah Diberi Pensijilan dan Pengiktirafan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Tahun 2021


PERKARA	BIL PENSIJILAN / PENGIKTIRAFAN
Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI)	30
Good Manufacturing Practices (GMP)	1
Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)	3

4.4.3 Program Latihan Pengendali Makanan (LPM)

Program latihan pengendali makanan bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada semua pengendali makanan dalam aspek kebersihan dan keselamatan makanan, kebersihan diri dan premis makanan yang bersih dan seterusnya mengurangkan kejadian keracunan makanan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sehingga 2019, terdapat 27 Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) telah diiktiraf dan sebanyak 21,936 pengendali makanan telah dilatih di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Jadual 4.14 : Bilangan Pengendali Makanan yang Dilatih Sekolah Latihan Pengendali Makanan 2019 Hingga 2021

PERKARA	TAHUN		
	2019	2020	2021
Jumlah pengendali makanan yang telah dilatih	21936	10231	8302



Rajah 4.21 : Trend Bilangan Pengendali Makanan yang Dilatih oleh Sekolah Latihan Pengendali Makanan Dari Tahun 2017 hingga 2021

4.4.4 Program Promosi dan Pendidikan Keselamatan Makanan

Antara perancangan utama bagi program ini adalah dengan melaksanakan Program Promosi Keselamatan Makanan Secara “*Out Reach*” kepada kumpulan sasaran industri/pengusaha makanan/pengguna di mana ianya akan meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan makanan. Selain itu, objektif utama diadakan program seperti ini adalah untuk meningkatkan kemahiran kumpulan sasaran mengenai kepentingan keselamatan makanan dalam kehidupan seharian.

a) Majlis Penyampaian Anugerah Pasar Bersih dan Selamat 2021 (APBS2021)

Buat julung kalinya Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan menganjurkan Anugerah Pasar Bersih dan Selamat 2020/2021. Anugerah ini diberikan kepada pasar-pasar awam dan swasta yang komited dalam menyediakan tempat bagi jualan bahan mentah dan makanan yang mengutamakan kebersihan dan keselamatan makanan.

Ia menjadi inspirasi bagi pasar-pasar di Malaysia untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan makanan di pasar selaras dengan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya seperti Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Pasar yang bersih dan selamat dapat memberi jaminan bekalan bahan mentah dan makanan yang berkualiti dan selamat untuk pengguna.



Rajah 4.22 : Poster Hebahan Majlis Penyampaian Anugerah Pasar Bersih dan Selamat 2021 (APBS2021)

Anugerah ini juga adalah bersempena tema Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia 2020 iaitu 'Keselamatan Makanan di Pasar'. Bertempat di Pasar Besar Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur, majlis penyampaian Anugerah Pasar Bersih dan Selamat 2020/2021 telah dijalankan secara sederhana pada 23 Disember 2021 (Khamis) bagi meraikan pemenang tempat pertama (Pasar Besar Taman Tun Dr. Ismail) dan pemenang tempat kedua (Pasar dan Pusat Penjaja Jalan Wirawati, Kuala Lumpur).



Rajah 4.23 : Antara Sijil dan Cenderahati Bagi Para Pemenang



Rajah 4.24 : Sekitar Majlis Penyampaian Anugerah Pasar Bersih dan Selamat 2020/2021



Rajah 4.25 : Para Pemenang Anugerah Pasar Bersih dan Selamat 2020/2021

Anugerah ini disampaikan oleh Puan Norrani binti Eksan, Pengarah Pematuhan dan Pembangunan Industri dari PKKM, KKM bersama dengan Encik Khairul Anuar bin Mhd Juri, Pengarah Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada para pemenang.

b) Pameran Keselamatan Makanan Bersama Komuniti

Menyelaras kolaborasi bersama pihak komuniti bagi tujuan penyampaian mesej keselamatan makanan melalui bahan promosi dan aktiviti keselamatan makanan oleh komuniti.



Rajah 4.26 : Pameran Keselamatan Makanan Sempena Program Jom Derma Darah @ D'Anjung Masjid Muadz bin Jabal, Taman Setiawangsa pada 27 Mac 2021



Rajah 4.27 : Pameran Keselamatan Makanan Sempena Program Pemeriksaan Kesihatan Bagi Hari Ulang Tahun Pemerintahan Logistik Tentera Darat Ke-33 Tahun 2021 pada 2 April 2021



Rajah 4.28 : Pameran Keselamatan Makanan Sempena Program Kempen Nafas Baru Bermula Ramadan - "Tekad Untuk Berhenti Merokok" dan Sambutan Hari Tanpa Tembakau Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada 12 April 2021

c) Promosi Keselamatan Makanan di Media Sosial

Untuk tahun 2021, sebanyak 254 hantaran berkaitan topik keselamatan makanan telah dihantar melalui laman rasmi Facebook BKKM, JKWPKL&P. Pengikut

(followers) Facebook juga mencatatkan peningkatan sebanyak 1,229 pengikut iaitu bersamaan dengan 17.6% peningkatan jika dibandingkan dengan tahun 2020. Sehingga 31 Disember 2021, jumlah keseluruhan pengikut di Facebook BKKM, JKWPKL&P adalah seramai 8306 pengikut.



Rajah 4.29 : Screen shot Bagi Laman Rasmi Facebook BKKM JKWPKL&P



d) Penglibatan Komuniti Dalam Aktiviti Pencegahan Keracunan Makanan

Menjalankan kolaborasi dalam membudayakan keselamatan makanan dengan beberapa agensi dan

pembekal makanan semasa penerimaan bahan mentah basah di lokaliti-lokaliti Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) di sekitar WP Kuala Lumpur.



Rajah 4.30 (i) : Sekitar pengagihan bekalan bahan mentah semasa PKPD di Bukit Angkasa dan Pantai Ria, Kuala Lumpur pada 4 Julai 2021



Rajah 4.30 (ii) : Sekitar pengagihan bekalan bahan mentah semasa PKPD di Bukit Angkasa dan Pantai Ria, Kuala Lumpur pada 4 Julai 2021



Rajah 4.31 (i) : Sekitar pengagihan bekalan bahan mentah semasa PKPD di PPR Sri Sabah 3A, Cheras, Kuala Lumpur pada 6 Julai 2021



Rajah 4.31 (ii) : Sekitar pengagihan bekalan bahan mentah semasa PKPD di PPR Sri Sabah 3A, Cheras, Kuala Lumpur pada 6 Julai 2021



Rajah 4.32 (i) : Sekitar pengagihan bekalan bahan mentah semasa PKPD di Blok 12 Desa Pandan, Kuala Lumpur pada 7 Julai 2021



Rajah 4.32 (ii) : Sekitar pengagihan bekalan bahan mentah semasa PKPD di Blok 12 Desa Pandan, Kuala Lumpur pada 7 Julai 2021



5.0

BAHAGIAN


FARMASI

JKWPKL & P



5.1 PENGENALAN

Bahagian Perkhidmatan Farmasi terdiri daripada tiga (3) cawangan utama iaitu Cawangan Pengurusan Farmasi, Cawangan Amalan dan Perkembangan Farmasi dan Cawangan Penguatkuasaan Farmasi. Selain itu, Bahagian Perkhidmatan Farmasi juga bertanggungjawab untuk memantau aktiviti farmasi di lima (5) pejabat kesihatan, dua (2) hospital dan 22 klinik kesihatan.



5.2 CAWANGAN

PENGURUSAN FARMASI

Cawangan Pengurusan Farmasi terbahagi kepada tiga (3) seksyen iaitu Seksyen Pengurusan Profesyen Farmasi, Seksyen Infrastruktur dan Informatik dan Seksyen Kualiti dan Penyelidikan & Pembangunan.

Fungsi Unit / Seksyen di Cawangan Pengurusan Farmasi:

Seksyen Profesyen Farmasi

1. Merancang keperluan sumber manusia, penempatan dan pengisian anggota secara optima di semua fasiliti JKWPKL&P.
2. Merancang, menyelaras dan memantau latihan dan aktiviti CPD semua anggota farmasi BPF di hospital dan farmasi klinik kesihatan bagi meningkatkan kompetensi dalam melaksanakan tugas.

Seksyen R&D dan Kualiti

1. Menyelaras dan memantau sistem inisiatif kualiti perkhidmatan farmasi seperti, KPI, QAP, KIK, EKSA, Inovasi, ISO dan kajian R&D jabatan supaya dapat dicapai mengikut piawaian yang ditetapkan

Seksyen Infrastruktur dan Informatik

1. Merancang dan memantau pembangunan infrastruktur farmasi di semua fasiliti BPF JKWPKL&P termasuk hospital dan klinik kesihatan.
2. Memberi khidmat sokongan teknikal, keperluan prasarana, penyelenggaraan peralatan, rangkaian berkaitan ICT dan sistem PHIS

Unit Pentadbiran

1. Merancang, mengurus dan memantau serta menganalisa perbelanjaan kewangan Farmasi JKWPKL&P.

5.3 CAWANGAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

Cawangan Amalan dan Perkembangan Farmasi (A&P) secara umumnya merancang, menyelia dan memantau Perkhidmatan Farmasi di semua fasiliti kesihatan di JKWP&P yang merangkumi (2) buah hospital dan 21 buah klinik kesihatan di bawah lima (5) buah Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).

Fungsi seksyen – seksyen Cawangan Amalan dan Perkembangan Farmasi:

Seksyen Pengurusan Farmasi Logistik

1. Merancang dasar bagi pengurusan perolehan dan inventori ubat-ubatan, bukan ubat dan reagen.
2. Merancang, menyelaraskan dan memantau pelan tindakan bagi pengurusan perolehan dan inventori ubat-ubatan, bukan ubat dan reagen bagi memastikan perolehan berterusan.
3. Memantau peruntukan bagi memastikan pengurusan perolehan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan terancang.
4. Memantau prestasi perkhidmatan pembekalan ubat dan bukan ubat oleh syarikat-syarikat pembekal dan syarikat konsesi kepada PTJ.
5. Menyelaraskan pengumpulan data statistik bagi peruntukan dan perbelanjaan ubat,

vaksin, bukan ubat dan reagen yang diperlukan oleh Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi, KKM.

6. Memastikan aspek pengurusan stor dilaksanakan mengikut pekeliling / peraturan yang berkuatkuasa.
7. Menganalisis data-data berkaitan perolehan bagi tujuan perancangan dan penambahbaikan pengurusan logistik farmaseutikal KKM.
8. Merancang, menyelaraskan dan menguruskan perkembangan amalan perolehan dan pengurusan stor di hospital, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan klinik kesihatan kerajaan.
9. Merancang dan mengadakan aktiviti latihan dalam bidang farmasi logistik bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam pengurusan logistik.
10. Menyelaraskan dan memantau aktiviti-aktiviti berkaitan perkhidmatan farmasi logistik serta pencapaiannya supaya Petunjuk Prestasi Utama berjaya dicapai.
11. Menyedia dan menerbitkan garis panduan berkaitan aktiviti pengurusan logistik termasuk pengurusan bencana di dalam perkhidmatan farmasi di fasiliti kesihatan.
12. Menilai dan menyediakan input bagi proses kelulusan perolehan import ubat-ubatan untuk fasiliti kesihatan awam.

Seksyen Penggunaan Ubat Berkualiti

1. Merancang, memantau dan menganalisis aktiviti pendidikan berkenaan ubat-ubatan dan penyediaan akses maklumat ubat-ubatan untuk orang awam.
2. Memberi pendidikan kepada orang awam berkenaan cara penggunaan ubat yang berkualiti supaya kefahaman dan pengetahuan berkenaan ubat-ubatan

ditingkatkan untuk menggalakkan kepatuhan dan hasil rawatan yang baik.

3. Menyediakan maklumat ubat-ubatan yang tepat, tidak berat sebelah dan relevan untuk disebarkan kepada orang awam melalui risalah, video, laman web dan media massa.
4. Meningkatkan akses untuk orang awam mendapatkan maklumat ubat melalui “*National Pharmacy Call Centre (NPCC)*”, portal “*Know Your Medicine*” dan secara atas talian.
5. Mempromosi penggunaan ubat secara berkualiti melalui media cetak, media elektronik dan media sosial.
6. Berkolaborasi bersama agensi/NGO dalam aktiviti pendidikan dan promosi penggunaan ubat secara berkualiti.
7. Mengurus pangkalan data bagi laporan-laporan kesilapan pengubatan yang diterima dari fasiliti kesihatan awam dan swasta seluruh negara.
8. Memantau pelaksanaan garis panduan / prosedur berkaitan penambahbaikan keselamatan pengubatan.
9. Memperkukuh aktiviti keselamatan pengubatan melalui taklimat, ceramah dan latihan kepada anggota kesihatan.

Seksyen Penjagaan Farmaseutikal

1. Melaksanakan polisi dan pelan tindakan berkaitan dengan amalan penjagaan farmaseutikal bersesuaian dengan dasar yang telah ditetapkan oleh Program Perkhidmatan Farmasi, KKM.
2. Merancang dan menyelaras perkhidmatan penjagaan farmaseutikal bagi memastikan keselamatan dan keselesaan serta mencapai kesan terapeutik optimum di samping meningkatkan kepatuhan pesakit terhadap pengambilan ubat.
3. Merancang pelaksanaan aktiviti pembekalan ubat pesakit dalam dan ambulatori bagi memastikan penyediaan, pembekalan dan pendispensan ubat yang tepat dan selamat kepada pesakit.
4. Memantau aktiviti dan pencapaian dalam amalan penjagaan farmaseutikal di peringkat fasiliti kesihatan awam bagi memastikan praktis farmasi adalah mematuhi dasar dan peraturan yang telah ditetapkan.
5. Menyelaraskan Jawatankuasa Farmasi Klinikal, Diabetes MTAC, Retroviral MTAC, Respiratori MTAC dan Geriatrik MTAC bagi memperkembangkan dan menambahbaik perkhidmatan farmasi.
6. Merancang dan menyelaras latihan berkaitan amalan penjagaan farmaseutikal bagi meningkatkan kemahiran anggota Farmasi agar penyampaian perkhidmatan penjagaan farmaseutikal setanding dengan kemajuan terkini bagi memenuhi keperluan rawatan semasa.
7. Memantau pelaksanaan garis panduan dan protokol berkaitan aktiviti amalan dan
8. penjagaan farmaseutikal di fasiliti kesihatan bagi menjamin kualiti dan keseragaman dalam penyampaian perkhidmatan.
9. Menyelaraskan dan memperkasa aktiviti-aktiviti berkaitan Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan farmasi kepada pelanggan.
10. Menyelaraskan, merancang keperluan dan pelaksanaan aktiviti pengeluaran sediaan steril dan non-steril mengikut amalan pengilangan baik.
11. Menyelaraskan dan merancang pemantauan terhadap penggunaan dan perbelanjaan antimikrobial (termasuk antibiotik, ubat-ubatan highly active antiretroviral therapy (HAART), antimalaria, antituberkulosis dan ubat-ubatan kusta) serta bekerjasama dengan Bahagian dan agensi lain dalam mengawal kerintangan antimikrobial.
12. Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti farmasi dalam Program Rawatan Methadone di fasiliti dalam dan luar KKM.

5.4 CAWANGAN PENGUATKUASAAN FARMASI

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) berperanan untuk memantau dan memastikan semua produk adalah selamat, berkesan dan berkualiti berpandukan akta-akta dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan seperti berikut:

- i. Akta Racun 1952 (Disemak 1989) dan peraturannya
- ii. Akta Jualan Dadah 1952 (Disemak 1989) dan peraturannya
- iii. Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956 (Disemak 1983) dan peraturannya

- iv. Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1952 (Disemak 1989) dan peraturannya

Skop pemantauan CPF merangkumi produk farmaseutikal, tradisional dan kosmetik di pasaran. Selain itu, CPF juga bertanggungjawab ke atas aktiviti pelesenan dan kawalan terhadap pengilangan, penjualan dan pembekalan ubat-ubatan racun berjadual serta bahan kimia terkawal. Bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pengguna terjamin, CPF menjalankan tugas yang diamanahkan melalui 4 seksyen yang diwujudkan iaitu:

1. Seksyen Pelesenan
2. Seksyen Perisikan dan Operasi
3. Seksyen Siasatan dan Pendakwaan
4. Seksyen Kawalan Iklan dan Perkembangan Penguatkuasaan Farmasi

Fungsi Seksyen di Cawangan Penguatkuasaan Farmasi adalah seperti berikut:

Seksyen Pelesenan

1. Memproses Lesen Racun Jenis A/B/E, Permit Sodium Hidroksida (NaOH) dan Permit Untuk Membeli dan Menggunakan Bahan-bahan Psikotropik di bawah Akta Racun 1952.
2. Memeriksa premis-premis yang berlesen dengan CPF di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dan premis-premis berdaftar seperti hospital swasta, klinik perubatan dan klinik pergigian.
3. Menjalankan pemeriksaan pengendalian racun ke atas premis berdaftar iaitu klinik swasta dan hospital swasta.
4. Menjalankan pemeriksaan produk ke atas premis tidak berlesen.

Seksyen Perisikan Dan Operasi

1. Menyiasat dan mengesahkan setiap aduan dan maklumat yang diterima.
2. Melakukan serbuan ke atas semua premis perniagaan termasuk premis ubat tradisional, kedai ubat, salun kecantikan, kedai barang-barang *hardware*, farmasi runcit dan borong, klinik perubatan serta rumah kediaman yang didapati menjalankan penjualan ubat-ubat tidak berdaftar, penjualan produk mengandungi racun oleh individu yang tidak dilesenkan serta produk kosmetik tidak bernotifikasi.
3. Menjalankan aktiviti persampelan di pasaran dan audit ubat-ubat terkawal.
4. Menjalankan profiling ke atas laman web yang disyaki terlibat dengan kegiatan yang melanggar akta yang dikuatkuasakan

Seksyen Siasatan Dan Pendakwaan

1. Mengkoordinasi, menjalankan dan memantau aktiviti siasatan selepas serbuan dijalankan.
2. Mengkoordinasi, menjalankan dan memantau aktiviti pendakwaan di mahkamah selepas proses siasatan selesai.
3. Mengkoordinasi, menjalankan dan memantau aktiviti pengendalian ekshibit selepas pendakwaan di mahkamah selesai.

Seksyen Kawalan Iklan dan Perkembangan Penguatkuasaan Farmasi

1. Menyelaraskan saringan dan pemantauan iklan di semua media dan saringan iklan di premis pemeriksaan.
2. Menyelaraskan penyiasatan kes iklan yang melanggar Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.
3. Menyelaraskan dan menganalisa data informatik penguatkuasaan farmasi.
4. Mengkoordinasi aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta inovasi penguatkuasaan farmasi.
5. Menjalankan pemantauan terhadap kawalan sumber penguatkuasaan farmasi (kewangan, perjawatan dan latihan).
6. Mengurus selia aktiviti seperti aktiviti pameran, ceramah dan dialog bersama-sama pemegang taruh (*Stakeholders*) untuk meningkatkan tahap pengetahuan pengeluar, pembekal dan penjual produk farmaseutikal serta kosmetik tentang keperluan pendaftaran produk dan notifikasi kosmetik.

5.5 RUMUSAN PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI
TAHUN 2021

Indikator		Sasaran Negeri	Pencapaian 2021
DPS1	Peratus perbelanjaan bagi peruntukan Pelan Operasi Latihan (POL) berbanding peruntukan yang diterima dalam setahun	≥ 95%	100%
DPS3	Peratus aduan awam kategori biasa yang diterima melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) diselesaikan dalam tempoh 15 hari bekerja	≥ 90%	100%
DPS4	Peratus fasiliti farmasi KKM menjalankan penyelidikan farmasi atau inisiatif kualiti & inovasi farmasi	≥ 95%	100%
DPS5	Peratus perbelanjaan bagi peruntukan Pembangunan BP01100 berbanding peruntukan yang diterima dalam setahun	≥ 95%	100%
DPS6	Bilangan hasil kajian yang diterbitkan di peringkat tempatan atau antarabangsa	3	7
PK1	Peratus pengeluaran lesen / permit baharu yang dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952 dalam tempoh 7 hari bekerja	≥ 90%	100%
PK2	Peratus tindakan penguatkuasaan dalam tempoh 60 hari dari tarikh penerimaan aduan berkenaan penjualan atau pengiklanan produk #	≥ 75%	80.60%
PK3	Peratus kes yang berjaya dalam pendakwaan di mahkamah	100%	99%
PK4	Peratus kertas penyiasatan yang berjaya mendapat sanksi / arahan untuk mendakwa daripada Timbalan Pendakwa Raya	≥ 90%	98.80%
PK5	Peratus iklan perubatan yang melanggar undang-undang yang dikuatkuasakan berjaya diambil tindakan dalam tempoh 15 hari bekerja #	≥ 70%	96.90%
PK6	Peratus Laporan Pemprofilan yang diambil tindakan dalam tempoh 14 hari bekerja	≥ 95%	100%

*KPI Pengarah Kesihatan Negeri

Dipantau di Peringkat Sekretariat KKM dan Program

5.6 LAPORAN AKTIVITI CAWANGAN

5.6.1 CAWANGAN PENGURUSAN FARMASI

5.6.1.1 Pengurusan Sumber Manusia

Berdasarkan data berakhir 31 Disember 2021, fasiliti-fasiliti farmasi di JKWPKL&P telah dianggotai oleh 308 Pegawai Farmasi, 131 Penolong Pegawai Farmasi dan 24 anggota sokongan lain meliputi 93.3% pengisian jawatan.

Bahagian / Fasiliti	Pegawai Farmasi	Penolong Pegawai Farmasi	Lain-lain jawatan
Bahagian Perkhidmatan Farmasi	58	0	24
Hospital Putrajaya	84	21	0
Hospital Rehabilitasi Cheras	15	12	0
PKD Putrajaya	31	20	0
PK Cheras	29	19	0
PK Kepong	29	21	0
PK Lembah Pantai	18	16	0
PK Titiwangsa	43	22	0

Jadual 1 Bilangan anggota farmasi mengikut jawatan di fasiliti farmasi JKWPKL&P

Gred	Perjawatan	Pengisian
UF54	326	29
UF52		42
UF48		133
UF44		96
UF41		8
Jumlah Keseluruhan	326	308

Jadual 2. Jadual menunjukkan pecahan bilangan Pegawai Farmasi mengikut gred di JKWPKL&P

Gred	Perjawatan	Pengisian
U40	1	1
U38	1	1
U36	8	6
U32	26	22
U29	109	101
Jumlah Keseluruhan	145	131

Jadual 3. Jadual menunjukkan pecahan bilangan Penolong Pegawai Farmasi mengikut gred di JKWPKL&P

5.6.1.2 Latihan Siswazah Pegawai Farmasi (PRP)

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 46 Pegawai Farmasi Provisional (PRP) telah ditempatkan di pelbagai fasiliti farmasi di JKWPKL&P bagi latihan siswazah. 29 orang PRP (kelompok 2020) telah tamat latihan siswazah pada tahun 2021.

5.6.1.3 Fasiliti Liberalisasi Latihan (FLL)

Ahli farmasi provisional (PRP) turut menjalankan latihan pasca siswazah di farmasi komuniti yang merupakan salah satu Fasiliti Liberalisasi Latihan (FLL). Ini adalah bagi menampung kesesakan dan kesukaran tempat latihan di fasiliti farmasi KKM. Walaubagaimanapun, PRP perlu menjalani latihan sangkutan di fasiliti farmasi KKM selama empat (4) minggu. Berakhir tahun

2021, sebanyak 96 farmasi komuniti dari WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan Selangor telah menandatangani Memorandum Perjanjian bersama JKWPKL&P bagi menjalankan latihan sangkutan.


Sebanyak 43 orang Ahli Farmasi Provisional (PRP) telah menjalankan latihan sangkutan di fasiliti farmasi JKWPKL&P sepanjang tahun 2021.

5.6.1.4 Pengurusan Kewangan

Sebanyak RM 500,598.41 telah diperuntukan kepada BPF JKWPKL&P pada tahun 2021. Pada akhir tahun 2021 RM 469,172.73 (93.72%) telah dibelanjakan.



Graf 1 Peruntukan dan perbelanjaan Bahagian Perkhidmatan Farmasi bagi tahun 2019, 2020 dan 2021



Graf 2 Pecahan peruntukan dan perbelanjaan bagi cawangan-cawangan di

Bahagian Perkhidmatan Farmasi bagi tahun 2021

Pembangunan Fasiliti dan Peralatan Perubatan

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK)

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) telah mula dilaksanakan pada Februari 2021. Sejurus pelaksanaan ini, Bahagian Perkhidmatan Farmasi telah menerima pelbagai aset bagi tujuan

pengurusan vaksin termasuk penyimpanan, pemindahan dan penggunaan.

Antara aset yang telah diterima adalah peti sejuk beku, peti sejuk simpanan atas, *data logger*, *cold box* dan telefon bimbit.

Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 334 aset telah diterima bagi program ini. Aset-aset ini telah diagihkan kepada semua fasiliti mengikut keperluan.

Item	Bilangan
Peti Ais (<i>Top Loading</i> dan <i>ULTF</i>)	21
Barcode Scanner	1
Cold Box (Pelbagai Saiz)	160
Data Logger	132
Telefon Bimbit	21

Jadual 4 menunjukkan rumusan jenis peralatan yang telah diterima bagi aktiviti

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

Projek Pembangunan (BP6)

Sebanyak tiga (3) projek telah diluluskan bagi tahun 2021. Kesemua projek berjaya diselesaikan sebelum berakhir tahun 2021.

Bil.	Fasiliti	Projek	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
1	KK Segambut	Kerja-kerja naik taraf dan ubahsuai Unit Farmasi KK Segambut	70,000.00	70,000.00 (100%)
2	Hospital Putrajaya	Kerja-kerja naik taraf dan ubahsuai Farmasi Kecemasan Hospital Putrajaya	40,000.00	40,000.00 (100%)
3	Hospital Putrajaya	Kerja-kerja naik taraf ruang kerja dan SMS Take & Go Hospital Putrajaya	40,000.00	40,000.00 (100%)

Jadual 5 Jumlah peruntukan bagi projek BP6 tahun 2021.


Peralatan Perubatan (BP11)

Sebanyak tiga (3) peralatan telah diluluskan bagi tujuan perolehan bagi tahun 2021. Peralatan yang telah diluluskan adalah seperti berikut:

Bil.	Fasiliti	Peralatan	Kuantiti	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
1	Hospital Putrajaya	Peti Sejuk Farmaseutikal	1	15,000.00	14,800.00 (98.7%)
2	KK Kuala Lumpur	Trigger Alarm System	1	6,000.00	5,999.00 (99.9%)
3	KK Petaling Bahagia	Trigger Alarm System	1	5,500.00	5,500.00 (100%)

Jadual 6 Jumlah peruntukan bagi projek BP11 bagi tahun 2021.

Pengurusan Aduan



Graf 3 Senarai aduan yang diterima dan diselesaikan dalam tempoh 14 hari bekerja bagi tahun 2017 - 2021.

Sebanyak tiga (3) aduan telah diterima sepanjang tahun 2021. Kesemua aduan diterima melalui SisPAA.

Semua aduan berjaya diselesaikan dalam tempoh 14 hari bekerja.

Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)

Pada tahun 2021, sejumlah RM 7,961.00 peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) telah dibelanjakan untuk menganjurkan empat (4) kursus dan melibatkan peserta seperti di Jadual bagi memastikan kompetensi anggota farmasi di JKWPKL&P di tahap yang optimum dan diterapkan dengan informasi terkini.

Peruntukan LDP 2021 (RM)	Bilangan Kursus yang Dianjurkan	Bil. Pegawai Hadir Kursus			Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan
		Sokongan	P&P	Jumlah Keseluruhan		
7,961.00	4	1	228	229	7,961.00	100%

Jadual 7 Prestasi Perbelanjaan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)

Projek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Status Pelaksanaan / Fasiliti	Bhgn Perkh. Farmasi	Hosp Putrajaya	Hosp Rehab. Cheras	KK	Multi-center	JUMLAH
Penyediaan Proposal	1					1
Pengumpulan Data	1	8	1	2	1	13
Analisa data		3	2	1		6
Penulisan	1				1	2
Kajian selesai dengan laporan		2			2	4
JUMLAH	3	13	3	3	4	26

Jadual 8 Status dan fasiliti yang menjalankan kajian

Pencapaian Mata *Continuing Professional Development* (CPD)

Pada tahun 2021, sejumlah 305 Pegawai Farmasi dan 130 Penolong Pegawai Farmasi telah dipantau bagi pencapaian mata CPD. Mata minima CPD yang perlu dicapai oleh Pegawai Farmasi dan Penolong Pegawai Farmasi adalah 40 mata dalam tempoh setahun. Walau bagaimanapun, susulan wabak pandemic COVID-19 dan Perintah-Perintah Kawalan Pegerakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membendung penularan wabak ini, Mesyuarat Jawatankuasa CPD Program Perkhidmatan Farmasi KKM yang telah diadakan pada 5 Ogos 2021 telah memutuskan keperluan

minima mata CPD Januari hingga Disember 2021 adalah 20 mata. Peratus pencapaian 20 mata CPD bagi Pegawai Farmasi dan Penolong Pegawai Farmasi adalah 100%.

Audit Verifikasi *Continuing Professional Development* (CPD)

Audit Verifikasi *Continuous Professional Development* (CPD) bagi tahun 2021 telah dijalankan pada bulan Oktober 2021. Sebanyak 142 anggota farmasi dari 8 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di JKWPKL&P telah diaudit dan penemuan secara keseluruhan adalah **memuaskan**.

Lawatan Penyeliaan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)

Lawatan penyeliaan telah dijalankan bagi memastikan Perkhidmatan Farmasi adalah di tahap yang terbaik. Lawatan TPKN(F) merupakan agenda tahunan bagi tujuan meneliti keperluan kemudahan fasiliti farmasi, peralatan dan sumber manusia. Sebanyak 4 fasiliti telah diselia oleh TPKN(F) sepanjang tahun 2021. Bilangan lawatan penyeliaan dihadkan berikutan situasi semasa pandemik Covid-19 dan bagi memberi ruang kepada tugas-tugas berkaitan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang sedang berjalan.





Gambar 1 Sekitar lawatan penyeliaan TPKN(F) ke fasiliti-fasiliti di PK Kepong dan PK Cheras

Echo-Training Good Governance for Medicine (GGM)

Pada tahun 2021, sejumlah 518 Pegawai Farmasi, 152 Penolong Pegawai Farmasi dan 28 anggota

sokongan di JKWPKL&P telah menghadiri latihan Good Governance for Medicine (GGM). Peratus pencapaian bagi kategori Pegawai Farmasi, Penolong Pegawai Farmasi dan anggota sokongan adalah 100%.

Online Continuing Pharmacy Education (CPE)

Online CPE merupakan satu projek Inovasi yang dimulakan oleh Jawatankuasa DIS Farmasi JKWPKL&P pada 1 Mac 2019 untuk memberi kemudahan kepada anggota farmasi untuk memperolehi mata CPD secara atas talian melalui program kendalian Bahagian Perkhidmatan Farmasi JKWPKL&P. Pada 19 November 2020, Cawangan Amalan & Perkembangan Farmasi JKWPKL&P telah menyerahkan tugas sebagai penyelaras Online CPE kepada Unit Latihan & CPD, Cawangan Pengurusan Farmasi. Mulai 15 Januari 2021, laman web Online CPE telah ditambah baik dengan fungsi pencarian tajuk CPE dan ketersediaan slaid pembentangan dalam jenis rakaman video. Berakhir tahun 2021,

sebanyak 495 Pegawai Farmasi dan 185 Penolong Pegawai Farmasi telah menyelesaikan sekurang-kurangnya 1 tajuk CPE di laman web Online CPE.



Aktiviti *Credentialing* Program Perkhidmatan Farmasi

Credentialing merupakan satu aktiviti yang diwujudkan oleh Program Perkhidmatan Farmasi untuk mengiktiraf dan mengenal pasti Pegawai Farmasi dan Penolong Pegawai Farmasi yang mempunyai kemahiran dalam sesuatu bidang farmasi. Bidang kemahiran yang dimaksudkan meliputi bidang daripada Amalan Farmasi, Penguatkuasaan Farmasi dan Farmasi Regulatori. Pada 18 Januari 2021, Cawangan Amalan & Perkembangan farmasi JKWPKL&P telah menyerahkan tugas sebagai penyelaras untuk permohonan *Credentialing* di JKWPKL&P kepada Unit Latihan & CPD, Cawangan Pengurusan Farmasi. Pada tahun 2021, sebanyak 6 permohonan *Credentialing* telah dikemukakan dan lima (5) permohonan *Credentialing* telah diluluskan oleh Program Perkhidmatan Farmasi.

PROJEK KUALITI (TAHUN 2021)

Projek *Quality Assurance (QA)*

Bil.	Tajuk	Fasiliti	Status Pelaksanaan
1.	Mengoptimalkan pembekalan ubat kepada pesakit di Hospital Putrajaya semasa Perintah Kawalan Pergerakan menggunakan <i>Enhanced Value Added Services (EVAS)</i>	Hospital Putrajaya	Analisis
2.	<i>Reducing Medication Administration Error Through Knowledge Empowerment of Nurses</i>	Hospital Rehabilitasi Cheras	Pengumpulan Data
3.	<i>Reducing Medication Filling Error in Health Clinics in JKWPKL&P: A Multicenter Study</i>	Multicenter	Pengumpulan Data

Jadual 9 Projek *Quality Assurance (QA)* di JKWPKL&P

Projek Inovasi

Bil.	Tajuk	Fasiliti	Status Pelaksanaan
1.	Rx TOPUP	Pejabat Kesihatan Titiwangsa	Analisis
2.	Mengoptimalkan perkhidmatan <i>Patient's Own Medicines (POMs)</i> di Hospital Putrajaya melalui inovasi MyBOX	Hospital Putrajaya	Pengumpulan Data
3.	MyBooking	Bahagian Perkhidmatan Farmasi, JKWPKL&P	Pengumpulan Data
4.	Kit Pemeriksaan	Caw. Penguatkuasaan Farmasi, JKWPKL&P	Pengumpulan Data
5.	PharmShareMOQ	Jawatankuasa Logistik, BPF JKWPKL&P	Pengumpulan Data
6.	EzyVac	Pejabat Kesihatan Cheras	Selesai
7.	<i>Audit on Medication Discrepancies During Transition of Care from Ward Admission to Outpatient Clinic Appointments at Hospital Putrajaya (Projek MedRec)</i>	Hospital Putrajaya	Pengumpulan Data

8.	MediRule	Pejabat Kesihatan Lembah Pantai	Kertas Cadangan
----	----------	------------------------------------	-----------------

Jadual 10 Projek Quality Assurance (QA) di JKWP&P

Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Bil.	Tajuk	Fasiliti	Status Pelaksanaan
1.	Mengoptimalkan perkhidmatan pembekalan ubat discaj di Hospital Putrajaya melalui inovasi <i>Ezy2Home</i>	Hospital Putrajaya	Kertas Cadangan
2.	<i>Dosage Knob Extender</i>	Hospital Rehabilitasi Cheras	Kertas Cadangan
3.	Penambahbaikan Pengurusan Floor Stok di Unit MCH Klinik Kesihatan dan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA), Pejabat Kesihatan Kepong	Pejabat Kesihatan Kepong	Kertas Cadangan


Jadual 11 Status projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di JKWP&P

CAWANGAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

Pengurusan Farmasi Logistik


Pada tahun 2021, nilai peruntukan ubat, vaksin, bukan ubat dan reagen di semua hospital dan klinik kesihatan JKWP&P adalah sebanyak RM 52,751,809.37 dan RM 52,508,908.50.

Perbandingan Peruntukan Hospital dari tahun 2017 sehingga 2021




Graf 4 Perbandingan Peruntukan (RM) Hospital bagi Tahun 2017 sehingga 2021

Perbandingan Peruntukan Kesihatan Awam dari tahun 2017 sehingga 2021




Graf 5 Perbandingan Peruntukan(RM) Kesihatan Awam bagi Tahun 2017 sehingga 2020

Bagi memastikan pengurusan stok yang cekap, pegangan stok disasarkan dalam julat satu (1) hingga tiga (3) bulan. Bagi tahun 2021, 100% (purata) fasiliti mencapai pegangan stok disasarkan.




Graf 6 Pegangan Stok Ubat (Termasuk Vaksin) bagi Tahun 2021

Terdapat tiga cara perolehan ubat-ubatan iaitu pembelian melalui konsesi, kontrak dan pembelian tempatan. Pembelian melalui konsesi merangkumi 44% dan kontrak sebanyak 42% daripada jumlah pembelian ubat pada tahun 2021.



Graf 7 Nilai Perolehan Ubat-Ubatan Berdasarkan Kaedah Perolehan bagi Tahun 2021

Bagi perolehan secara pembelian tempatan, sebanyak 67% adalah produk generik.




Graf 8 Bilangan Item Produk Inovator Berbanding Generik bagi Tahun 2021


Perkhidmatan Maklumat Ubat (DIS)

Perkhidmatan Maklumat Ubat berfungsi untuk menjawab segala persoalan mengenai ubat dan racun yang diajukan oleh golongan profesional kesihatan dan orang awam berdasarkan *Evidence*

Based Medicine (EBM). Sehubungan dengan itu, setiap fasiliti dilengkapi dengan kemudahan MIMS Gateway, Micromedex dan buku-buku rujukan lain bagi memberi maklumat yang betul. Rajah-rajab berikut menunjukkan bilang pertanyaan dan kategori pertanyaan.




Graf 9 Bilangan Pertanyaan Maklumat Ubat 2015-2021



Graf 10 Bilangan pertanyaan mengikut kategori Maklumat Ubat pada 2021

Unit DIS juga berfungsi untuk melaporkan Kesan Kemudaratan Advers Ubatan (*Adverse Drug Reaction* [ADR]) secara aktif di JKWPKL&P. Terdapat peningkatan pelaporan ADR dari tahun 2015 – 2021 berikutan peningkatan kesedaran untuk melaporkan ADR. Kad alahan juga dikeluarkan kepada pesakit yang mengalami alahan ubat.



Graf 11 Bilangan Pelaporan ADR 2015-2021


Kad Alahan

Perkara	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Bilangan Kad Alahan dikeluarkan kepada pesakit	547	595	719	674	618	541

Jadual 12 Bilangan Kad Alahan Dikeluarkan 2016-2021

Kesan buruk berikutan imunitisasi (AEFI) juga dilaporkan. Terdapat peningkatan sebanyak 24% dalam pelaporan kes AEFI pada tahun 2020 seterusnya 15% pada tahun 2021 berbanding dengan tahun sebelumnya berikutan pengenalan

vaksin baru dalam Program Imunitisasi Kebangsaan iaitu, vaksin pneumokokal konjugat (Pneumococcal Conjugate Vaccine, PCV) dan pertukaran vaksin Pentavalent DTaP-IPV-Hib kepada vaksin Hexavalent DTaP-IPV-Hep B-Hib



Graf 12 Bilangan Pelaporan AEFI Vaksin HPV vs Non-HPV 2015-2021

Keselamatan Pengubatan


Taklimat / ceramah / kempen / pameran keselamatan ubat turut dijalankan bagi meningkatkan kesedaran anggota farmasi terhadap kesilapan pengubatan.


Perkara / Item	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Bilangan Taklimat Medication Error Reporting (Sasaran: 19 setahun)	28	27	33	30	25	24
Bilangan Ceramah Berkaitan Keselamatan Pengubatan (Sasaran: 19 setahun)	42	46	53	59	40	36
Bilangan Bengkel/Kursus Berkaitan	10	3	4	2	5	2
Bilangan Kempen/Pameran Dijalankan (Sasaran: 19 setahun)	24	19	18	19	18	11
Bilangan RCA dijalankan	11	18	13	13	19	16

Jadual 13 Bilangan Taklimat, Ceramah, Bengkel Berkaitan Keselamatan Pengubatan Mengikut Tahun

Kenali Ubat Anda

Program Kenali Ubat Anda turut dijalankan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap ubat-ubatan. Rajah-rajah berikut menunjukkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020.






Graf 13 Bilangan Aktiviti Kenali Ubat Anda dari Tahun 2017 hingga 2020

Perkhidmatan Pesakit Luar

Secara amnya, jumlah preskripsi diterima oleh unit pesakit luar menunjukkan pola peningkatan dari tahun ke tahun sejak 2015 hingga 2019. Tahun 2020 dan 2021 menunjukkan penurunan disebabkan oleh COVID-19.




Rajah 1 Bilangan Preskripsi diterima oleh Unit Farmasi Pesakit Luar di JKWPKL&P dari Tahun 2015-2021

Perkhidmatan Pesakit Dalam


Terdapat dua buah hospital di JKWPKL&P iaitu Hospital Putrajaya (HPJ) dan Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC). Graf berikut memaparkan bilangan preskripsi yang diterima oleh unit farmasi pesakit

dalam bermula tahun 2015 hingga tahun 2021. Penurunan mendadak bagi bilangan preskripsi di HRC adalah disebabkan oleh penggunaan format pengiraan preskripsi yang baru. Peningkatan semula preskripsi di HRC pada 2021 disebabkan oleh pembukaan wad khas untuk COVID.



Rajah 2 Bilangan Preskripsi Yang Diterima oleh Unit Farmasi Pesakit Dalam Hospital di JKWPKL&P Dari Tahun 2015-2021.

Bagi pesakit yang masuk ke wad, rekonsiliasi ubat-ubatan akan dijalankan oleh pegawai farmasi.




Graf 14 Bilangan Dokumentasi Rekonsiliasi Ubat-Ubatan Semasa Kemasukan Pesakit ke Wad (CP1) di

JKWPKL&P bagi Tahun 2017-2021


Perkhidmatan Kaunseling Ubat

Terdapat dua jenis perkhidmatan kaunseling ditawarkan oleh unit farmasi pesakit dalam iaitu kaunseling individu dan kaunseling berkumpulan. Kaunseling individu untuk pesakit dalam adalah


dijalankan secara *bedside*. HPJ dan HRC turut menjalankan pendispensan discaj secara *bedside*. Ini membolehkan pesakit mendapatkan ubat discaj tanpa menunggu di kaunter.



Graf 15 Bilangan Kaunseling Individu dan Berkumpulan Bagi Pesakit Luar Yang Telah Dilaksanakan di Fasilitas JKWPKL&P Dari Tahun 2015-2021.



Graf 16 Bilangan Kaunseling Farmasi Pesakit Dalam di JKWPKL&P dari 2015-2021




Graf 17 Bilangan Bedside Dispensing Pesakit di JKWPKL&P dari 2015-2021

Perkhidmatan *Medication Therapy Adherence Clinic* dan Farmakoterapi Berhenti Merokok (FBM)

Program "*Medication Therapy Adherence Clinic*" (MTAC) Diabetes, Respiratory, Retroviral, Rheumatoid, Psychiatric, Geriatrik, Strok dan

Farmakoterapi Berhenti Merokok (FBM) ditawarkan oleh fasiliti-fasiliti di JKWPKL&P bagi menjamin penggunaan ubat secara selamat dan berkualiti serta meningkatkan kepatuhan pesakit terhadap ubat.




Graf 18 Bilangan Kaunseling oleh Pegawai Farmasi dalam Farmakoterapi Berhenti Merokok JKWP&P bagi tahun 2021

Program Rawatan Methadone

Program Rawatan Methadone di JKWP&P ditawarkan di beberapa fasiliti termasuk Sembilan (9) klinik kesihatan, tiga (3) klinik swasta yang

berkolaborasi dengan KKM dan dua (2) pusat pemulihan di bawah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).




Graf 20 Bilangan Pesakit Berdaftar Dan Pesakit Aktif Program Methadone di JKWP&P bagi Tahun 2017-2021

Perkhidmatan Nilai Tambah (Value Added Service - VAS)

Unit Farmasi di hospital dan klinik kesihatan di bawah JKWP&P turut menawarkan VAS. Antara VAS yang ditawarkan adalah sistem pendispensan ubat bersepadu (SPUB), ubat

melalui pos (UMP), sistem temujanji, Medibox, pusat pembekalan ubat setempat (PPUSS), farmasi pandu lalu (*drive-thru*) dan *Park & Take*. Aplikasi MyUBAT turut diperkenalkan pada tahun 2021 untuk memudahkan pesakit memohon bekalan ubat susulan melalui VAS.




Graf 19 Peratusan Preskripsi Susulan Yang Didispens Melalui VAS Di Fasilitas JKWP&P Dari Tahun 2016-2021

Piagam Pelanggan Masa Menunggu

Tempoh pendispensan preskripsi dalam masa 30 minit merupakan salah satu Piagam Pelanggan Teras Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga indikator dalam *Hospital Performance Indicator For*

Accountability (HPIA). Masa menunggu adalah salah satu faktor kepuasan pelanggan dengan perkhidmatan yang diberikan. Indikator ini juga mencerminkan kecekapan proses pembekalan ubat di kaunter farmasi.



Graf 20 Pencapaian Piagam Pelanggan (Masa Menunggu Pesakit di Kaunter Farmasi) bagi Fasilitas JKWP&P Tahun 2015-2021

Pharmacy Information System (PHIS) & Clinic Pharmacy System (CPS)

PHIS & CPS adalah sistem yang komprehensif yang mengintegrasikan proses kerja berkaitan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal dan pengurusan logistik di fasiliti kerajaan (Hospital/Klinik Kesihatan). Sistem ini terdiri dari

dua belas (12) modul yang dibangunkan dengan matlamat untuk mengukuhkan proses perolehan, pembekalan dan penggunaan ubat di fasiliti KKM. Sistem ini membolehkan perkongsian profil pengubatan pesakit bagi memastikan kesinambungan rawatan pesakit selain berfungsi sebagai alat dalam membuat keputusan untuk memastikan kebolehpasaran ubat-ubatan oleh pengguna di negara ini.

FASILITI		INVENTORY BASED	PHARMACY BASED	FULL BASED
Hospital	Hospital Putrajaya	✓		
	Hospital Rehabilitasi Cheras		✓	
PK Cheras	PKD Cheras	✓		
	KK Cheras		✓	
	KK Cheras Baru		✓	
	KK Bandar Tun Razak		✓	
	KK Sungai Besi		✓	
PK Kepong	PKD Kepong	✓		
	KK Batu		✓	
	KK Sentul		✓	
	KK Jinjang		✓	
PK Titiwangsa	PKD Titiwangsa	✓		
	KK Setapak		✓	
	KK Dato Keramat		✓	
	KK Kampung Pandan		✓	
	KK Kuala Lumpur		✓	
PK Lembah Pantai	PKD Lembah Pantai	✓		
	KK Tanglin		✓	
	KK Petaling Bahagia		✓	
PKD Putrajaya	PKD Putrajaya	✓		
	KK Putrajaya Presint 9	✓		
	KK Putrajaya Presint 11		✓	
	KK Putrajaya Presint 14		✓	
	KK Putrajaya Presint 18			✓

Jadual 147 Pelaksanaan PhIS & CPS Mengikut Jenis Fasiliti

Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF)

Audit dalam merupakan pemeriksaan bebas yang terperinci yang dilakukan ke atas prosedur, peraturan dan langkah kawalan bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dilaksanakan dengan efisien dan berkesan. Prosedur penting ini

akan membantu pihak pengurusan memantau pelaksanaan polisi-polisi organisasi, prosedur serta peraturan di peringkat fasiliti. Selain itu, penambahbaikan berterusan dapat dilakukan melalui kesedaran sendiri terhadap langkah kawalan dan pemantauan organisasi.

BIL.	FASILITI	MARKAH ADAF
1	KK Sentul	98.70%
2	KK Batu	89.87%
3	KK Segambut	92.91%
4	KK Muhibbah	88.50%
5	KK Bandar Tun Razak	96.36%
6	KK Salak Selatan	89.24%
7	KK Kampung Pandan	95.87%
8	KK Putrajaya Presint 14	86.08%
9	PKD Kepong	90.36%
10	PKD Lembah Pantai	95.62%
11	PKD Cheras	96.36%
12	PKD Titiwangsa	94.36%
13	PKD Putrajaya	97.27%

Petunjuk

Tahap Pematuhan Standard Amalan Farmasi	Markah Penilaian
Baik	80-100%
Sederhana	60-79%
Lemah	0-59%

Jadual 15 Markah ADAF bagi fasiliti farmasi yang telah diaudit pada tahun 2021


CAWANGAN PENGUATKUASAAN FARMASI

Aktiviti Pelesenan


Cawangan Penguatkuasaan Farmasi bertanggungjawab mengeluarkan, memperbaharui dan membatalkan lesen Racun Jenis A, Lesen Racun Jenis B, Permit NaOH serta Permit Untuk Membeli dan Menggunakan Bahan-bahan Psikotropik kepada premis-premis seperti farmasi runcit, pemborong racun berjadual, klinik swasta dan sebagainya di

sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Sebanyak 705 Lesen Racun Jenis A, 56 Lesen Racun Jenis B, 40 Permit NaOH dan 15 Permit Untuk Membeli dan Menggunakan Bahan-bahan Psikotropik telah dikeluarkan pada tahun 2021. Jumlah pengeluaran semua lesen dan permit pada tahun 2021 adalah sebanyak 816.



Graf 21 Pengeluaran lesen dan permit tahun 2021




Carta 1 Pengeluaran jenis lesen A dan pecahan premis yang memohon pada tahun 2021

Aktiviti pemeriksaan ke atas premis yang dilesenkan (premis berlesen) di bawah Akta Racun 1952 dijalankan oleh pegawai penguatkuasa farmasi bagi memastikan pemohon dan pemegang lesen atau permit serta pengendalian ubat-ubatan dan racun berjadual dilakukan mengikut undang-undang dan syarat yang dikuatkuasakan.

Pemeriksaan ke atas premis berdaftar seperti klinik perubatan, klinik pergigian dan hospital swasta dijalankan untuk memastikan pengamal perubatan

dan pergigian yang mengendalikan ubat-ubatan dan racun berjadual mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan manakala premis tidak berlesen termasuk kedai runcit, spa/*aromatherapy*, gimnasium, kedai pengamal TCM dan sebagainya.


Sepanjang tahun 2021, sebanyak 1350 pemeriksaan telah dilakukan. Pemeriksaan ke atas premis berlesen adalah sebanyak 590, diikuti oleh premis tidak berlesen sebanyak 557 dan pemeriksaan premis berdaftar sebanyak 269.



Graf 22 Jumlah pemeriksaan premis pada tahun 2021



Graf 23 Pecahan bilangan pemeriksaan premis berdaftar pada tahun 2021



Graf 4 Pecahan bilangan pemeriksaan premis berdaftar pada tahun 2021

Aktiviti Kawalan Iklan dan Perkembangan Penguatkuasaan Farmasi

Saringan ke atas iklan produk farmaseutikal dan perkhidmatan perubatan di media seperti media cetak, media elektronik serta media baharu (internet) dijalankan bagi memastikan iklan yang disiarkan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan.

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 1727 iklan produk farmaseutikal dan perkhidmatan perubatan telah

disaring oleh Cawangan Penguatkuasaan Farmasi. Sebanyak 2 iklan daripada media elektronik, 553 iklan daripada media cetak, 739 iklan daripada media baharu dan 433 iklan daripada pemeriksaan premis berlesen/berdaftar telah disaring.


Tindakan seperti surat amaran kepada pihak penyiar iklan atau pendakwaan di mahkamah terhadap pihak penyiar iklan akan diambil sekiranya iklan tersebut didapati tidak memuaskan.



Carta 2 Pecahan iklan yang disaring pada tahun 2021

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi juga berperanan dalam meningkatkan kesedaran berkenaan undang-undang yang dikuatkuasakan di kalangan pemegang taruh dan orang ramai dengan mengadakan ceramah, pameran dan dialog serta menjalinkan hubungan yang baik antara cawangan dengan pemegang taruh melalui aktiviti bersama pemegang taruh.

Sebanyak 3 sesi dialog bersama pemegang taruh telah diadakan dan dalam sesi dialog ini terdapat 7 ceramah disampaikan kepada pemegang taruh. CPF juga telah menerima jemputan untuk mengadakan ceramah sebanyak 6 ceramah di sekitar Kuala Lumpur. Pameran berkenaan ubat berdaftar dan kosmetik bernetifikasi juga turut diadakan sebanyak 1 sesi.



Carta 3 Bilangan aktiviti kesedaran pemegang taruh (stakeholder) dan orang awam pada tahun 2021

Aktiviti Perisikan dan Operasi

Sebarang aduan dan maklumat berkenaan dengan pelanggaran terhadap akta-akta yang dikuatkuasakan akan diambil tindakan yang sewajarnya oleh Cawangan Penguatkuasaan Farmasi.


Aduan dan maklumat yang diterima akan ditentukan kesahihannya terlebih dahulu sebelum tindakan serbuan dijalankan ke atas aduan dan maklumat tersebut. Sekiranya berasas, tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap pihak / individu / syarikat yang diadukan. Sebanyak 112 aduan dan 118 maklumat diterima pada tahun 2021.



Graf 6 Bilangan aduan dan maklumat yang diterima pada tahun 2021

Sebanyak 138 serbuan telah dijalankan di mana 134 serbuan tersebut berjaya dan 4 serbuan tidak berjaya di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Nilai rampasan sebanyak RM1,930,100 telah diperoleh daripada 138 serbuan yang dijalankan di mana bukan keluaran berdaftar merangkumi sebanyak RM1,729,992, keluaran berdaftar merangkumi sebanyak RM91,809 dan kosmetik tidak bernetifikasi merangkumi sebanyak RM66,014. Bukan ubat seperti makanan dan peranti digital pula merangkumi sebanyak RM42,285.

Graf 7 Bilangan serbuan yang dijalankan pada tahun 2021



Carta 4 Nilai rampasan bagi tahun 2021 mengikut kategori produk


Aktiviti Siasatan dan Pendakwaan

Selepas serbuan dijalankan, siasatan akan dibuka terhadap kes yang disyaki berlaku pelanggaran dan seterusnya menjalankan pendakwaan terhadap orang kena saman yang dituduh dalam kes tersebut.


Pemilikan dan penjualan keluaran bukan keluaran berdaftar serta kosmetik tidak bernotifikasi merupakan satu kesalahan di bawah Akta Jualan Dadah 1952 manakala penyiaran iklan ubat tanpa kelulusan Lembaga Iklan Ubat merupakan satu kesalahan di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. Selain itu, pemilikan dan penjualan racun berjadual tanpa lesen merupakan satu kesalahan di bawah Akta Racun 1952.

Pada tahun 2021, CPF telah membuka sejumlah 117 kes bukan iklan baharu yang melibatkan pelanggaran Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952 manakala 10 kes iklan yang melibatkan pelanggaran Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. Sebanyak 106 siasatan kes telah berjaya diselesaikan pada tahun 2021. Sebanyak 100 kes pendakwaan telah dibawa ke hadapan majistret mahkamah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya di mana 88 orang OKS telah mengaku salah semasa sebutan, 11 orang OKS menukar pengakuan selepas sebutan pertama dan 1 kes telah *discharge amounting to an acquittal* (DNA).

Jumlah denda daripada pengakuan salah ini yang direkodkan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM562,900.




Carta 5 Pecahan kes yang berjaya didakwa di mahkamah pada tahun 2021



Graf 10 Jumlah denda di mahkamah mengikut akta yang dikuatkuasakan pada tahun 2021

Semua aktiviti pengendalian ekshibit di stor termasuk aktiviti pelupusan ekshibit adalah mengikuti Garis Panduan Pengurusan Stor Ekshibit dan Garis Panduan Pelupusan Barang Rampasan / Ekshibit yang dikeluarkan oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pelupusan telah dijalankan sekali pada tahun 2021 dengan kos keseluruhannya RM 6492.05 dan melibatkan sebanyak 2.15 Metrik Ton (MT) barang ekshibit.




Graf 11 Jumlah denda di mahkamah mengikut akta yang dikuatkuasakan

AKTIVITI-AKTIVITI FARMASI**1. AKTIVITI PENGUATKUASAAN FARMASI****a) Ops Pangea**

Satu operasi telah dijalankan sempena Operasi Pangea ke-14 pada 6 Mei 2021 di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dan telah berjaya merampas produk-produk yang tidak berdaftar dan ubat psikotropik bernilai RM74,935.00.

Tempat : Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Tarikh : 6 Mei 2021



Gambar 1 Gambar situasi semasa Ops Pangea. Hasil operasi menjumpai produk tidak berdaftar dan ubat psikotropik disorokkan di tangki air rumah suspek

b) Ops Jeremy

Satu operasi serentak telah dijalankan bersama Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri Selangor pada 23 Mac 2021 terhadap penjualan steroid anabolik di platform e-dagang. Pelbagai produk yang mengandungi steroid anabolik, bahan psikotropik dan bahan terlarang serta produk tidak berdaftar bernilai lebih RM1 juta telah dirampas di kedua-dua negeri.

Tempat : Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor
Tarikh : 23 Mac 2021



Gambar 2 Gambar situasi semasa Ops Jeremy. Produk mengandungi steroid anabolik dan ubat psikotropik dijumpai di premis suspek di Kuala Lumpur dan Selangor

c) Saringan Papan Iklan Lebuhraya

Papan iklan di Lebuhraya Karak dan Lebuhraya Utara-Selatan Lingkaran Tengah (ELITE) yang mengandungi produk farmaseutikal, makanan dan perkhidmatan perubatan telah disaring oleh pegawai penguatkuasa Seksyen Kawalan Iklan dan Perkembangan Penguatkuasaan Farmasi bagi memastikan iklan yang disiarkan menepati akta yang dikuatkuasakan.

Tempat : Lebuhraya Karak dan Lebuhraya Utara-Selatan Lingkaran Tengah (ELITE)
Tarikh : 12 April 2021 & 27 September 2021



Gambar 3 Gambar situasi semasa saringan papan iklan di Lebuhraya Karak dan ELITE. Cenderahati penghargaan diberi kepada anggota-anggota pengiring lebuhraya

d) Didik, Pantau dan Serbu (DiPS)

DiPS merupakan satu aktiviti yang dijalankan di kawasan *hotspot* yang dikenalpasti menjadi tumpuan penjualan produk-produk tidak berdaftar kepada orang ramai. Penjual-penjual akan dididik mengenai kesalahan menjual produk tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi. Sekiranya aktiviti penjualan produk tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi masih diteruskan selepas pemantauan dilakukan, premis-premis tersebut akan diserbu dan tindakan pendakwaan ke atas mereka akan dijalankan.

Tempat : Chow Kit, Kota Raya, Mont Kiara
Tarikh : Sepanjang tahun

2. AKTIVITI PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS)**a) Wawancara Radio**

Wawancara radio ini bertujuan memberi maklumat berkenaan ubat yang tidak berdaftar yang sering disalahguna dalam Malaysia dan meningkatkan kesedaran pengguna terhadap bahayanya ubat yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia kepada orang ramai. Wawancara radio ini disiarkan di Radio KLFM.

Tempat : Radio KLFM
Tarikh : 3 Februari 2021 dan 12 Mei 2021
Penceramah : En. Yee Wee Lyam dan En. Mohd Hafis Zaireen Bin Jamaludin, Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
Kumpulan sasaran : Penonton Radio KLFM

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Ubat Kuat: Manfaat atau Mudarat?

3 Februari 2021 (Rabu)

2.30 petang

Frekuensi: 97.2 FM

Kuala Lumpur

Yee Wee Lyam
Pegawai Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Boleh juga diikuti di myklik.rtm.gov.my

Program Perkhidmatan Farmasi
Duta Kenali Ubat Anda
www.pharmacy.gov.my
www.knowyourmedicine.gov.my

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Obses Untuk Kurus : Bahaya Produk Tidak Berdaftar

12 Mei 2021 (Rabu)

2.30 petang

Frekuensi : 97.2 FM

Kuala Lumpur

Mohd. Hafis Zaireen bin Jamaludin
Pegawai Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Boleh juga diikuti di myklik.rtm.gov.my

www.pharmacy.gov.my
www.knowyourmedicine.gov.my
Program Perkhidmatan Farmasi
Duta Kenali Ubat Anda
kenali_ubat_Landa

Gambar 4 Poster promosi wawancara radio KLFM

b) Aktiviti Kesedaran Bersama Pemegang Taruh (Stakeholder): Dialog Bersama Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) dan Unit Inspektorat dan Perundangan (UIP) Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Dialog ini bertujuan memberi pendedahan tentang akta yang dikuatkuasakan oleh Cawangan Penguatkuasaan Farmasi dan menjalinkan hubungan kerjasama yang baik antara Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) dan Unit Inspektorat dan Perundangan (UIP) dengan Bahagian Perkhidmatan Farmasi di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Tempat	: Bilik Seminar Pemakanan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
Tarikh	: 10 Mac 2021
Penceramah	: En. Yee Wee Lyam dan Cik Lim Soo Hui, Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
Penceramah Jemputan	: En. Mohd Sapari Bin Ismail, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
Panel dialog	: Pn. Zaiton Binti Shato, En. Sazali Bin Harun, En. Abdul Halim Bin Abu Naim, En. Mohammad Faizal Bin Ahmat Zainuri, Dr. Muthu Kumar A/L N.S Murugiah, Pn. Norita Binti Noraini, Cik Nurul Haizan Binti Sukan, En. Mohd Sapari Bin Ismail, En. Mohd Asri Bin Muda
Bilangan peserta	: 17 orang




Gambar 5 Gambar aktiviti ceramah Dialog Bersama Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) dan Unit Inspektorat dan Perundangan (UIP) Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

c) Aktiviti Kesedaran Bersama Pemegang Taruh (Stakeholder): Dialog Kawalan Iklan Perubatan Bersama Pemegang Lesen A Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Dialog ini bertujuan memberi pendedahan tentang akta yang dikuatkuasakan oleh Cawangan Penguatkuasaan Farmasi dan menjalinkan hubungan kerjasama yang baik antara Pelesen A dengan Bahagian Perkhidmatan Farmasi di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Tempat	: Secara maya
Tarikh	: 16 Jun 2021
Penceramah	: En. Wan Shihabuddin Bin Wan Saidi dan Pn. Nurul Shazreen Binti Md Zin, Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
Panel dialog	: En. Abdul Halim Bin Abu Naim, En. Mohammad Faizal Bin Ahmat Zainuri, En. Ahmad Zuhri Bin Md Ali
Bilangan peserta	: 35 orang



Gambar 6 Gambar pemegang lesen A yang hadir dalam google meet semasa Dialog Kawalan Iklan Perubatan Bersama Pemegang Lesen A Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

d) Hebahan Bahan-bahan Kempen Waspada Pembelian Ubat Dalam Talian

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi dengan kerjasama Cawangan Amalan Dan Perkembangan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah mengedarkan bahan-bahan kempen seperti risalah kempen daripada Syarikat Techno Secure Print Sdn. Bhd. kepada 5 pejabat kesihatan dan 2 hospital di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta pelitup muka kain bagi pencegahan jangkitan COVID-19.

Tempat	: Pejabat Kesihatan Kepong, Pejabat Kesihatan Lembah Pantai, Pejabat Kesihatan Titiwangsa, Pejabat Kesihatan Putrajaya, Pejabat Kesihatan Cheras, Hospital Rehabilitasi Cheras, Hospital Putrajaya
Tarikh	: 25 Ogos 2021
Kumpulan sasaran	: Anggota Farmasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur



Gambar 7 Gambar pengedaran bahan-bahan kempen kepada pegawai farmasi di semua pejabat kesihatan dan hospital di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

e) Hebahan Informasi Kempen Waspada Pembelian Ubat Dalam Talian Sempena Sambutan *World Pharmacists Day*

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi telah menyediakan dua (2) bahan media berbentuk video yang mengandungi informasi Kempen Waspada Pembelian Ubat Dalam Talian dan menyiarkan video-video tersebut pada papan iklan digital di 10 lokasi sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi meningkatkan kesedaran pengguna berkenaan risiko dan tips pembelian ubat dalam talian.

Tempat : Jalan Cheras, Jalan Kelang Lama, Jalan Imbi, Jalan Ipoh, Jalan Kepong, Jalan Maarof, Jalan Sultan Ismail, Jalan Tun Sambanthan, Taman Sri Rampai, Taman Tun Dr. Ismail
Tarikh : 1 - 31 September 2021
Kumpulan sasaran : Pengguna jalan raya di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Gambar 8 Gambar hebahan informasi Kempen Waspada Pembelian Ubat Dalam Talian di papan iklan digital di Jalan Cheras dan Jalan Kelang lama

f) Aktiviti Kesedaran Bersama Pemegang Taruh (Stakeholder): Dialog Bersama Syarikat Produk Suplemen Kesihatan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Dialog ini bertujuan memberi pendedahan tentang akta yang dikuatkuasakan oleh Cawangan Penguatkuasaan Farmasi dan menjalinkan hubungan kerjasama yang baik antara syarikat-syarikat produk kesihatan di sekitar Lembah Klang dengan Bahagian Perkhidmatan Farmasi di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Tempat	: Secara maya
Tarikh	: 22 September 2021
Penceramah	: En. Wan Shihabuddin Bin Wan Saidi dan Pn. Nurul Shazreen Binti Md Zin, Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
Panel dialog	: Pn. Zaiton Binti Shato, Pn. Norita Binti Noraini, En. Ahmad Zuhri Bin Md Ali, Pn. Nurul Shazreen Binti Md Zin
Bilangan peserta	: 13 orang



Gambar 9 Gambar panel Dialog Bersama Syarikat Produk Suplemen Kesihatan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

g) Pameran Bersama Pemegang Taruh Sempena Kempen Waspada Pembelian Ubat Dalam Talian

Pameran ini bertujuan meningkatkan kesedaran pemegang taruh iaitu semua kakitangan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya supaya berwaspada dengan iklan-iklan ubat yang berleluasa dalam talian dan juga risiko pembelian ubat secara dalam talian.

Tempat	: Ruang Legar, Blok B, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
Tarikh	: 9 November 2021
Bilangan peserta	: 40 orang



Gambar 10 Gambar aktiviti Pameran Bersama Pemegang Taruh Sempena Kempen Waspada Pembelian Ubat Dalam Talian

h) Program Kesedaran Pengguna: Wanita Dan Kecantikan Anjuran Biro Kepenggunaan Dan Keusahawanan Puspanita, Kementerian Pendidikan Malaysia

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah dijemput untuk memberi ceramah berkenaan kepentingan produk-produk berdaftar dan kosmetik-kosmetik bernetifikasi serta akta-akta yang dikuatkuasa oleh Cawangan Penguatkuasaan Farmasi.

Tempat : Auditorium Kompleks E, Putrajaya
Tarikh : 8 Disember 2021
Penceramah : Cik Lim Soo Hui, Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
Bilangan peserta : 100 orang




Gambar 11 Gambar aktiviti ceramah anjuran Biro Kepenggunaan Dan Keusahawanan Puspanita, Kementerian Pendidikan Malaysia

3. HIV AWEARENESS VIRTUAL EVENT: AWARENESS IS THE BEST PREVENTION

BPF JKWPCL&P menjemput Pegawai Farmasi daripada klinik kesihatan untuk membincangkan 15 topik berkaitan dengan HIV. Topik-topik ini bertujuan untuk meningkatkan info terkini berkenaan HIV dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada pesakit

Tempat : Secara Atas talian Google Meet
Tarikh : 25 Mei 2021 (Selasa)
Bilangan peserta : 30 orang



4. FB LIVE BPF JKWPCL

BPF JKWPCL&P menjemput tetamu daripada Hospital, klinik kesihatan, Presiden MPS untuk membincangkan topik berkaitan dengan isu semasa. Topik-topik ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran berkenaan keselamatan pengubatan dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada pesakit

Tempat : FB Live BPF JKWPCL&P
Tarikh : 30 september 2021, 7 Oktober 2021 & 14 Oktober 2021





5. MOBILISASI PEGAWAI DAN ANGGOTA CPF KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN DAN PUSAT PENILAIAN COVID-19

a) Pusat Pemberian Vaksin

Pegawai daripada Cawangan Penguatkuasaan Farmasi telah dimobilisasi ke Pusat Pemberian Vaksin untuk membantu dalam proses pemberian vaksin kepada orang ramai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Tempat : Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
Tarikh : Mei hingga September 2021



Gambar 13 Gambar pegawai-pegawai penguatkuasa farmasi Kuala Lumpur dan Putrajaya bertugas di pusat pemberian vaksin di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya semasa wabak COVID-19

b) Pusat Penilaian COVID-19/COVID-19 Assessment Centre

Pegawai daripada Cawangan Penguatkuasaan Farmasi telah dimobilisasi ke Pusat Penilaian COVID-19 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk membantu dalam aktiviti pencegahan COVID-19 pada bulan Mei hingga Ogos 2021.

Tempat : Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Tarikh : Mei hingga Ogos 2021



Gambar 14 Gambar pegawai-pegawai penguatkuasa farmasi Kuala Lumpur dan Putrajaya bertugas dengan pakaian PPE di Pusat Penilaian COVID-19 di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya semasa wabak COVID-19

BENGKEL/KURSUS/PERSIDANGAN**1. BENGKEL PENULISAN MANUSKRIP / MANUSCRIPT WRITING WORKSHOP**

Untuk memberi kemahiran kepada peserta bagi menghasilkan manuskrip saintifik yang berkualiti.

Bengkel ini telah diadakan menerusi tiga fasa:

- i) Fasa pertama adalah ceramah yang dilakukan secara atas talian untuk memberi panduan berkenaan penulisan manuskrip.
- ii) Fasa kedua adalah sesi *hands-on* secara bersemuka melibatkan ahli kajian dari Klinik Kesihatan dan Hospital Rehabilitasi Cheras yang sedang dalam proses menyediakan manuskrip
- iii) Fasa ketiga adalah sesi *hands-on* secara atas talian melibatkan ahli kajian dari Hospital Putrajaya yang sedang dalam proses menyediakan manuskrip

Fasa 1

Tempat : Secara atas talian menerusi Google Meet

Tarikh : 18 Mac 2021

Penceramah : Prof Madya Dr Ernieda Md Hatah, Universiti Kebangsaan Malaysia &
Dr Lisa Binti Mohamed Nor

Bilangan peserta : 40 orang

Fasa 2

Tempat : Bilik Seminar Pemakanan, JKWP&P

Tarikh : 12 April 2021

Penceramah : Prof Madya Dr Ernieda Md Hatah, Universiti Kebangsaan Malaysia


Bilangan peserta : 20 orang

Fasa 3

Tempat : Secara atas talian menerusi Google Meet

Tarikh : 31 Mei 2021

Penceramah : Prof Madya Dr Ernieda Md Hatah, Universiti Kebangsaan Malaysia
Bilangan peserta : 20 orang



Gambar 2 Sekitar suasana semasa bengkel Fasa 1, 2 dan 3

2. BENGKEL TEKNIK PEMBENTANGAN BERKESAN / EFFECTIVE PRESENTATION SKILLS WORKSHOP

Untuk memberi kemahiran kepada peserta bagi menghasilkan poster dan slaid pembentangan yang jelas dan berinformasi serta memberi panduan tentang teknik pembentangan yang efektif.

Tempat : Secara atas talian menerusi Google Meet
Tarikh : 24 Mei 2021
Penceramah : Prof Madya Dr Mohd Makmor Bakry, Universiti Kebangsaan Malaysia
Bilangan peserta : 42 orang



Gambar 3 Sekitar suasana semasa bengkel atas talian

***Sekalung Penghargaan: Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan & Pembangunan (R&D) Farmasi JKWPKL&P Sesi 2020/2021**



Ribuan terima kasih diucapkan buat ahli Jawatankuasa Teknikal R&D Farmasi JKWP&P atas segala kerjasama dan usaha yang diberikan untuk memastikan segala aktiviti R&D sepanjang tahun 2020 dan 2021 dapat dijalankan dengan jayanya, walaupun pelbagai halangan perlu ditempuhi disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda.

3. BENGKEL *QUALITY ASSURANCE (QA)*

Memberi pendedahan kepada anggota mengenai pelaksanaan projek *Quality Assurance (QA)*, serta meningkatkan pemahaman dalam menghasilkan projek-projek QA yang berkualiti untuk diaplikasi di fasiliti masing-masing.

Tempat : Bilik Mesyuarat, Pejabat Kesihatan Titiwangsa
Tarikh : 7 – 8 April 2021
Penceramah : 1) Cik Saidatul Sheeda binti Ahmad Shukri, Program Perkhidmatan Farmasi KKM
 2) Cik Ching Min Wei, Hospital Rehabilitasi Cheras



6. KURSUS SIASATAN DAN PENDAKWAAN

Kursus ini diadakan dengan objektif untuk memberi pendedahan kepada semua anggota CPF mengenai prosedur siasatan dan prosedur pendakwaan di mahkamah yang berkesan. Timbalan Pendakwa Raya daripada Jabatan Peguam Negara telah dijemput untuk memberi ceramah dan berkongsi pengalaman mereka dalam pendakwaan di mahkamah.

Tempat : Bilik Seminar Pemakanan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Tarikh : 6 - 8 April 2021

Penceramah : Datin Nurshuhaida Binti Zainal Azahar dan Pn. Kirubini A/P Subramaniam, Jabatan Peguam Negara

Bilangan peserta : 44 orang



Gambar 12 Gambar bersama penceramah-penceramah kursus, Datin Nurshuhaida dan Pn. Kirubini

7. ANUGERAH PERKHIDMATAN KAUNTER FARMASI CEMERLANG 2021



Pertandingan Kaunter Farmai Cemerlang ini dilaksanakan bagi memberi pengiktirafan kepada inisiatif anggota farmasi yang bekerja keras bagi memastikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti disampaikan kepada pelanggan. Pengiktirafan seperti ini diharap dapat meningkatkan motivasi semua anggota farmasi untuk menambah baik perkhidmatan terutamanya perkhidmatan kaunter.

Senarai Pemenang

Tempat Pertama : Klinik Kesihatan Cheras Baru

Tempat Kedua : Klinik Kesihatan Sentul

Tempat Ketiga : Klinik Kesihatan Jinjang

Tempat Saguhati : 1) Klinik Kesihatan Sungai Besi
2) Klinik Kesihatan Setapak



PENCAPAIAN

1. Tempat Pertama Pembentangan Poster bagi Trek Optimisation of Service Delivery


En. Thian Soon Yew, Pegawai Farmasi UF48 dari Bahagian Perkhidmatan Farmasi, selaku Principal Investigator telah memenangi Juara untuk Pembentangan Poster bertajuk Factors Associated with the return of Unused Medication at

Government Healthcare facilities in Kuala Lumpur dan Putrajaya.



2. Operasi Khas Bersama Cawangan Penguatkuasaan Farmasi JKWPKL&P bersama Cawangan Penguatkuasaan Farmasi JKNS

Satu operasi serentak yang melibatkan kerjasama antara Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah dijalankan pada 23 Mac 2021 terhadap penjualan steroid anabolik di platform e-dagang. Pelbagai produk yang mengandungi steroid anabolik, bahan psikotropik dan bahan terlarang serta produk tidak berdaftar bernilai lebih RM1 juta telah dirampas.




Gambar 15 Gambar keratan akhbar berkenaan operasi yang dijalankan oleh Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dan Negeri Selangor

PENERBITAN

Rujukan

1. Drug Album 2.0 for Health Clinics updated Mei 2021
2. Drug Album 2.0 for Health Clinics updated November 2021



Majalah

1. PharmNews Vol 1.2021, Februari
2. PharmNews Vol 2.2021, Ogos
3. Pharm News Vol 3.2021, November



Kajian dan Projek Kualiti

Senarai Penerbitan Manuskrip


1. Selvadurai S., Cheah K. Y., Ching M. W., Kamaruddin H., Lee X. Y., Ngajidin R. M., Lee X. H., Mohd Ali L. M. Impact of pharmacist insulin injection re-education on glycemic control among type II diabetic patients in primary health clinics. Saudi Pharmaceutical Journal. Volume 29, Issue 7, July 2021. <https://doi.org/10.1016/j.jsps.2021.04.028>
2. Ching Ju C, Seen Julie L, Yong Leong K, Wei Chien T, Kalai Selvi R. HIV-Related Stigma and Discrimination: A Study Among Pharmacists Working in Health Clinics Under Kuala Lumpur & Putrajaya Health Department. Malaysian Journal of Health Promotion. Vol 2, 2020. ISSN: 2710-6330
3. Loganadan N. K., Zaman Huri H., Vethakkan S. R., Hussein Z. Pharmacogenetics of sulfonylurea-induced hypoglycemia in Type 2 diabetes patients: the SUCLINGEN study. Pharmacogenomics. Vol 22, No. 16. Oct 2021. <https://doi.org/10.2217/pgs-2021-0059>
4. Hussain M, Sahudin S, Yusoff I, Kaharudin N. The Teaching and Learning of Pharmacokinetic Subjects to Pharmacy Students: Review of Teaching Strategies. Journal of Young Pharmacist. 2021;13(4):327-34. <https://doi.org/10.5530/jyp.2021.13.85>
5. Wong M.M., Mat Ridzuan F.R., Ong S.V., Tee J., Felix Amaldass J.A.P., Lim F.P., Tajudin N.H., Tham S.W., and Chin H.C.

Awareness And Perception Of Smokers On The Smoking Cessation Programme In Government Health Clinics In Kuala Lumpur & Putrajaya. *Journal of Health Management* Vol 1/2021

6. Yussof I., Lim Y.S. Insulin Utilisation Review In A Public Primary Care Clinic: Analysis Of Dose And Adherence. *Journal of Health Management* Vol 2/2021
7. Choon C. J., Wan Lis Hazimah W.A.H., Nor Laila M.S., Idziana Faidza M., Khonisyatu Nadia A. Effect of Invisible Pill Container on Medication Adherence and Convenience Among Retroviral Disease (RVD) Patients. *Malaysian Journal of Health Promotion*. Vol 2, 2020.

Senarai Pembentangan Hasil Kajian

1. *Expectation and Perception of Contract Pharmacists Regarding their Pharmacy Career*. Pembentang: Izzati Binti Yussof, National Pharmacists Convention 2021, MPS
2. *The effect of Cholecalciferol on Vit D level among hypovitaminosis D patients in Hospital Putrajaya*. Pembentang: Farahiyah Binti Abraham Peimtkowsky, National Conference for Clinical Research 2021
3. *Insulin Utilisation Review in Primary Healthcare: Analysis of Adherence*. Pembentang: Izzati Binti Yussof, 22nd NIH Scientific Conference
4. *Lipid Lowering Effects of Gemfibrozil and Fenofibrate in Patients with Dyslipidaemia*. Pembentang: Lee Yun Shiang, Pesidangan R&D Farmasi Kebangsaan Ke-11
5. *Effectiveness and Safety of Early versus Late Caffeine Therapy in Preterm Infants with Apnoea of Prematurity (AOP): A Real-World Multicentre Study*. Pembentang: Won Zi Yun, Pesidangan R&D Farmasi Kebangsaan Ke-11
6. *Cost Comparison between Centralised Pharmacy Preparations Versus Standard Dispensing of Intravenous Benzylpenicillin in Paediatric Wards, Hospital Putrajaya*. Pembentang: Ahmad Fitri Bin Mohd Ramli, Pesidangan R&D Farmasi Kebangsaan Ke-11
7. *An Evaluation of Venous Thromboembolism (VTE) Prophylaxis in Hospital Putrajaya*. Pembentang: Shangeetha Selarajoo, Pesidangan R&D Farmasi Kebangsaan Ke-11
8. *Adherence to Ramadhan Antidiabetic Medication Taking Instructions in Putrajaya Hospital: A Cross Sectional Study*. Pembentang: Fatin Farhanah Binti Jamil, Pesidangan R&D Farmasi Kebangsaan Ke-11
9. *Cost-effectiveness of Pharmacist-managed Respiratory Medication Therapy Adherence Clinic (RMTAC) on Asthma Patients: A Prospective Multicentre Study*. Pembentang: Yap Lih Shin, Pesidangan R&D Farmasi Kebangsaan Ke-11
10. *Antibiotic Prescribing Pattern in Primary Care Practice in Federal Territory Kuala Lumpur and Putrajaya*. Pembentang: Audrey Lim Huili, Pesidangan R&D Farmasi Kebangsaan Ke-11
11. *HIV-related Stigma and Discrimination among Pharmacists*. Pembentang: Choon Ching Ju, Pesidangan R&D Farmasi Kebangsaan Ke-11
12. *Factors Associated with the Return of Unused Medications at Government Health Care Facilities in Kuala Lumpur and Putrajaya, Malaysia*. Pembentang: Thian Soon Yew, Pesidangan R&D Farmasi Kebangsaan Ke-11 [Pemenang Poster Tempat Pertama: kategori *Optimisation of Service Delivery*]




6.0

BAHAGIAN

PERGIGIAN

JKWPKL & P



BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN

6.1 PENGENALAN

Perkhidmatan Pergigian Kerajaan di Kuala Lumpur telah wujud sejak tahun 1929 dibawah pentadbiran Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS). Pada tahun 1974, Wilayah Persekutuan ditubuhkan dan kemudiannya pada tahun 1978, Perkhidmatan Pergigian ini dipindahkan ke bawah pentadbiran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagai Jabatan Perkhidmatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Setelah Wilayah Persekutuan Putrajaya ditubuhkan pada 1 Februari 2000, Perkhidmatan Pergigian Putrajaya telah digabungkan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai Bahagian Kesihatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (BKP WPKL&P) pada 1 Januari 2001. Bahagian ini berada di bawah pentadbiran Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P). BKP JKWPKL&P telah diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) iaitu Dr. Cheng Lai Choo.

Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya merupakan pusat tanggungjawab perkhidmatan pergigian seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, yang terdiri daripada 5 Pejabat Kesihatan Pergigian (PKP) dengan jumlah keluasan 291.52 km persegi.

Berdasarkan laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sehingga suku pertama tahun 2021 adalah seramai 1,766,700 orang manakala anggaran penduduk di Putrajaya pula adalah seramai 114,900 orang.

Bahagian ini menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan pergigian kepada rakyat yang merangkumi seluruh golongan masyarakat seperti Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Primer, Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Kepakaran dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Pergigian (Promosi dan Masyarakat).

6.2 CAWANGAN – CAWANGAN BKP JKWPKL&P

Rajah 1: Cawangan-cawangan BKP JKWPKL&P




Terdapat tiga (3) cawangan di BKP JKWPKL&P yang terlibat dalam mentadbir dan mengurus perkhidmatan kesihatan pergigian seperti dalam Rajah 1.


6.3 VISI, MISI DAN DASAR KUALITI BKP JKWPKL&P

Visi, Misi dan Dasar Kualiti bagi BKP JKWPKL&P adalah seperti rajah 2 di sebelah.


6.4 TABURAN KLINIK PERGIGIAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA



Rajah 3: Peta Kuala Lumpur & Putrajaya serta Taburan Penduduk Mengikut Parlimen




Rajah 2: Visi, Misi dan Dasar Kualiti BKP JKWPKL&P



Rajah 4: Peta Kuala Lumpur & Putrajaya serta Taburan Penduduk mengikut Parlimen

CARTA ORGANISASI
BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA



6.5 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Kesihatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (BKP WPKL&P) terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pakar Pergigian dan Pegawai Pergigian), Kumpulan Aukiliari dan Paramedik Pergigian (Juruterapi Pergigian, Juruteknologi Pergigian, Pembantu Pembedahan Pergigian dan Pembantu Perawatan Pergigian) serta Kumpulan Sokongan (Penolong Akauntan, Pembantu Tadbir, Pembantu Operasi dan Pemandu Kenderaan). Sehingga 31 Disember 2021, terdapat 949 perjawatan untuk lantikan tetap. Sebanyak 887 (93.47%) pengisian perjawatan tetap dan 104 Pegawai Pergigian, 1 Juruteknologi Pergigian dan 17 Pembantu Pembedahan Pergigian perjawatan kontrak telah diisi sepanjang tahun 2021. Maklumat lanjut seperti Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Personel Pergigian di BKP JKWPKL&P Tahun 2017 – 2020

Tahun	2017			2018			2019			2020			2021		
Kategori Jawatan	P	I	K	P	I	K	P	I	K	P	I	K	P	I	K
Pegawai Pergigian/Pakar Pergigian	203	194	5	230	211	19	233	215	18	239	223	16	239	233	6
Pegawai Pergigian (Lantikan Kontrak)	0	81	0	0	116	0	0	149	0	0	157	0	0	142	0
Juruterapi Pergigian	143	140	3	143	138	5	143	130	13	146	139	7	146	135	11
Juruteknologi Pergigian	47	43	4	47	43	4	47	43	4	50	43	7	51	49	2
Juruteknologi Pergigian (Lantikan Kontrak)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0	2	0	0	2	0
Pembantu Pembedahan Pergigian	242	227	15	247	235	12	247	230	17	265	234	31	265	251	14
Pembantu Pembedahan Pergigian (Lantikan Kontrak)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0	9	0	0	27	0
Pembantu Perawatan Kesihatan	156	138	18	155	132	23	155	142	13	155	140	15	155	137	18
Setiausaha Pejabat / Pembantu Tadbir	53	43	10	47	37	10	47	68	9	46	44	2	48	42	6
Penolong Akauntan	-	-	-	6	6	0	6	6	0	7	7	0	6	6	0
Pembantu Operasi	2	2	0	2	2	0	2	2	0	2	2	0	2	2	0
Pemandu Kenderaan	36	31	5	36	30	6	36	29	7	37	32	5	37	32	5
Jumlah	908	843	65	913	833	80	916	835	81	947	864	83	949	1058	62

Petunjuk: P – Perjawatan; I – Isi; K – Kosong.

Sejak tahun 2017, telah menunjukkan tetap ada perkembangan / penambahan jumlah perjawatan dan pengisian Personel Pergigian walaupun permohonan jawatan baru masih belum boleh dimohon atau diluluskan dari peringkat atasan. Bagi memenuhi kehendak serta keperluan dari setiap fasiliti kesihatan bagi melancarkan penyampaian perkhidmatan Kesihatan Pergigian khususnya di WP Kuala Lumpur & Putrajaya.

6.6 PENGURUSAN KEWANGAN

Pada tahun 2021, sebanyak RM 72,320,355.85 peruntukan kewangan yang telah diterima. BKP JKPKWL&P telah membelanjakan sebanyak RM76,130,762.86 (106.14%). Keterangan lanjut pembelanjaan adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 2: Peruntukan dan Perbelanjaan 2021

Aktiviti	Kod Objek	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Perbelanjaan (%)
040100 (Pengurusan)	10000/20000	2,638,994.88	2,607,903.21	2,713,362.54	104.04 %
040200 (Pergigian Primer)	10000/20000	39,270,730.00	39,268,103.30	42,452,078.78	108.12%
040300 (Masyarakat)	10000/20000	2,229,400.00	2,209,965.08	2,224,203.67	100.64%
040400 (Kepakaran)	10000/20000	9,098,720.00	9,090,620.76	9,597,354.37	105.57%
Sumber Peruntukan Pembangunan					
00105 (Latihan)	20000	19,080.10	19,080.10	19,080.10	100%
00600 (Menaiktaraf kerja-kerja pembaikan)	20000	10,000.00	10,000.00	10,000.00	100%
01100 (MEET)	20000	3,192,420.26	3,166,268.73	3,166,268.73	99.18 %
01100 (Perolehan peralatan pasukan bergerak)	20000/35000	900,000.00	897,544.10	897,544.10	99.72%
01100 (Konsesi penswastan makmal ubat dan stor)	20000	756,700.00	756,641.71	756,641.71	99.99%
00203 OE ke DE perkhidmatan sokongan	20000	270,519.95	250,734.59	250,734.59	100%
01100 (OE ke DE perubatan fasiliti kesihatan)	20000	2,229,800.00	2,229,455.13	2,229,455.13	99.98%
Sumber Peruntukan Mengurus					
080900 (Perolehan Aset)	35000	50,940.00	50,940.00	50,940.00	100 %
010300 (Kewangan)	35000	14,320.00	14,320.00	14,320.00	100 %
060200 (Kejuruteraan dan kawal selia radiasi perubatan)	20000/35000	33,460.00	33,460.00	33,460.00	100 %
080200 (Emolumen kakitangan kontrak)	20000/40000	11,009,337.83	11,715,319.14	11,715,319.14	100 %
Jumlah		71,724,423.02	72,320,355.85	76,130,762.86	106.14%

Di dapati peningkatan peruntukan tahun 2021 sebanyak 3.94% (RM 2,740,337.53) berbanding tahun 2020 (RM 69,580,018.32). Secara keseluruhan, BKP JKPKWL&P telah membelanjakan 106.14% (RM 76,130,762.86) dari peruntukan yang diterima. Sasaran Kerja Tahunan TPKN (G) telah mencapai sasaran yang ditetapkan (100%).

6.7 PENGURUSAN FASILITI KESIHATAN PERGIGIAN


6.7.1 PENGENALAN

Penjagaan Kesihatan Pergigian kepada masyarakat diberikan melalui pelbagai jenis fasiliti pergigian yang terletak di klinik kesihatan, hospital, sekolah rendah dan sekolah menengah serta klinik pergigian *stand-alone*. Penjagaan Kesihatan Pergigian kepada murid sekolah dan masyarakat turut diberikan melalui Klinik Pergigian Bergerak dan Pasukan Pergigian Bergerak.


6.7.2 TABURAN FASILITI PERGIGIAN

Pada tahun 2021, terdapat 104 fasiliti pergigian yang telah dilengkapi dengan 378 unit pergigian di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (WPKL&P) berbanding dengan 376 unit pergigian pada tahun 2021. Perincian data fasiliti dan unit pergigian di WPKL&P adalah seperti berikut:


Rajah 6: Perbandingan Bilangan Fasiliti Tahun 2019 – 2021



Rajah 7: Perbandingan Bilangan Unit Pergigian Tahun 2019 – 2021



Rajah 8: Jumlah Fasilitas Pergigian & Unit Pergigian Mengikut Zon Tahun 2021



Jadual 3: Fasilitas dan Unit Pergigian Mengikut Zon Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Tahun 2020

Jenis Fasilitas	Lembah Pantai		Kepong		Titiwangsa		Cheras		Putrajaya	
	Bil Fasilitas	Bil Unit Pergigian	Bil Fasilitas	Bil Unit Pergigian	Bil Fasilitas	Bil Unit Pergigian	Bil Fasilitas	Bil Unit Pergigian	Bil Fasilitas	Bil Unit Pergigian
Klinik Pergigian <i>Stand-alone</i>	2	31	1	4	2	7	0	0	1	0
Klinik Pergigian Sekolah Rendah	19	20	12	16	15	15	7	6	0	0
Klinik Pergigian Sekolah Menengah	3	3	1	1	2	2	3	3	0	0
Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan	2	11	2	13	3	21	3	18	2	14
Klinik Pergigian UTC	1	2	1	2	0	0	0	0	0	0
Klinik Pergigian di Hospital	0	0	0	0	0	0	1	1	1	4
Klinik Pergigian di Institusi Lain	1	1	0	0	0	0	0	0	1	1*
Klinik Pergigian Bergerak	0	0	1	2	1	2	0	0	0	0
Pasukan Pergigian Bergerak (Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah)	1	28*	2	26*	3	40*	2	19*	2	16*
Pasukan Pergigian Bergerak Pra-sekolah	1	2*	1	2*	3	6*	1	2*	0	0
Jumlah	30	98	21	66	29	93	17	49	7	14

*Kerusi pergigian mudah alih

Isu dan Cabaran:

1. Penyediaan bilik rawatan bagi menjalankan rawatan *Aerosol Generating Procedure* (AGP). Bilik rawatan sedia ada untuk rawatan AGP adalah minimum dan tidak dapat menampung temujanji rawatan pergigian menyebabkan slot temujanji agak lama iaitu dalam tempoh 2-3 bulan. Buat sementara waktu, klinik telah membuat partition *Do-It-Yourself* (DIY) dengan menggunakan besi dan plastik. Namun, partition ini hanya

bersifat sementara dan memerlukan maintenance penggantian plastik sekiranya koyak.

2. Beberapa Klinik Pergigian yang memerlukan naiktaraf dan pembaikan kecil tetapi pada masa yang sama dijadualkan berpindah seperti KP Cahaya Suria dan KP Bangsar. Status pemindahan yang masih belum muktamad menyukarkan perancangan untuk KP yang berkenaan.

3. Terdapat projek tidak siap mengikut tarikh siap asal telah menyebabkan perancangan penjadualan perkhidmatan dan proses pemindahan menjadi sukar.
4. Kebanyakan klinik adalah bangunan lama dan perlu pendawaian dan perpaipan semula. Kekangan peruntukan ini menyukarkan kerja-kerja untuk menaiktaraf KP yang memerlukan.

6.7.3 Tindakan Penambahbaikan

Menaiktaraf klinik-klinik secara berperingkat melalui Projek BP00600 dan pembaikan kecil mengikut peruntukan yang telah diluluskan.

6.8 PENGURUSAN KENDERAAN

BKP JKWPKL&P mempunyai 34 buah kenderaan termasuk sebuah kereta jenis sedan yang disewa daripada SPANCO dan 32 orang pemandu. 13 buah kenderaan telah berusia lebih dari 10 tahun. Sehingga Januari – Disember tahun 2021, pada 2 September 2021, jabatan telah menerima 2 kenderaan yang baharu iaitu satu CAM KINGO bagi KP Kuala Lumpur dan satu CAM KINGO bagi KP Cheras. Sebuah kenderaan telah selesai dilupuskan melalui sebutharga pada 16 Ogos 2021 iaitu Toyota Hiace daripada KP Kampung Pandan. Secara keseluruhannya, pada akhir tahun 2021, bilangan kenderaan yang boleh berfungsi adalah sebanyak 34 buah. Permohonan untuk penggantian kenderaan akan dibuat secara berterusan pada tahun 2022.

6.8.1 Kos Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan BKP JKWPKL&P

Sebanyak RM 147,993.96 telah dibelanjakan untuk penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan pada tahun 2021 berbanding RM153,074.39 pada tahun

2020 iaitu pengurangan sebanyak 3.3% (RM5,053.43). Daripada jumlah tersebut, kos pembaikan adalah lebih tinggi iaitu RM82,886.27 (56.0%) berbanding dengan kos penyelenggaraan iaitu RM65,107.69 (44.0%). Penyelenggaraan telah dibuat semasa kenderaan dihantar untuk pembaikan (bila perlu). Kerosakan yang mungkin perlu dibaiki adalah seperti kerosakan penghawa dingin, *absorber*, *clutch system*, *brake*, *wiring*, *hydraulic seat*, *light box*, *hydrolic seat driver*, *side mirror*, *modified railing stair (trailer)*, bateri dan tayar.

6.8.2 Tindakan penambahbaikan

BKP JKWPKL&P akan mengusahakan permohonan penggantian bagi 7 buah kenderaan lagi yang telah dilupuskan sejak tahun 2012. Ini bagi memastikan perkhidmatan pergigian tidak terjejas. Senarai permohonan kenderaan bagi tahun 2022 telah dihantar kepada Unit Amalan & Perkembangan Kesihatan Pergigian pada 17 Januari 2022 untuk tindakan seterusnya.

6.9 KUALITI KESIHATAN PERGIGIAN

KPI atau Penetapan Petunjuk Prestasi digunakan bagi memastikan perkhidmatan yang diberi menepati keperluan pelanggan dan pihak berkepentingan kepada organisasi. Pemantauan prestasi perkhidmatan bagi BKP JKWPKL&P dibuat melalui indikator keberkesanan seperti berikut:

- i. Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
- ii. Objektif Kualiti (OK)

6.9.1 KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)

Jadual 4: Pencapaian KPI dari Tahun 2019 sehingga 2021

BIL	INDIKATOR	SASARAN 2021	PENCAPAIAN 2019	PENCAPAIAN 2020	PENCAPAIAN 2021
1	Peratus klinik pergigian yang menyediakan perkhidmatan pesakit luar setiap hari	≥84%	100%	100%	100%
2	Peratus klinik kesihatan (KK) yang mempunyai komponen fasiliti pergigian	≥60%	70.6%	70.6%	82.4%
3	Peratus liputan ibu mengandung	≥60%	60.2%	23.5%	44.0%
4	Peratus toddler dengan status maintaining <i>orally-fit</i> (berdasarkan kedatangan baru)	≥50%	KPI baru 2021	KPI baru 2021	83.1%
5	Peratus murid sekolah rendah dengan status <i>maintaining orally-fit</i> (kedatangan baru)	≥65%	69.4%	63.9%	59.5%
6	Peratus murid sekolah menengah dengan status <i>maintaining orally-fit</i> (kedatangan baru)	≥70%	82.1%	80.4%	68.4%
7	Peratus murid 6 tahun bebas karies gigi	≥41%	58.9%	55.3%	52.2%
8	Peratus murid 12 tahun bebas karies gigi	≥70%	86.1%	84.6%	81.1%
9	Peratus murid 16 tahun bebas karies gigi	≥61%	74.6	73.0%	76.1%
10	Peratus retensi selan fisur pada gigi yang telah diberi rawatan selan fisur (FS)	≥50%	KPI baru 2021	KPI baru 2021	62.3%
11	Peratus murid sekolah rendah yang dikenalpasti sebagai perokok semasa mempunyai quit date selepas intervensi program KOTAK	≥50%	79.7%	33.2%	0%
12	Peratus ibu mengandung mencapai status <i>orally fit</i>	≥33%	43.8%	35.1%	43.4%
13	Peratus pesakit berumur 60 tahun ke atas mendapat dentur dalam tempoh 8 minggu	≥50%	40.7%	37.6%	56.6%
14	<i>Percentage of failed restorations done under GA within 6 months</i>	<3%	KPI baru 2021	KPI baru 2021	0.8%
15	Peratus pesakit dengan rujukan baru yang menerima rundingan Pakar Pergigian Keperluan Khas dalam tempoh 6 minggu dari tarikh rujukan	>85%	KPI baru 2021	KPI baru 2021	83.3%
16	Peratus pesakit yang menunjukkan pengurangan kedalaman poket periodontal ≥50% selepas menerima rawatan selama 6 bulan	≥75%	KPI baru 2021	KPI baru 2021	87.2%
17	Peratus fasilitator iGG yang aktif	≥75%	KPI baru 2021	KPI baru 2021	89.1%
18	Peratus pesakit luar yang disaring untuk lesi mulut	≥37%	KPI baru 2021	KPI baru 2021	71.6%
19	Peratus anggota pergigian dilatih untuk membuat saringan dan intervensi berhenti merokok di sekolah	≥80%	KPI baru 2021	KPI baru 2021	93.0%
20	Peratus peralatan berat pergigian yang diperolehi pada tahun semasa selamat digunakan	100%	KPI baru 2021	KPI baru 2021	Data dikumpul terus oleh pemilik KPI di PKPKKM

21	Peratus peralatan New Biomedical Equipment (NBE) yang dibekalkan berfungsi dengan baik dan tidak menjejaskan kelancaran perkhidmatan	100%	KPI baru 2021	KPI baru 2021	Data dikumpul terus oleh pemilik KPI di PKPKKM
22	Peratus anggota kesihatan pergigian yang mengikuti kursus jangka pendek dan sederhana bermodul mengemukakan cadangan aplikasi pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi, kepada Program Kesihatan Pergigian KKM (PKP KKM) dalam tempoh sebulan selepas tamat kursus	100%	KPI baru 2021	KPI baru 2021	Data dikumpul terus oleh pemilik KPI di PKPKKM
23	Peratus cadangan aplikasi pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dari kursus jangka pendek dan sederhana bermodul dilaksanakan dalam perkhidmatan kesihatan pergigian	≥50%	KPI baru 2021	KPI baru 2021	Data dikumpul terus oleh pemilik KPI di PKPKKM
24	Peratus fasiliti pergigian KKM yang mencapai ≥ 80% pematuhan semasa audit keselamatan dan kesihatan bagi memastikan fasiliti yang diaudit berada di tahap optimum	≥64%	100%	50.0%	78.0%
25	Peratus klinik pergigian dengan pensijilan MS ISO 9001:2015	≥85%	100%	100%	100%
26	Peratus pemeriksaan pemantauan yang dijalankan ke atas Klinik Pergigian Swasta (KPS) yang dikenalpasti untuk memastikan kepatuhan kepada akta dan peraturan berkaitan bagi menjamin keselamatan dan kesihatan pesakit	≥95%	100%	100%	100%
27	Peratus pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan/ rawatan yang diterima	≥95%	98.9%	98.2%	98.8%
28	Pembudayaan Inovasi di Klinik Pergigian	≥80%	100%	100%	100%
29	Peratus aduan di mana pengadu berpuas hati dengan tindakan penyelesaian yang diambil	≥70%	KPI baru 2021	KPI baru 2021	88.9%

Berdasarkan jadual di atas, didapati KPI yang tidak tercapai adalah melibatkan perkhidmatan ibu mengandung, sekolah dan Kepakaran Pergigian Penjagaan Khas. Berikutan Pandemik COVID-19, prosedur operasi menjadi lebih ketat dan jumlah pesakit adalah terhad. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga menyebabkan kebanyakan lawatan ke KKIA tidak dapat dilaksanakan. Selain itu, kehadiran ibu mengandung ke klinik pergigian lawatan adalah rendah berbanding tahun sebelumnya. Bagi perkhidmatan sekolah pula, tiada lawatan ke sekolah dijalankan sehingga pertengahan tahun 2021. Kemudian, perkhidmatan sekolah telah dilaksanakan di klinik pergigian, namun kehadiran

murid adalah rendah. Bagi kepakaran pergigian penjagaan khas, sejak tahun 2020, SOP yang menetapkan *fellow time* telah menghadkan bilangan pesakit yang boleh dirawat sehari. Kebanyakan temujanji tergendala disebabkan *backlog* dari temujanji tahun 2020.

6.9.2 OBJEKTIF KUALITI (OK)

Objektif Kualiti bagi BKP JKWPCL&P mempunyai 12 indikator yang dipantau setiap enam (6) bulan sekali. Secara keseluruhan 91.7% (11/12) indikator telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Pencapaian keseluruhan OK dari tahun 2019 sehingga 2021 diringkaskan seperti di Jadual 5.

Jadual 5: Objektif Kualiti dan Pencapaian dari Tahun 2019 sehingga 2021

BIL.	INDIKATOR	PENCAPAIAN 2019	PENCAPAIAN 2020	PENCAPAIAN 2021
1	Memastikan sekurang-kurangnya 90% murid sekolah rendah berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberi	95.8%	98.6%	100%
2	Memastikan sekurang-kurangnya 90% murid sekolah menengah berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberi	96.5%	95.5%	94.9%
3	Memastikan sekurang-kurangnya 95% pihak sekolah berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberi	100%	100%	100%
4	Kepakaran Ortodontik Memastikan sekurang-kurangnya 90% pesakit yang dirujuk mendapat temujanji untuk perundingan dalam masa 3 bulan	99.8%	98.7%	99.6%
5	Kepakaran Periodontik Memastikan sekurang-kurangnya 63% pesakit yang dirujuk mendapat temujanji pertama dalam tempoh 4 minggu selepas dirujuk	38.9%	49.3%	58.2%
6	Kepakaran Restoratif Memastikan sekurang-kurangnya 70% pesakit menerima temujanji konsultasi dalam tempoh 2 bulan selepas klinik menerima rujukan	93.7%	78.6%	84.6%
7	Memastikan sekurang-kurangnya 80% pelanggan dalaman berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak pengurusan Pejabat TPKN(G) & Putrajaya	93.8%	86.6%	96.8%
8	Memastikan aduan awam yang diterima sama ada secara lisan / melalui telefon/akhbar/surat diambil tindakan dalam tempoh 15 hari bekerja (100%) (Aduan Biasa)	89.7%	95.2%	100%
9	Memastikan KEW PS-3 dikemaskini (100%)	100%	100%	100%
10	Pembekalan bahan pergigian kepada stor unit dalam tempoh 3 bulan (60%)	74.7%	95.6%	93.7%
11	Memastikan semua buku perkhidmatan dikemaskini sekurang-kurangnya sekali dalam setahun (100%)	82.9%	86.3%	100%
12	Memastikan bil-bil dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaannya - 100%	100%	99.9%	100%

OK berkaitan Kepakaran Periodontik tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu untuk memastikan 63% pesakit yang dirujuk diberi temujanji dalam tempoh 4 minggu berikutan banyak temujanji yang telah tertangguh disebabkan oleh pandemik COVID-19. Kini, Kepakaran Periodontik sedang di dalam usaha bagi memanggil semula kes-kes yang tertangguh ini.

OK ini dibentang dan dibincangkan semula semasa Mesyuarat Pencapaian BKP JKWPCL&P dimana status pemantauan OK berkaitan ditentukan untuk diteruskan pemantauan atau ditukar. Semasa mesyuarat berkaitan juga, sasaran OK diputuskan

samaada dikekalkan atau dinaikkan, itu bergantung kepada pencapaian semasa.

6.9.3 KESIMPULAN

Pandemik COVID-19 memberi impak kepada perkhidmatan pergigian terutamanya perkhidmatan sekolah, program ibu mengandung dan juga program lain yang melibatkan interaksi antara pesakit dan perawat. BKP JKWPCL&P akan terus komited membuat tindakan penambahbaikan berterusan seperti menambahbaik fasiliti pergigian, latihan kepada anggota untuk memastikan pelanggan terus mendapat perkhidmatan pergigian yang berkualiti mengikut norma baharu dalam keadaan selamat kepada anggota dan juga pesakit.


6.10 AUDIT DALAMAN

Audit dalaman merupakan salah satu komponen wajib (Klausu 9.2 MS ISO 9001:2015) yang perlu dilaksanakan bagi menilai keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang dijalankan di peringkat organisasi sejajar dengan keperluan pensijilan MS ISO 9001: 2015 oleh pihak badan pensijilan kualiti iaitu SIRIM.

Pada tahun 2021, audit dalaman dijalankan secara virtual memandangkan negara sedang berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara kerana pandemik COVID-19. Laporan Ketakakuran (*Non-conformity Report-NCR*) dikeluarkan bagi penemuan yang didapati tidak akur kepada keperluan pengurusan dan perkhidmatan dan Laporan Penambahbaikan (*Opportunity for Improvement-OFI*) diberikan bagi penemuan yang boleh ditambahbaik untuk kelancaran perkhidmatan pergigian.

6.10.1 PENCAPAIAN

Rajah 9: Carta Palang Tren Penemuan Audit NCR/OFI dari Tahun 2017 Sehingga Tahun 2021



Sebanyak 68 laporan NCR dan 28 laporan OFI telah dikeluarkan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak 132 laporan NCR dan 30 laporan OFI. Didapati terdapat pengurangan kepada bilangan kumulatif NCR dan OFI secara keseluruhan. Secara keseluruhan penemuan audit dalaman mendapati kepatuhan kepada pelaksanaan SPK oleh semua klinik pergigian adalah baik dan memuaskan.

dan 'Fokus terhadap Pelanggan' ke dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK). Skop SPK juga merangkumi konteks luaran dan dalaman serta keperluan dan jangkaan pihak berkepentingan. Pada 22 hingga 24 September 2021, Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 telah dilaksanakan oleh pihak SIRIM walaupun berada dalam situasi Pandemik COVID-19 dan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang tidak menentu. BKP JKWPKL&P telah berjaya mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2015.

6.10.2 MS ISO 9001:2015

MS ISO 9001:2015 merupakan *standard* terkini ISO yang memperkenalkan 'Pemikiran Berdasarkan Risiko'

6.10.3 EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Antara inisiatif menjayakan amalan EKSA pada tahun 2021 adalah gotong royong secara berkala dan menjalankan audit sendiri dan audit silang. Perincian adalah seperti di jadual di bawah:

Jadual 6: Aktiviti EKSA BKP JKWPKL&P tahun 2021

Bil.	Aktiviti	Tarikh Pelaksanaan
1	Gotong Royong	18 & 19 Mac, 19 & 25 November 2021
2	Audit Kendiri Audit Silang	23 Mac 2021 23 Jun 2021
3	Taklimat Pengenalan Zon	Di jalankan di peringkat zon

6.10.4 JAWATANKUASA AUDIT (JK AUDIT)

Bahagian Kesihatan Pergigian telah diberi tanggungjawab mengetuai JK Audit EKSA di JKWPPL&P sejak tahun 2017. JK ini dinaungi oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) sendiri. Tanggungjawab Bahagian sebagai JK Audit adalah seperti berikut:

1. Menyediakan kriteria senarai semak proses audit dan garis panduan pelaksanaan audit
2. Melantik juruaudit dalaman EKSA
3. Merancangan dan menentukan kekerapan aktiviti audit dalaman EKSA
4. Mencadangkan penambahbaikan terhadap kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti semasa proses audit
5. Melakukan pemeriksaan dan tindakan susulan jika perlu
6. Menyediakan laporan keseluruhan audit kepada Jawatankuasa Pemandu Amalan EKSA KKM
7. Menggunakan kriteria audit EKSA yang disediakan oleh MAMPU
8. Menyemak kriteria audit dari masa ke masa mengikut keperluan

6.10.5 PENCAPAIAN EKSA 2021

Dua (2) Audit Dalaman EKSA iaitu Kendiri dan Silang telah dijalankan sebelum permohonan untuk Audit Luaran EKSA oleh IPKKM. Pencapaian bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Jadual 7: Pencapaian Audit Dalaman EKSA 2021 JKPKWL&P

NAMA ZON	TARIKH	MARKAH AUDIT KENDIRI EKSA (%)	TARIKH	MARKAH AUDIT SILANG EKSA (%)
ZON PENGURUSAN	25-26/3/2021	86.28	24/6/2021	90.83
ZON PERUBATAN	29/3/2021	96.89	28/6/2021	89.88
ZON PERGIGIAN	23/3/2021	89.68	23/6/2021	92.89
ZON FARMASI	23/3/2021	94.76	16/6/2021	94.09
ZON KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN	20/4/2021	90.29	28/6/2021	91.43
ZON KESIHATAN AWAM	20/4/2021	87.20	24/6/2021	90.24

Secara purata JKWPPL&P mendapat 90.85 % untuk Audit Kendiri EKSA dan meningkat kepada 91.56% semasa Audit Silang EKSA. Kedua-dua laporan audit ini telah dihantar ke IPKKM pada 28 September 2021 bagi tujuan Pensijilan EKSA Do-It Yourself (DIY) bagi Jabatan/Agensi di bawah seliaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pada 2 Disember 2021, pihak IPKKM telah ke JKWPPL&P dengan kehadiran enam (6) orang auditor EKSA iaitu Pn. Noreena Anak Kimi, Cik Aainaa Balqis binti Mohamad Rizal Haddi, En. Norazri bin Abd Wahid, Pn. Siti Syairah Aqilah binti Mohd Sendek, Puan Nor Rafidah binti Salehuddin dan diketuai oleh Pn. Nazriah binti Mat Ali. Jabatan ini telah memperoleh 96.64% iaitu Pengiktirafan Cemerlang EKSA.


6.6 PERKEMBANGAN PROFESION KESIHATAN PERGIGIAN

PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN PENGURUSAN LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN PENGENALAN

Latihan dalam perkhidmatan melibatkan semua anggota BKP JKWPPL&P. Ia merangkumi latihan peringkat dalaman yang dianjurkan di peringkat klinik pergigian dan latihan luaran yang dianjurkan oleh

Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian). Latihan ini bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan, pengalaman dan kemahiran secara berterusan kepada semua anggota agar sentiasa memberikan perkhidmatan yang cekap, profesional dan terbaik kepada pelanggan. Pencapaian BKP JKWPPL&P seperti rajah di bawah.


Rajah 10: Pencapaian Pencapaian Pembangunan Modal Insan di Bahagian Kesihatan Pergigian, JKWPKL&P pada tahun 2021

**TRENDING/STATUS**

Pencapaian Keseluruhan Prestasi Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) bagi tahun 2019 sehingga 2021 telah menunjukkan sedikit penurunan pada tahun 2021 berbanding tahun 2019 bagi Kumpulan Sokongan serta Pengurusan dan Profesional seperti di Rajah 11. Ini disebabkan oleh pergerakan/pertukaran

anggota keluar dan masuk bagi BKP JKWPKL&P yang agak kerap menyebabkan kesukaran bagi pemantauan pencapaian 100% bagi 2 kategori kumpulan perkhidmatan tersebut. Walau bagaimanapun, semua kumpulan perkhidmatan BKP JKWPKL&P telah mencapai prestasi latihan sebanyak 100% bagi tiga (3) hari atau lebih (100%).

Rajah 11: Perbandingan Pencapaian Keseluruhan Prestasi Latihan Dalam Perkhidmatan Tahun 2019- 2021



Sebanyak RM 24,080.00 telah diterima bagi tahun 2021. Namun jumlah yang dibelanjakan adalah RM19,080.10 (79.2%) berbaki RM 4999.90 (20.8%). Kemudian peruntukan tersebut telah ditarik semula bagi pengurusan kawalan Pandemik Covid-19.

Bilangan latihan dalaman yang dianjurkan telah menunjukkan trend menurun dari tahun 2019 seperti

Jadual 8 di bawah. Hal ini kerana kekangan peruntukan serta kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan sejak bulan Mac 2020. Namun, terdapat sedikit peningkatan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020, yang mana cara penyampaian latihan telah berubah kepada atas talian/maya.

Jadual 8: Ringkasan Laporan Latihan Dalam Perkhidmatan Tahun 2019

Latihan yang Telah Dilaksanakan	Bilangan Latihan		
	Tahun 2019	Tahun 2020	Tahun 2021
Latihan Dalam (A)	48	22	26
Latihan Luaran (B)	4	-	-
Jumlah Latihan (A+B)	52	22	26

KESIMPULAN

Penggalakan pelaksanaan Latihan Dalam Perkhidmatan secara atas talian memudahcara penyampaian latihan kepada semua anggota Bahagian. Pelaksanaan tersebut bukan sahaja dapat diakses di mana-mana malah kapasiti anggota yang terlibat adalah tidak terhad. Liputan penyampaian

latihan seperti ini dapat merangkumi semua anggota terutamanya NDOP. Hal ini kerana pencapaian markah actual MyCPD *point* Tahun 2 adalah kriteria dalam penilaian pelantikan tetap Pegawai Pergigian Gred UG41 lantikan kontrak selain daripada melengkapkan buku log NDOP.

6.7 EPIDEMIOLOGI DAN PENYELIDIKAN KESIHATAN PERGIGIAN PENGENALAN

Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) yang merupakan pelan jangka sederhana dengan objektif 'Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan', dan merupakan permulaan kepada fasa baharu dalam hala tuju pembangunan negara – Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). Di dalam RMKe-12 menyatakan Pemacu Perubahan ke V dengan memperkukuhkan sistem penjagaan kesihatan bagi memastikan negara yang sihat dan produktif. Pandemik COVID-19 membuktikan pentingnya negara mempunyai sektor penjagaan

kesihatan yang kukuh dan terdapat keperluan untuk menggunakan pendekatan keseluruhan negara bagi memastikan pengurusan wabak dan krisis kesihatan yang lebih baik pada masa hadapan. Iktibar daripada pengurusan pandemic COVID-19 akan dimanfaatkan bagi memperkukuh perkhidmatan penjagaan kesihatan. Epidemiologi dan Penyelidikan Kesihatan Pergigian merupakan salah satu strategi bagi memperkukuhkan sistem penjagaan kesihatan dengan menjalankan kajian yang berkualiti bagi memperkasakan lagi 'Healthcare Delivery System'.

KEPUTUSAN DATA

Jadual 9 menunjukkan pencapaian Penyelidikan Kesihatan Pergigian untuk 3 tahun berturut-turut dari tahun 2018 sehingga 2021.

Jadual 9: Pencapaian Tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021

Tahun	Pencapaian			
	2018	2019	2020	2021
1. Pemantauan dan Penilaian: Pencapaian KKM				
a) Number of active research project per year: 3	14	17	19	22
b) <i>Presentation</i> oral / poster: 3	16	7	0	5
c) Publication: 1	3	9	5	10
2. CDE Kelab Jurnal	100% (N=3)	100% (N=3)	33% (N=1)	100% (N=3)
3. Seminar / Latihan / Bengkel	7	8	6	6
4. Mesyuarat AJK HSR	3	3	2	3
5. Hari Kaji Selidik/ Bengkel Kaji Selidik	1	1	1	2
4. Kolaborasi bersama agensi lain	3	3	4	4

Pemantauan dan penilaian dijalankan secara berkala setiap tahun oleh Penyelaras yang dilantik oleh negeri. Jadual 10 menunjukkan pemantauan projek *Health System Research (HSR)* di WP Kuala Lumpur & Putrajaya Tahun 2021.

Jadual 10: Pemantauan Projek *Health System Research (HSR)* di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya Tahun 2021

No	Nama kajian	PI	NMMR ID	MREC
KEPAKARAN PERGIGIAN KESIHATAN AWAM (8)				
1	Comparing of Knowledge, Attitude, and Practice towards Needle Stick and Sharp Injuries (NSSI) among Dental Officers (DOs) and New Dental Officers (NDOs) in Federal Territory of Kuala Lumpur & Putrajaya	Dr Siti Zuriana MZ	NMRR-19-4168-47924	MREC:KKM/NIHSEC/P20-2214 (4) - 9/11/20
2	Oral Health Related Quality of Life (OHRQoL) in Cheras Young Adults: A Pilot Study	Datin Dr Zaliza Zain	NMRR-19-1221-47919	17/7/19
3	Barriers to Utilisation of Ministry of Health (MOH) Antenatal Dental Service (ADS) in Federal Territory of Kuala Lumpur and Putrajaya	Dr Nurul Iman Mohd Nor	NMRR-19-47923	28/01/20
4	Stress Among Dental Surgery Assistants in Federal Territory of Kuala Lumpur and Putrajaya	Dr Hafizah	NMRR-19-1788-47921	MREC:KKM/NIHSEC/P19-2463 (6) 3/12/2019
5	Reasons for Smoking among Government Secondary School Students in Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Dr Siti Zuriana MZ	NMRR-20-1747-55926	MREC:KKM/NIHSEC/P20-1760 (10) 9/9/2020
6	Knowledge and Challenges of Implementation Basic Periodontal Examination (BPE) Among Adult Patients In Government Primary Oral Healthcare Setting In Federal Territory Of Kuala Lumpur And Putrajaya	Dr Nurul Iwanie Ibnu	NMRR-19-4079-47922	MREC:KKM/NIHSEC/P20-1546 (4) 21/09/20
7	Social Media Impacts On Patients' Awareness Towards Oral Health	Dr Norhazimah Khairuddin	NMRR-19-4198-51310	-
8	Future Role and Career Pathway of Dental Therapists in Malaysia	Dr Siti Zuriana MZ	NMRR-21-1170-60023	MREC:KKM/ NIHSEC/ P21-1213 (3) 13/07/2021
KEPAKARAN PERGIGIAN RESTORATIF (3)				
1	Achieving NOHP goal of 20 functional teeth among Malaysian: comparing OHRQoL of patients with RCT versus tooth extraction.	Dr Balkis bt Ghazali	NMRR-17-3485-37374	KKM /NIHSEC / P19-1867 (8)
2	Awareness, Perception, and Satisfaction on Endodontic Treatment among Patients in Primary Dental Clinics in Zon Kepong	Dr Intan Azimah	NMRR-19-5475-47920	MREC:KKM/NIHSEC/P19-1712 23/10/20

3	Decision Making in Composite Cuspal Coverage Restoration for Posterior Endodontically Treated Teeth (ETT) and Vital Teeth (VT) among Dental Officers in Primary Oral Healthcare within Federal Territory of Kuala Lumpur & Putrajaya	Dr Liyana Mohd Subri		
---	--	----------------------	--	--

KEPAKARAN PERGIGIAN PERIODONTIK (1)

1	Patients Knowledge and Awareness on the Potential Risk of COVID-19 Transmission during Dental Procedures and Impact of Movement Control Order (MCO) ON Patients Oral Hygiene Practices and Periodontal Health	Dr Sharifah Maznah	NMRR-21-261-58546	MREC:KKM/NIH/P21-442 (4) 6/04/21
---	---	--------------------	-------------------	-------------------------------------

KEPAKARAN PERGIGIAN ORTODONTIK (8)

1	Impact of Orthodontic Treatment on the Oral Health Related Quality of Life of Adolescents	Dr. M.Zambri M.Makhbul	NMRR-16-866-30029	6/6/2016
2	Assessing the Validity of the Socio-Dental Model to assess Orthodontic Treatment Need for the Malaysian	Dr M.Zambri M.Makhbul	NMRR-16-896-30028	13/7/16
3	The Effectiveness of the Forsus Fatigue Resistance Device versus the Twin Block Appliance in Treating Class	Dr Prethiba	-	-
4	The Influence of Communication after Placement of Orthodontic Fixed Appliance on Pain, Anxiety and Oral Health Quality of Life among Malaysian Population	Dr Nina Baizura Dr M.Zambri M.Makhbul	NMRR-19-4117-51929 (IIR)	MREC: KKM/NIHSEC/P20-1533 (10)
5	Prevalence And Risks Associated With Sleep Disordered Breathing Among Young Malaysian Patients Seeking Orthodontic Treatment	Dr M.Zambri M.Makhbul Dr Prethiba	NMRR-20-924-54958	MREC: KKM/NIHSEC/P20-1190(4)
6	A Retrospective Cephalometric Study On The Effects Of Twin Block Functional Orthodontic Treatment In Malaysian Adolescents	Dr M.Zambri M.Makhbul	NMRR-18-4001-41011 (IIR)	MREC : KKM/NIHSEC/ P20-1038(6)
7	Competency of Dental Officers in Using the Dental Health Component of the Index Treatment Need for Orthodontic Referrals in Federal Territory of Kuala Lumpur and Putrajaya	Dr Leong Yoke Ling	NMRR-20-3040-57033	08/03/21
8	Knowledge, Attitude and Practice of Orthodontic Patients Towards Orthodontic Treatment		NMRR-20-3037-56908 (IIR)	19/03/21

KEPAKARAN MAXILLOFACIAL (2)

1	Incidence of Distal Cervical Caries in Mandibular Second Molar due to Impacted Third Molar: A Case-control Study	Dr Shobina Sivanganam	NMRR-18-3171-42704	-
---	--	-----------------------	--------------------	---

2	Evaluating Peri-operative Effect of Music Listening on Anxiety Level in Patient Undergoing Surgical Removal of Impacted Lower Third Molar Under Local Anaesthesia	Dr Kamal	NMRR-18-769-39884	-
---	---	----------	-------------------	---

Pada tahun 2021, sebanyak 5 kajian yang telah dibentangkan di platform konferens di dalam negara. Sebanyak 4 pembentangan telah dibentangkan secara lisan dan 1 pembentangan secara poster. Jadual 11 memaparkan pembentangan kajian bagi tahun 2021.

Jadual 11: Pemantauan Pembentangan Oral / Poster di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya Tahun 2021

No	Nama Kajian	Oral/ Poster	PI	Program/ aktiviti
1	Impact of Oral Health on Quality of Life (QoL) of Toddler and Their Families	Oral	Dr Siti Zuriana MZ	2nd International Conference on Public Health and Well Being, 20 – 21 Januari 2021
2	Incidence of Distal Cervical Caries in Mandibular Second Molar due to Impacted Third Molar	Oral	Dr Mohd Hazwan	Malaysian Association of Oral Maxillofacial Surgeons Annual Scientific Meeting 2021, 19 Mac 2021
3	Impact of Oral Health Promotion and Prevention on the Oral Health Status and Quality of Life among Toddlers in Malaysia	Oral	Dr Siti Zuriana MZ	22nd NIH Scientific Conference, 21 September 2021
4	Evolution in Technology: Innovation of Toothbrushing Training among Schoolchildren	Oral	Dr Siti Zuriana MZ	8th USIM National Health Seminar 2021, 7 October 2021
5	Stress Among Dental Surgery Assistants in Federal Territory of Kuala Lumpur and Putrajaya	Poster	Dr Lydia Mason	22nd NIH Scientific Conference 2021, 21-23 September 2021

Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya sentiasa menggalakkan warga pergigiannya untuk menerbitkan hasil kaji selidik yang telah selesai mahupun artikel yang berkaitan pergigian. Namun sebarang artikel yang ditulis perlu mendapat kelulusan Ahli Jawatankuasa dari Program Kesihatan Pergigian KKM. Jadual 12 menunjukkan pemantauan penerbitan di WP Kuala Lumpur & Putrajaya Tahun 2021.

Jadual 12: Pemantauan Penerbitan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya Tahun 2021

Bil	Tajuk	Penulis	Jurnal	Peer reviewed (Yes/No)
1	Mengapa hari-hari berus gigi tetapi ada banyak karang gigi	Dr Mazwin binti Mazlan	Buletin Oral Health Promotion PKP KKM	No
2	Peranan ibu bapa apabila gigi anak tercabut	Dr Mazwin binti Mazlan	Medical Mythbusters Malaysia	No
3	Kalau bekas tempat cabut gigi berdarah semula selepas pulang ke rumah apa yang perlu dilakukan?	Dr Mazwin binti Mazlan	Medical Mythbusters Malaysia	No
4	Kenapa tidak boleh berkumur selepas cabutan gigi dilakukan?	Dr Mazwin binti Mazlan	Medical Mythbusters Malaysia	No
5	Doktor gigi menggantikan nikmat yang hilang	Dr Mazwin binti Mazlan	Medical Mythbusters Malaysia	No


6	Doktor, saya takut jarum	Dr Mazwin binti Mazlan	Medical Mythbusters Malaysia	No
7	Gigi sebutir Mutiara	Dr Mazwin binti Mazlan	Medical Mythbusters Malaysia	No
8	Impact of Oral Health Promotion and Prevention on the Oral Health Status and Quality of Life among Toddlers in Malaysia	Dr Siti Zuriana MZ	Journal of Health Management (Supplement: September 2021)	No
9	Evolution in Technology: Innovation of Tooth Brushing Training among Schoolchildren	Dr Siti Zuriana MZ	Malaysian Journal of Public Health Medicine (NHS 2021)	No
10	Assessing the Validity of the Socio-Dental Model to assess Orthodontic Treatment Need for the Malaysian Adolescent	Dr M.Zambri M.Makhbul	Journal of Oral Facial Orthopaedic	No

KESIMPULAN

Pencapaian bagi HSR untuk tahun 2021 adalah amat membanggakan kerana hasil kerjasama yang jitu dari anggota pergigian bersama AJK HSR bagi memastikan sasaran tercapai. Beberapa perancangan latihan berkaitan kajian pada tahun 2021 telah berjaya dilaksanakan. Kursus/latihan tersebut adalah introduction to Clinical Research, What makes a good research topic?, empowering qualitative research, GCP, questionnaire development & validation, dan kursus Proposal Research kepada semua Pegawai Pergigian Kontrak dan penyelia. Fokus menjalankan kajian ini juga ditekankan kepada pegawai pergigian kontrak bagi memastikan mereka mampu berdaya saing dengan pegawai pergigian kontrak dari negeri lain serta bagi memberikan mereka pendedahan yang sewajarnya.

6.8 KEPAKARAN KESIHATAN PERGIGIAN

Rajah 12: Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Kepakaran



BKP JKWPCL&P mempunyai enam (6) Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Kepakaran iaitu Bedah Mulut dan Maksilofasial, Ortodontik, Periodontik, Pergigian Restoratif, Pergigian Penjagaan Khas, Kesihatan Awam. Perkhidmatan Kepakaran ini berada di klinik pergigian atau hospital. Keterangan lanjut seperti jadual di bawah:

Jadual 13: Perkhidmatan Kepakaran Pergigian BKP JKWPCL&P

Jenis Kepakaran	Bedah Mulut dan Maksilofasial	Ortodontik	Periodontik	Pergigian Restoratif	Pergigian Penjagaan Khas	Kesihatan Awam
Lokasi	Jabatan Bedah Mulut Hospital Putrajaya (JBM HPj)	1. KP Cahaya Suria 2. KP Bangsar 3. KP Dato' Keramat 4. KP Putrajaya Presint 18 5. KP Kuala Lumpur	1. KP Cahaya Suria 2. KP Cheras 3. KP Batu Muda 4. KP Kuala Lumpur 5. KP Putrajaya Presint 18	1. KP Cahaya Suria 2. KP Jinjang 3. KP Tanglin 4. KP Cheras 5. KP Putrajaya Presint 9 6. KP Putrajaya Presint 18 7. KP Kuala Lumpur	Unit Pergigian Penjagaan Khas, Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC)	Unit Pakar Pergigian Kesihatan Awam yang dirancang akan siap pada tahun 2023.
Jumlah Pakar	2 orang: 1. Dr Norhayati binti Omar 2. Dr Fadzira Binti Maarof	9 orang: 1. Dr Arjunan A/IL Muthusamy 2. Dr Fatimah bt Abdullah 3. Dr Nina Baizura bt Abdul Aziz 4. Dr Mohd Zambri bin Mohamed Makhbul 5. Dr Prethiba a/p Yugaraj 6. Dr Emy Haniza Zuriani bt Mamat Ariffin 7. Dr Nora Rizka bt Mohamad 8. Dr Hajar Hidayah bt Rosdan 9. Dr Wan Salbiah bt Wan Abdul Razak	10 orang: 1. Dr Chan Yoong Kian 2. Dr Izrawatie Mardiana bt Shapeen 3. Dr Izni Iwani bt Majid 4. Dr Renukanth a/l P.Cheta Raman 5. Dr Sharifah Maznah bt Wan Mohammed 6. Dr Ainul Haliza bt Ab Malek 7. Dr Poonitha a/p Gengatharan 8. Dr Tan Wan Jiun 9. Dr Dzulqarnain b Ahmad 10. Dr Mohd Salman b Masri	8 orang: 1. Dr Roshima Mohd Sharif 2. Dr Rohani Mahmood 3. Dr Kamarul Hisham Kamarudin 4. Dr Balkis Ghazali 5. Dr Ithnaniah Abdul Wahab 6. Dr Aswani Che Ahmad 7. Dr Intan Azimah Azman 8. Dr Muhammad Firdaus Mat Saad	1 orang: 1. Dr. Wan Syasliza binti Mohamed Thani	3 orang: 1. Dr. Cheng Lai Choo 2. Dr. Azura binti Abdullah 3. Dr Siti Kamilah binti Mohamad Kasim

Jumlah Kedatangan Pesakit	Pesakit Dalam: 664 orang Pesakit Luar: 5469 orang Jumlah: 6133 orang	Baru: 4626 orang Ulangan: 14739 orang Jumlah: 19365 orang	Baru: 1569 orang Ulangan: 3058 orang Jumlah: 4627 orang	Baru: 1785 orang Ulangan: 3092 orang Jumlah: 4877 orang	Baru: 258 orang Ulangan: 415 orang Jumlah: 673 orang	Tiada
Jenis Prosedur	Pembedahan Dentoalveolar/ MOS = 648 kes Trauma i. Rawatan kecederaan tulang = 72 kes ii. Rawatan kecederaan tisu lembut & rawatan kecederaan gigi = 323 kes Restoratif / Preventif = 4470 kes Pengambilan Radiograf Luar Mulut (Conebeam) = 1338 kes	Pesakit yang mempunyai “Indeks of Orthodontic Need” (Keperluan Rawatan Ortodontik) (IOTN) yang tinggi iaitu IOTN 4 dan 5 diterima untuk rawatan. Keutamaan diberikan kepada pesakit yang memerlukan rawatan pintasan, modifikasi kepada tumbesaran tulang rahang dan kes-kes kecederaan kepada pergigian (dental trauma). Pesakit yang tidak memerlukan rawatan segera akan dimasukkan ke dalam senarai menunggu.	Kes Perundingan = 4625 kes Penskaleran = 2714 kes Pendebridmen Subgingiva = 1961 kes Kes fasa pengekalan = 250 kes Kes Selesai = 281 kes	Jenis-jenis kes: i. Prostodontik tetap dan boleh tanggal yang kompleks - konvensional dan/atau implant pergigian ii. Prosthesis untuk maksilifasial iii. Endodontik yang kompleks (mikroskopik) - konvensional dan pembedahan, termasuk kes ulangan iv. Kecacatan kongenital/diperoleh (craniofacial) seperti rekahan lelangit, bibit, hypodontia dan lain-lain	Rawatan pergigian asas seperti Restorasi, Cabutan, Penskaloran dan Pembuatan Dentur bagi pesakit di HRC seperti kategori berikut: i. Masalah perubatan kompleks ii. Ketidakupayaan intelektual atau pertumbuhan pada tahap sederhana atau teruk iii. Ketidakupayaan fizikal yang menghadkan pergerakan iv. Ketidakupayaan dari segi psikologi dan psikiatri yang memberi impak kepada kebersihan mulut	Pencegahan klinikal: Aplikasi Fluoride Varnish, Tooth Mousse, Preventive Resin Restoration, Aplikasi Fluoride Sealant Modifikasi tingkah laku: Kaunseling, Mouth Screening Examination, Cara Pemakanan Nutrisi, Penjagaan Kendiri Kesihatan Pergigian Pusat latihan amali: Selaras dengan Program Latihan, Bahagian Pengurusan Latihan, Latihan sangkutan pelajar ijazah jurusan pergigian dan sarjana jurusan kepakaran pergigian, Pusat Gazettment kepada Pakar yang diwartakan Pusat Penyelidikan: Pusat peneraju inisiatif Epidemiologi dan

						Penyelidikan Kesihatan
--	--	--	--	--	--	---------------------------

GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI



FB Live KLFM sembang KL: *Mouth Cancer Awareness*

MINGGU PROMOSI
KESIHATAN PERGIGIAN
DAERAH PUTRAJAYA
15-19 Mac 2021

UNIT PERIODONTIK




Unit pakar pergigian restoratif turut terlibat di dalam Program Oral Cancer Awareness peringkat



CDE: Basic rubber dam isolation and hands-on peringkat Zon Putrajaya

6.9 PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER

Rajah 12: Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Primer



6.9.1 PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN TODDLER

Program ini merangkumi semua kanak-kanak berumur 0 hingga 4 tahun yang mendapat perkhidmatan di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) dan di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Antara aktiviti yang dijalankan adalah:

- Menjalankan pemeriksaan mulut sepiantas lalu (Lift the Lip Method)

6.9.2 PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN PRA SEKOLAH

Program ini mensasarkan kanak-kanak yang berumur 5 dan 6 tahun yang berada di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TADIK) atau Pra-Sekolah. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah:

- Menjalankan rawatan FV setiap 6 bulan selama 2 tahun
- Memantau keberkesanan rawatan FV selepas rawatan FV kali ketiga dan keempat
- Aktiviti pendidikan kesihatan pergigian seperti memberi nasihat kesihatan pergigian kepada ibu bapa dan penjaga, Hari Kesihatan Pergigian Toddlers di KKIA, aktiviti promosi di TASKA (Good Practice Award)

6.9.3 PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN SEKOLAH

Program ini mensasarkan kepada semua murid tahun 1 hingga tingkatan 5 yang bersekolah di sekolah kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pencapaian bagi Program Perkhidmatan Pergigian Sekolah adalah seperti dibawah:

- Memberi ceramah, Latihan Memberus Gigi (LMG), bercerita dan pertunjukan boneka kepada murid
- Memberi rawatan kepada murid yang memerlukan rawatan menggunakan teknik ART

Jadual 14: Pencapaian dari tahun 2019 hingga 2021

Perkara	Kategori	2019	2020	2021
Bilangan	Sekolah Rendah	209	211	210
	Sekolah Menengah	109	109	109
Enrolmen	Sekolah Rendah	150464	151590	159490
	Sekolah Menengah	91368	93545	92723
Kedatangan Baru	Sekolah Rendah	150221	59822	8597
	Sekolah Menengah	90114	43315	1998
% Liputan Pelajar	Sekolah Rendah	99.8	31.5	5.4
	Sekolah Menengah	98.6	41.8	2.15
% TPR	Sekolah Rendah	69.4	63.9	59.5
	Sekolah Menengah	82.1	80.4	68.4
X+M/100	Pelajar 12 Tahun	0.9	1.3	1.9
	Pelajar 16 Tahun	4.2	5.28	3.24
DMFX	Pelajar 12 Tahun	0.23	0.24	0.33
	Pelajar 16 Tahun	0.52	0.58	0.50
% MBG	Sek Rendah	88.2	86.6	82.2
	Sek Menengah	84.0	83.2	72.7

Secara keseluruhannya, pencapaian tahun 2021 sedikit menurun berbanding tahun 2020 bagi peratus pelajar sekolah yang tidak memerlukan rawatan (TPR) dan peratus pelajar yang bebas gingivitis (MBG). Manakala Indeks Kehilangan Gigi Kekal (X+M/100) pula menunjukkan peningkatan di kalangan pelajar sekolah rendah. Keadaan ini menunjukkan Status Kesihatan Mulut murid adalah menurun berbanding tahun sebelumnya. Oleh yang demikian, program ini perlu dipergiatkan dan terus dipantau dari masa ke semasa.

6.9.4 PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN IBU MENGANDUNG

Program ibu mengandung adalah untuk menjana kesedaran mengenai kepentingan kesihatan pergigian kepada ibu sebagai agen perubahan kesihatan pergigian di persekitaran rumah dengan mengubah tingkah laku di kalangan keluarga. Terdapat 21 Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) di bawah liputan BKP JKWP&P. Pencapaian ibu mengandung bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Rajah 13: Pencapaian Ibu Mengandung 2021

Perkara	Pencapaian 2019	Pencapaian 2020	Pencapaian 2021
Peratus Liputan	60.2%	23.5%	44.1%
Peratus Ibu Mengandung di beri ceramah	63.5% (15463/24354)	25.3% (4094/16179)	46.0% (9387/20387)
Peratus ibu mengandung yang mencapai status orally fit	41% (1515/3696)	35.7% (1872/5237)	43.4% (3894/8973)

Daripada jadual di atas didapati peningkatan peratus liputan ibu mengandung, bilangan diberi ceramah dan mencapai status orally fit bagi tahun 2021 berbanding 2020. Peningkatan jumlah ibu mengandung ini berikutan tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan lawatan ke KKIA dapat diteruskan seperti biasa selepas setengah tahun 2021. Namun begitu, jumlah liputan ini masih dianggap sedikit. Antara sebab yang dapat dikenalpasti adalah Kurang kesedaran ibu

mengandung terhadap kepentingan kesihatan pergigian. Terdapat ibu mengandung yang tidak hadir ke klinik pergigian walaupun dirujuk oleh pihak KKIA dengan alasan jarak klinik pergigian yang jauh. Sehubungan itu, program ini akan diteruskan lagi dengan pendekatan seperti nasihat (chair side) atau ceramah yang diberi di KKIA akan pentingnya menjaga kesihatan pergigian dan untuk hadir ke temujanji yang diberi.

6.9.5 PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN GOLONGAN KEPERLUAN KHAS (GKK)

Pada tahun 2021, terdapat sejumlah 110 buah fasiliti kerajaan yang diliputi oleh Bahagian Kesihatan Pergigian. Pencapaian Program GKK adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 15: Jumlah Institusi Golongan Berkeperluan Khas (GKK) Kerajaan 2021

Jenis Institusi	Sekolah Rendah		Sekolah Menengah		Sekolah Rendah Dengan Kelas Pra sekolah	PDK	Jumlah
	Dengan Kelas Pendidikan Khas	Pendidikan Khas	Dengan Kelas Pendidikan Khas	Pendidikan Khas			
Lembah Pantai	8	2	8	-	3	5	26
Titiwangsa	9	-	6	1	3	3	22
Kepong	14	-	8	-	5	1	28
Cheras	7	1	5	-	1	1	15
Putrajaya	4	-	4	-	4	7	14
Jumlah	42	3	31	1	16	17	110
Jumlah pesakit yang diperiksa	91/1188 (7.7%)		0/727 (0%)		5/58 (8.6%)	98/375 (26.1%)	194/1278 (15.2%)
% TPR	78.0		0		100	56.1	78.0
% Kes Selesai	78.0		0		100	56.1	78.0

KESIMPULAN

Pencapaian taraf kesihatan mulut GKK di sekolah, institusi dan PDK pada tahun 2021 masih boleh dipertingkatkan pada masa akan datang. Pencapaian pada tahun ini banyak terkesan akibat penularan wabak pandemik COVID-19. Sehubungan itu, tindakan penambahbaikan seperti memastikan rawatan secara menyeluruh diberikan kepada golongan GKK berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan, menjalankan rawatan pencegahan

klinikal dan merujuk kepada Pakar Pergigian Pediatrik / Pakar Pergigian Keperluan Khas bagi murid-murid yang tidak memberi kerjasama. Selain itu, mekanisme penyampaian pendidikan kesihatan pergigian perlu sejajar dengan keadaan semasa melalui media massa & alat elektronik mengikut kesesuaian & kemudahan yang ada di sekolah, institusi dan PDK untuk memastikan keberkesanan program.

6.9.6 PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN WARGA EMAS (WE)

Tujuan program ini adalah untuk memberi perkhidmatan pergigian yang optima kepada golongan warga emas dan meningkatkan akses golongan warga emas kepada kesihatan pergigian yang berkualiti bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan yang sejahtera.

6.9.6.1 Pencapaian Program WARGA EMAS (WE) di Klinik Pergigian bagi tahun 2021

Jadual 16: Pencapaian Program WE

Perkara	Bilangan (orang)	Umur	Bilangan (orang)
Baru:	16076	60 tahun	1273
		61-64 tahun	4857
		65 tahun	1098
		66-69 tahun	3635
		70-74 tahun	2953
		>75 tahun	2260
Ulangan:		20689	
Jumlah Kedatangan:		36765	
Kes selesai:	3337 (20.76%)	Tidak mencapai sasaran 35% kes selesai	
Taraf kesihatan mulut berdasarkan WE mempunyai ≥ 20 batang gigi	42.77%	Tidak mencapai sasaran 60% WE yang mempunyai ≥ 20 batang gigi	

Jumlah kedatangan WE bagi tahun 2021 adalah seramai 36,765 orang. Seramai 16,076 orang (43.7%) adalah kedatangan baru, manakala 20,689 orang (56.3%) adalah kedatangan ulangan. Majoriti kedatangan baru adalah WE berumur 61-64 tahun

iaitu seramai 4857 orang. Kes selesai bagi WE adalah 20.76%. Tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 35%. Bagi pencapaian taraf kesihatan mulut berdasarkan WE mempunyai >20 batang gigi adalah 42.77% juga tidak mencapai sasaran iaitu 60%.

6.9.6.2 Pencapaian Perkhidmatan kesihatan Pergigian Warga Emas Di Institusi / Pusat Komuniti 2021

Pada tahun 2021, lawatan ke institusi / pusat komuniti tidak dapat dijalankan secara menyeluruh. Ini adalah disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan Covid-19. Memandangkan golongan warga emas adalah golongan berisiko tinggi untuk jangkitan Covid-19, lawatan ke institusi terpaksa ditangguhkan.

Walaupun bagaimanapun, pihak klinik telah mengambil inisiatif dengan memberi Pendidikan Kesihatan Pergigian secara atas talian mengikut kesesuaian dan


keadaan di institusi WE / Pusat Komuniti masing-masing. Seramai 68.4% pelatih dan 90.91% penjaga WE telah diberi PKP.

Secara keseluruhan, program perkhidmatan kesihatan pergigian pada tahun ini terjejas akibat penularan wabak pandemik COVID-19. Lawatan menyeluruh ke institusi dan Pusat Komuniti terpaksa ditangguhkan disebabkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

6.9.7 PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN PESAKIT LUAR

Jumlah kedatangan pesakit pada tahun 2021 menunjukkan sedikit peningkatan berbanding tahun 2020 seperti ditunjukkan dalam Rajah 14 di bawah.


Rajah 14: Trend Kedatangan Pesakit 201-2021




Majoriti pesakit yang telah mendapatkan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah kategori dewasa diikuti dengan warga emas bagi 3 tahun berturut-turut dari tahun 2019 sehingga tahun 2021. Terdapat peningkatan kedatangan pesakit pada

tahun 2021 berbanding tahun 2020, ini disebabkan oleh kesiapsiagaan bilik rawatan yang telah sedia secara berperingkat pada tahun 2021 untuk menyediakan rawatan kepada pesakit dimusim pandemic Covid-19 ini.

Rajah 15: Kedatangan Perkhidmatan Pesakit Luar (Mengikut Kategori): Tahun 2019 - 2021



CABARAN DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR



TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR

Menganalisa unjuran sumber manusia dalam perkhidmatan Kesihatan Pergigian Masyarakat (service target vs service needs) (NOHSA 2020)



Kesiapsiagaan Perkhidmatan bagi menampung jumlah pesakit tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan Kesihatan Pergigian yang diberikan kepada masyarakat. Mapping perjawatan agar selari dengan fasiliti dan sumber manusia Kepentingan Perkhidmatan


Kesiapsiagaan Bilik Aerosol Generating Procedure (AGP) di semua fasiliti. Penyelenggaraan penggunaan sistem walk-in dan temujanji secara atas talian. Contoh: QR code, Que Med



Pelaksanaan Program MyCOST pada tahun 2021 di mana peruntukan berdasarkan output/perkhidmatan yang diberikan (Primer, Masyarakat dan Kepakaran)

6.10 PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN (PROMOSI & MASYARAKAT)

Rajah 16: Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Pergigian Promosi dan Masyarakat



6.10.1 PROGRAM INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG)

Program Kesihatan Pergigian untuk guru pelatih di semua Maktab dan Institusi Perguruan telah diadakan semenjak tahun 1991.

Objektif program IPG adalah untuk memperkasakan guru-guru dalam memberi sumbangan yang berkesan terhadap peningkatan taraf kesihatan pergigian murid-murid sekolah.

Terdapat 3 IPG di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terlibat dalam program ini. Walaupun negara sedang berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengekang penularan COVID-19, Program IPG tetap dijalankan dengan pematuan *Standard Operating Procedure* (SOP) dan norma baru. Perincian program adalah seperti berikut:

Jadual 17: Pencapaian Program IPG tahun 2021

IPG	Tarikh	Aktiviti	Jumlah Kehadiran Pelatih	KPI: Peratus Kehadiran Pelatih di IPG (85%)
IPG Kampus Bahasa Melayu	5.10.2021	Ceramah & Pre-test, Post-test secara atas talian	97/104 (93.3%)	Tercapai
IPG Kampus Bahasa Antarabangsa	7.5.2021		150/154 (97.4%)	Tercapai
IPG Ilmu Khas, Cheras	10.9.2021		122/155 (78.70%)	Tidak Tercapai


GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI



Sesi Ceramah, Pre-test & Post-test secara atas talian bagi IPG Kampus Bahasa Antarabangsa



Sesi Ceramah secara atas talian oleh Pakar Kesihatan Awam, Dr. Azura




Peserta Sesi Ceramah, Pre-test & Post-test secara atas talian bagi IPG Ilmu Khas, Cheras

6.10.2 PROGRAM IKON GIGI (iGG)

Program iGG mula dilaksanakan di BKP JKWPKL&P pada Mei 2017. Program ini merupakan satu program yang dijalankan melalui konsep sukarelawan dan pemerksaan masyarakat. Melalui konsep ini, mesej-mesej berkaitan kesihatan pergigian dapat disampaikan dengan lebih meluas. Sehingga 31 Disember 2021, BKP JKWPKL&P mempunyai seramai 54 iGG dan 49 fasilitator.

Program ini berlandaskan prinsip pengaruh 'peer to peer' supaya lebih efektif dalam menyampaikan maklumat. Secara keseluruhannya, pada tahun 2021, iGG BKP JKWPKL&P telah berjaya menjalankan sebanyak 729 aktiviti.

GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI




Perkongsian iGG Keith Foo secara FB live




Perkongsian iGG Dai' Danial Secara FB live



Perkongsian iGG Famee di Instagram



Pembentangan oleh iGG Fairuz bagi Projek Inovasi iGG di Konvensyen iGG 2021 secara atas talian



6.10.3 KOLABORASI

Walaupun negara dilanda Pandemik COVID-19, aktiviti penyampaian mesej pergigian dan kolaborasi pelbagai agensi tetap dilaksanakan sama ada secara bersemuka, atas talian dan radio bergantung kepada SOP yang ditetapkan. Oleh itu, pencapaian bagi tahun 2021 menaik mendadak berbanding tahun 2020 dan hampir menyamai pencapaian pada tahun 2019 iaitu sebelum COVID-19.

Pencapaian BKP JKWP&P bagi tahun 2021 adalah seperti jadual berikut:

Jadual 18: Pencapaian Program Kolaborasi 2019 hingga 2021

PERKARA	PENCAPAIAN		
Tahun	2019	2020	2021
Bilangan program	237	27	694
Bilangan Peserta Ceramah	18470	1416	21019
Bilangan Pameran	116	16	45
Bilangan Pesakit Diperiksa	4800	495	3145

GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI

ZON TITIWANGSA



Kolaborasi bersama Anggota Pulapol



Kolaborasi bersama ATM Kem Kementah



Kolaborasi bersama Anggota Kerajaan di UTC

ZON LEMBAH PANTAI

Kolaborasi bersama Perpustakaan Negara



Kolaborasi bersama Polis Di-Raja Malaysia



ZON KEPONG



Kolaborasi bersama Klinik Kesihatan

ZON CHERAS

Kolaborasi bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan



ZON PUTRAJAYA



Kolaborasi bersama
PDK



Kolaborasi Bersama KLFM

6.10.5 MINGGU PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN (MPKP)

MPKP akan dilaksanakan secara serentak di seluruh negara bermula pada bulan Julai setiap tahun. Pada tahun 2021, tema yang dilancarkan adalah 'Ingat Hari Jadi, Ingat Doktor Gigi'. Tema ini bertujuan untuk mengingatkan masyarakat untuk mendapatkan pemeriksaan pergigian sekurang-kurangnya sekali

setahun. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang MPKP ceramah kesihatan pergigian, pameran dan pemeriksaan kesihatan mulut di semua klinik pergigian dan pertandingan video MPKP peringkat Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pertandingan Video MPKP



6.10.6 KLINIK PERGIGIAN MESRA PROMOSI (KPMP)

Menjadikan klinik pergigian sebagai pusat tarikan orang ramai untuk datang secara berkala bersama keluarga

Memperkuh komponen pencegahan kesihatan pergigian yang disediakan di klinik pergigian

Memperkuh komponen promosi kesihatan pergigian di klinik pergigian

Memperkasa peranan anggota kesihatan pergigian dalam aspek promosi dan pencegahan kesihatan pergigian

Melaksanakan satu mekanisme pemantauan dan penilaian yang berkesan bagi penambahbaikan perkhidmatan di klinik pergigian

PENGENALAN

Klinik Pergigian Mesra Promosi (KPMP) merupakan satu pendekatan serampang dua mata Program Kesihatan Pergigian, kementerian Kesihatan Malaysia (PKP KKM) dalam memberikan perkhidmatan di peringkat klinik pergigian yang lebih holistik dimana komponen rawatan, pencegahan dan promosi disatukan di bawah satu bumbung. Klinik-klinik pergigian ini dipilih bagi mempromosikan kesihatan dan pencegahan selain daripada perkhidmatan rawatan yang sedia ada.

Terdapat lima (5) buah Klinik Pergigian Mesra Promosi (KPMP) di BKP JKWPCL&PS di setiap zon iaitu Zon Lembah Pantai (Klinik Pergigian Tanglin), Zon Titiwangsa (Klinik Pergigian Setapak), Zon Kepong (Klinik Pergigian Jinjang), Zon Cheras (Klinik Pergigian Cheras) dan Zon Putrajaya (Klinik Pergigian Putrajaya Presint 18).

Objektif Penubuhan KPMP

Komponen Klinik Pergigian Mesra Promosi (KPMP)

Infrastruktur

- Menyediakan ruang supaya susun atur adalah kondusif bagi merangsang proses pembelajaran
- Menyediakan surgeri pergigian supaya aktiviti pencegahan boleh dijalankan dengan lancar

Aktiviti

- menyediakan ruang bagi membolehkan sinergi antara aktiviti promosi, pencegahan dan perkhidmatan-perkhidmatan sedia ada tidak terganggu/terjejas.

Hebahan

- Hebahan berkaitan Klinik Pergigian Mesra Promosi dijalankan sama ada secara hebahan melalui poster ataupun media sosial untuk mempromosikan KPMP kepada masyarakat.

GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI

Pameran kesihatan pergigian di Klinik Pergigian Tanglin



Ceramah kesihatan pergigian di Klinik Pergigian Putrajaya Presint 18



Nasihat Kesihatan Pergigian individu



Sudut Anda Tanya Kami Jawab



Sudut Santai



6.10.7 PROGRAM PEMFLUORIDAAN BEKALAN AIR AWAM

Pemfloridaan bekalan air awam merupakan proses memasukkan florida ke dalam bekalan air terawat pada paras **0.4** hingga **0.6** parts per million (ppm) dan diterima sebagai polisi kerajaan sejak tahun 1972. Ia merupakan aktiviti pencegahan primer yang berkesan

untuk mencegah kerosakan gigi. BKP JKWPKL&P perlu memantau paras florida dalam bekalan air awam supaya menepati paras optimum yang telah ditetapkan.

Terdapat 3 Loji Rawatan Air (LRA) & Pusat Retikulasi bagi tahun 2021 iaitu:

1. Loji Bukit Nanas, Jalan Galloway
2. Loji Wangsa Maju, Seksyen 5, Wangsa Maju
3. Loji Sungai Semenyih, Presint 9, Putrajaya

Pencapaian status bacaan di loji dan retikulasi pada tahap optimum adalah **100%** bagi semua loji tersebut.

Jadual 18: Senarai Lokasi Retikulasi & Pencapaian JKPKWL & P

Loji	Bil	Lokasi Retikulasi	Klinik Pergigian bertanggungjawab	Kekerapan Bacaan Sebulan		Jumlah Bacaan	Bacaan Florida (Ppm)	
				Loji	Retikulasi		No	%
Loji Bukit Nenas	1	Jalan Galloway (Jalan Hang Isap), WPKL	Klinik Pergigian Cahaya Suria	4	4	48	48	100
Loji Wangsa Maju	1	Seksyen 5, Wangsa Maju, WPKL	Klinik Pergigian Setapak	4	4	48	48	100
Loji Sg. Semenyih	1	Putrajaya Presint 9, WP Putrajaya	Klinik Pergigian Putrajaya Presint 9	4	4	48	48	100

Pengukuhan Latihan

Sepanjang tahun 2021, Taklimat Pengendalian *Pocket Calorimeter* telah dijalankan pada 6 September 2021 secara atas talian, dihadiri oleh Penyelia Juruterapi Pergigian, Pembantu Pembedahan Pergigian, dan Pembantu Perawatan Kesihatan. Walau bagaimanapun, sesi lawatan ke Loji Rawatan Air tidak dapat dijalankan secara fizikal memandangkan negara berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengekang penularan wabak COVID-19.

KESIMPULAN

Berdasarkan laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM), anggaran penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sehingga suku pertama 2021 adalah 1,766,700 orang manakala anggaran penduduk di Putrajaya pula adalah 114,900 orang. Secara keseluruhannya, **kesemua** penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya menerima bekalan air paip dan bekalan air berflorida. Sehubungan itu, diharap Program Pemfluoridaan Bekalan Air Awam sentiasa dikekalkan bagi mengawal kejadian karies dan mengekalkan kualiti hidup rakyat yang optimum.

6.10.8 PROGRAM PRIMARY PREVENTION AND EARLY DETECTION OF ORAL POTENTIALLY MALIGNANT DISORDERS AND ORAL CANCER

PENGENALAN

Program Pencegahan dan Pengesanan Awal Pra-kanser dan Kanser Mulut telah dijalankan berdasarkan kepada Garis Panduan *Primary Prevention and Early Detection of Oral Potentially Malignant Disorders and Oral Cancer* yang telah dikeluarkan pada tahun 2018. Antara aktiviti yang dilaksanakan dalam program ini adalah saringan pemeriksaan mulut untuk semua orang dewasa warganegara Malaysia berumur berumur 18 tahun dan ke atas berkuatkuasa mulai 1 Julai 2020 (rujukan Surat "Penyelarasan umur pesakit bagi aktiviti saringan kanser mulut pada Garis panduan "Primary Prevention and Early Detection of Oral Potentially Malignant Disorders and Oral Cancer, 2018", KKM.600-33/4/10 JLD 3 (33) bertarikh 12 Jun 2020).

Aktiviti lain program ini termasuk aktiviti promosi kesihatan pergigian dan rujukan pesakit yang mempunyai lesi mulut ke Klinik Pakar Bedah Mulut dan Maksilofasial/Perubatan dan Patologi Mulut atau rujukan pesakit yang mempunyai tabiat berisiko tinggi ke Klinik Berhenti Merokok. Pada dasarnya program ini dilaksanakan mensasarkan kumpulan sasaran seperti kaum India dan Orang Asli di Malaysia Timur. Kaedah saringan komuniti berisiko tinggi dijalankan di kampung atau estet yang dikenal pasti, manakala kaedah opportunistic screening dilakukan di klinik pergigian. Namun bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, kaedah yang dilaksanakan ialah opportunistic screening.

OBJEKTIF AM

Untuk mengurangkan prevalens dan kejadian Gangguan Potensi Malignan Mulut dan Kanser Mulut (Oral Potentially Malignant Disorders, OPMD and Oral Cancer) di kalangan masyarakat.

OBJEKTIF KHUSUS

- i. Untuk melakukan saringan terhadap orang dewasa bagi pengesanan awal OPMD dan kanser mulut dalam komuniti berisiko tinggi yang dikenalpasti
- ii. Untuk menjalankan opportunistic screening bagi pengesanan awal OPMD dan kanser mulut di kalangan orang dewasa yang menghadiri program komuniti dan menghadiri klinik pergigian
- iii. Untuk mengesan kes-kes OPMD dan kanser mulut, membuat rujukan dan pemantauan kompians pesakit yang dirujuk
- iv. Untuk mendidik masyarakat umum dan komuniti berisiko tinggi mengenai faktor risiko, tanda-tanda awal kanser mulut dan pemeriksaan mulut sendiri (Mouth Self Examination, MSE).

Jadual 19: Laporan Am Aktiviti 2021

Jumlah pesakit Umur 18 tahun ke atas yang disaring		Jumlah pesakit disaring dengan tabiat berisiko tinggi		Pesakit dengan tabiat berisiko tinggi						Jumlah Pesakit disaring yang ada lesi mulut		Pesakit dengan lesi mulut			
				Jumlah Dirujuk		Jumlah Hadir Untuk Rawatan		Jumlah Berjaya Berhenti				Jumlah Dirujuk		Jumlah Hadir Rujukan	
Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti
71,440	443	4931	30	447	1	31	0	0	0	61	0	51	0	45	0


Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2021

Kempen Minggu Kesedaran Kanser Mulut telah diadakan pada 7 November 2021 sehingga 13 November 2021 di semua klinik pergigian di WPKL & Putrajaya. Majlis Pelancaran Minggu Kesedaran Kanser Mulut bagi tahun 2021 telah diadakan di secara alam maya melalui Facebook Live dengan tema “Jom Check Mulut”. Aktiviti-aktiviti yang diadakan adalah dengan memuatnaik infografik dan poster-poster dengan mesej Kesedaran Kanser Mulut di laman Facebook Program Kesihatan Pergigian KKM dan Instagram. Manakala Pelancaran Minggu Kesedaran Kanser Mulut Peringkat JKWPKL&P telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (pergigian), Dr Cheng Lai Choo melalui Facebook Live pada 10 November 2021. Laman Facebook Bahagian Kesihatan Pergigian Kuala Lumpur & Putrajaya juga telah dimuatnaik dengan pelbagai


poster dan infografik serta video berkaitan kesedaran Kanser Mulut. Manakala aktiviti Minggu Kesedaran Kanser Mulut turut dijalankan di seluruh Klinik Pergigian dengan aktiviti seperti pameran, ceramah, saringan mulut, demonstrasi pemeriksaan mulut sendiri (Mouth-Self Examination, MSE) dengan Standard Operating Procedure (SOP) yang ketat akibat penularan wabak Covid-19 yang melanda.

Sempena Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2021 juga, kemunculan pakar-pakar dari JKWPKL&P iaitu Dr Norhayati bt Omar (Pakar Bedah Mulut dan Maksilofasial, Hospital Putrajaya) dan Dr Azura bt Abdullah (Pakar Pergigian Kesihatan Awam) telah dijemput untuk sesi temubual secara Live di slot Sembang KL di Radio KLFM pada 17 November 2021.


Rajah 17: Pencapaian Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2017, 2018, 2019, 2020, 2021



Rajah 18: Jumlah Saringan Kanser Mulut 2021 mengikut KP



Rajah 19: Aktiviti Promosi Sempena Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2021



Aktiviti Latihan

Jadual 20: Aktiviti Latihan yang Diadakan bagi Tahun 2021

Aktiviti/Kursus	Sasaran	Tarikh	Trainer	Sasaran 2022
Seminar Calibration And Standardization Of Primary Prevention And Early Detection Of Oral Potentially Malignant Disorders And Oral Cancer	60 Pegawai Pergigian	12 Ogos 2021	Dr Azura Abdullah Dr Fadzira Maarof (OMFS HPJ) Dr Nur Syazwani Che Husin	September 2022
Minggu Kesedaran Kanser Mulut	Kolaborasi KKM & OCRCC, UM	7-13 November 2021	-	November 2022
MQUIT – Certified Smoking Cessation for Service Provider	Pegawai Pergigian Dan Juruterapi Pergigian	8 – 9 September 2021	Dr Takdir Singh	September 2022
Kesihatan Mulut Tanpa Amalan Merokok (KOTAK)	Anggota Pergigian	12 Oktober 2021	Dr Nurul Iman Mohd Nor	Oktober 2022

PENEMUAN

Sepanjang Tahun 2021, jumlah pesakit yang disaring adalah seramai 70,874 orang, manakala pesakit dengan tabiat berisiko adalah seramai 4980 orang. Jumlah ini lebih tinggi berbanding dengan tahun-

tahun sebelum ini. Seramai 51 pesakit dirujuk ke Klinik Pakar Bedah Mulut dan 447 pesakit dirujuk ke Klinik Berhenti Merokok.

MAKLUM BALAS / KELEMAHAN

Didapati pesakit yang dirujuk dan dikesan di tahap 1 hanyalah 1.96% (1 daripada 51 pesakit) berbanding

dengan Indikator National Oral Health Goal (NOHG) 2020 sebanyak 30%.

ULASAN / CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Dengan penularan Pandemik Covid-19 yang melanda, pelbagai inisiatif dan aktiviti telah dijalankan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kanser mulut. Di antara aktiviti tersebut adalah pendedahan melalui alam maya di Facebook dan Instagram juga di media massa seperti di siaran radio.

Pesakit-pesakit yang dirujuk perlu diwujudkan mekanisma bagaimana untuk memantau pesakit

dirujuk hadir ke Klinik Pakar Bedah Mulut dengan meningkatkan kesedaran mengenai kanser mulut dan pengesanan awal serta tabiat berisiko tinggi di kalangan masyarakat. Kesedaran berkaitan kepentingan pengesanan awal amatlah penting kerana langkah ini boleh dirawat di peringkat awal dan menyelamatkan nyawa. Pesakit juga telah dihubungi pada tahun berikutnya samada pesakit yang dirujuk telah hadir temujanji atau sebaliknya.

KESIMPULAN

Program *Primary Prevention and Early Detection of Oral Potentially Malignant Disorders and Oral Cancer* perlu diperkasakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat serta sebagai langkah pengesanan awal kanser mulut dan mengurangkan tabiat berisiko tinggi.

GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI PROGRAM



Majlis Pelancaran Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2020 Peringkat KKM, 7 November 2021 Melalui Facebook Live



Majlis Pelancaran Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2021 Peringkat JKWPKL&P, 10 November 2021 Melalui Facebook Live

Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2021 di Klinik Pergigian
(7-13 November 2021)



Sesi Temubual Secara Live di
Slot Sembang KL di
Radio KLFM pada 17 November 2021



6.10.9 PROGRAM KAMPUNG ANGKAT PERGIGIAN

PENGENALAN

Program Kampung Angkat Pergigian merupakan satu inisiatif baharu dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian yang telah dimulakan di Negeri Sembilan pada tahun 2019. Kemudian ia dikembangkan ke seluruh negara. Penggunaan istilah 'kampung' dalam program ini merujuk kepada sesebuah kelompok penempatan komuniti sama ada di kampung atau di bandar termasuk penempatan golongan B40, masyarakat terpinggir dan golongan miskin bandar. Program ini melibatkan kolaborasi antara Bahagian Kesihatan Pergigian dan pihak pengurusan di sesebuah komuniti di mana setiap

klinik pergigian akan bertanggungjawab dalam penjagaan kesihatan pergigian masyarakat kampung di bawah jagaan masing-masing.

Rasional program ini adalah:

1. Meningkatkan akses perkhidmatan kesihatan pergigian kepada masyarakat
2. Mengoptimumkan penggunaan sumber manusia, klinik dan makmal pergigian bergerak
3. Pengukuhan program promosi kesihatan pergigian

KAMPUNG ANGKAT DI BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN, JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA (BKP JKWPKL&P)

Pada tahun 2021, Program Kampung Angkat Pergigian di Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya dimulakan dengan tiga (3) buah Projek Perumahan Rakyat (PPR) seperti berikut;

1. PPR Muhibbah dibawah tanggungjawab Klinik Pergigian Petaling Bahagia
2. PPR Sri Aman dibawah tanggungjawab Klinik Pergigian Jinjang
3. PPR Cochrane dibawah tanggungjawab Klinik Pergigian Kg. Pandan

LAPORAN AKTIVITI 2021

Walaupun terdapat kekangan untuk menjalankan program disebabkan penularan wabak COVID-19, pihak BKP JKWPKL & Putrajaya tetap komited untuk menyantuni penduduk di Kampung Angkat Pergigian yang telah dipilih. Beberapa aktiviti telah dijalankan

sepanjang tahun 2021 seperti penghasilan Video Pengenalan Kampung Angkat Pergigian, edaran bakul makanan dan kebersihan diri kepada keluarga terpilih dan Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2021.

i. Edaran Bakul Makanan dan Kebersihan Diri

Edaran bakul makanan ini telah dijalankan pada 15 dan 16 Julai 2021. Edaran bakul makanan ini bertujuan membantu golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Antara barang yang disumbangkan adalah beras, tepung, gula, Milo,

sabun badan, sabun tangan dan kit kebersihan mulut. Dengan bantuan dan kerjasama Pengerusi PPR, seramai dua puluh (20) orang keluarga bagi setiap PPR telah dipilih bagi menerima bakul ini.





ii. Penghasilan dan Hebahan Video Pengenalan Program Kampung Angkat Pergigian

Video yang berdurasi selama 7.40 minit ini bertujuan untuk memberi maklumat kepada orang awam mengenai Program Kampung Angkat Pergigian. Video ini telah dijayakan oleh Pasukan Media Sosial BKP JKPWKL&P iaitu Dr. Tan Vei Xhion, Dr. Grace Tan Yee Cheen, Dr. Imanina binti Zulkifli, Dr. Yong Lui Jieng, Dr. Huda Nadiah binti Nasir dan Dr. Lynhtia Wong serta Dr. Siti Hawa binti Abdul Razak sebagai *host*. Video ini telah dimuat naik pada 24 Ogos 2021 di semua media sosial milik BKP JKPWKL&P seperti Facebook, Instagram, Youtube dan Twitter.



iii. Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2021

Sempena Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2021 dengan tema **#Jomcheckmulut**, Program Khidmat Masyarakat telah diadakan pada 13 November 2021 bertempat di Dewan PPR Kg. Muhibbah. Antara program yang dijalankan adalah pemeriksaan pergigian, pameran dan permainan interaktif, dan

forum yang bertajuk “Kesihatan Mulut Bukan Sekadar Gigi” bersama 3 orang panel iaitu Dr. Mohammad Azwin bin Yahya, Pakar Oral & Maksilofasial Hospital Kuala Lumpur dan dua orang bekas pesakit kanser mulut.



Di PPR Cochrane Perkasa pula diadakan Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2021 secara *hybrid* pada 13 hingga 19 November 2021. Dimana, ceramah dan pameran telah diadakan secara atas talian pada 13 November 2021, manakala pemeriksaan gigi dan mulut diadakan di klinik pergigian pada 15 hingga 19 November 2021.



PENCAPAIAN

Jadual 20: Pencapaian Program Kampung Angkat Pergigian Tahun 2021

Perkara	Pencapaian 2021	Sasaran 2022
Peratus KP Primer yang mempunyai Kampung Angkat Pergigian (100%)	15% (3/20)	25% (5/20)
Peratus kampung yang dijadikan Kampung Angkat Pergigian	5.7% (3/53)	9% (5/53)
Peratus keluarga yang dilawat (20%)	0.7% (16/2280)	20%
Peratus Kampung Angkat Pergigian yang menjalankan 1 kali projek komuniti (100%)	100%	40%
Peratus toddler di Kampung Angkat Pergigian melalui lawatan rumah ke rumah diberi sapuan varnish berfluorida (100%)	0%	50%

KESIMPULAN

Disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Standard Operating Procedure (SOP) yang ketat bagi membendung penularan Pandemik COVID-19, aktiviti lawatan rumah ke rumah tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang. Hanya lapan (8) keluarga sahaja yang hadir untuk pemeriksaan pergigian dan mulut semasa Minggu Kesedaran Kanser Mulut bagi setiap PPR Muhibbah dan PPR Cochrane Perkasa.

Walaupun sambutan adalah kurang menggalakkan, aktiviti ini tetap dianggap berjaya kerana merupakan aktiviti kemasyarakatan pertama yang diadakan secara bersemuka sejak negara dilanda Pandemik COVID-19. Promosi dan aktiviti kesedaran kesihatan mulut akan terus digiatkan bagi mendapatkan kerjasama penduduk dan menarik lebih ramai pengunjung kelak.

NOTA

SIDANG REDAKSI

Penasihat

DATUK DR. PARAM JEETH SINGH A/L PAKAR SINGH



Ketua Penyelaras & Pengarang

DR. RONIYUZAM B. ABD. MALEK



Penolong Ketua Penyelaras & Pengarang

DR HAJI MOHD AKMAL B. DATO' DAHLAN



1.0 BAHAGIAN PENGURUSAN

PN. NUR TASYAHEERA BT. YUSOFF



2.0 BAHAGIAN PERUBATAN

PN. SHUAIBAH BT. JUSOF

PN. SITI SALWA BT. MOHAMAMD

CIK SITI FADZLIANA BT. MOHD FADZIL

EN. MUHAMMAD 'AZIEM B. MASERI



3.0 BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

DR. NAZLINA BT. DURMAN



4.0 BAHAGIAN KUALITI DAN KESIHATAN MAKANAN

PN. SHAHIDATUL ANISAH BT. MOHD SHARIF

EN. MOHD MOZALI B. MOKHTAR



5.0 BAHAGIAN FARMASI

EN. MUHAMMAD FADHLI B. ABD RAZAK



6.0 BAHAGIAN PERGIGIAN

DR. HAZWANI BT. HASSAN



Bahagian Penyunting

PN. SITI SALWA BT. MOHAMAMD

CIK SITI FADZLIANA BT. MOHD FADZIL

EN. MUHAMMAD 'AZIEM B. MASERI



Bahagian Grafik dan Keseluruhan

EN. MUHAMMAD 'AZIEM B. MASERI





KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA (JKWPKL & P)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**Jalan Cenderasari, Tasik Perdana,
50480 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

WEBSITE: <http://jknkl.moh.gov.my>